

DN.9.8.2001

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 9 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1. - Y.B. Puan Hajah Melati binti Ali tidak hadir]

2. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian mengadakan Program 'Outreach' bagi mendedahkan pelajar Melayu luar bandar kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS kerana dengan adanya program sebegini pelajar dengan sendirinya mendapat semangat dan maklumat terperinci dalam meneroka ilmu pengetahuan dan kerjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya telah mengadakan program Outreach di sekolah-sekolah bersama dengan pihak IPTA. Kini kementerian sedang merancang untuk mengadakan program Outreach bagi mendedahkan kaunselor-kaunselor sekolah dan pelajar kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS. Pihak IPTS juga mengadakan program pendedahan dalam bentuk *road show*, dengan izin, khususnya semasa cuti sekolah selain daripada sesi-sesi ceramah dan penerangan melalui aktiviti kelab kerjaya.

Dengan adanya program tersebut adalah diharapkan para pelajar termasuk pelajar di kawasan luar bandar mendapat maklumat dan pendedahan mengenai peluang-peluang pendidikan di peringkat tinggi sama ada di IPTA ataupun IPTS.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sudah wujud dan difahami benar oleh kerajaan bahawasanya prasarana pendidikan di luar bandar jauh lagi ketinggalan kalau dibandingkan dengan arus perdana pendidikan di peringkat bandar, adakah pihak kerajaan dapat membuat unjuran daripada segi bilakah anak-anak kita daripada luar bandar boleh bersaing sama

rata (level playing field) dengan anak-anak dalam bandar untuk mencerminkan kecemerlangan yang sama apabila mereka menyertai IPTA dan IPTS. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Mengenai dengan apa yang sedang kita lakukan sama ada di bandar mahupun di luar bandar kita sentiasa mencari jalan bagaimana untuk mengimbangi antara bandar dan luar bandar. Seperti mana kata Yang Berhormat tadi apakah pengunjuran kita ataupun yang saya faham target kita mengenai dengan keseimbangan ini. Sebab itu antara perkara-perkara yang telah kita lakukan umpamanya seperti mewujudkan makmal-makmal komputer. Jadi, keutamaan kita beri kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Di sini saya ingin beri pujian kepada – ini macam orang kata angkat bakul sendirilah, melalui agensi Kerajaan Pusat di negeri Terengganu seperti KETENGAH telah mewujudkan macam-macam program seperti e-community di mana memberi exposure kepada anak-anak....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit. Yang Berhormat katakan Terengganu selepas itu sebut KETENGAH. Adakah belanjawan yang sama, adakah itu belanjawan negeri Terengganu ataupun belanjawan Persekutuan, kita hendak bezakan penekanan. Saya difahamkan Kerajaan Negeri Terengganu hendak buat sekolah pun masih lagi tergendala kerana tak dapat tanah. KETENGAH ini lain, jadi bezakan ini yang agak mengelirukan kita ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Begini sahaja Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. KETENGAH ini ialah agensi Kerajaan Pusat. Sebab itu bila kita bercakap mengenai dengan wang ehsan, program-program Kerajaan Pusat hendaklah kita beri sokongan. Bukan kita sengaja hendak mencampuradukkan politik. Tetapi kita selalu memberi penekanan kepada apa tanggungjawab kita sebagai Kerajaan Pusat yang mana walaupun Kerajaan Negeri Terengganu kita hormati, mereka telah memilih PAS sebagai kerajaan negeri begitu juga Terengganu. Tetapi semua agensi Kerajaan Pusat tetap menjalankan tanggungjawab mereka kepada rakyat pada keseluruhannya. Misalnya, macam kita kata program-program kita mengenai dengan disiplin sekolah, saya hairan kalau kita kata hari itu dengan adanya apa agama kita telah pun mewajibkan pendidikan agama dan pendidikan moral kepada murid-murid kita. Tetapi

kalau kita lihat, saya ambil contoh sahaja di negeri Terengganu dan Kelantan, ini di bawah pentadbiran kerajaan yang katanya kerajaan PAS yang katanya Islamic. Macamlah kita Kerajaan Barisan Nasional tak Islamic. Kalau kita ambil macam kesalahan dadah sahaja daripada 1999 sehingga 2000 - Kelantan pada tahun 1999, 11 kes. Kemudian pada tahun 2000 meningkat kepada 61. Begitu juga negeri Terengganu, pada tahun 1999, katanya kalau dahulu di bawah Barisan Nasional bolehlah kita selalu kutuk Barisan Nasional. Tetapi daripada 16 telah meningkat kepada 91. Ini yang kita beritahu selalu, apabila sesudah sahaja pilihan raya marilah kita kerja kuat, kita kerja keras untuk menunjukkan bahawa masyarakat kita, kerajaan kita masih sivil, iaitu ceramah-ceramah kita jangan guna sangat banyak pasal hal politik. Mari macam mana kita hendak tunjuk untuk membina masyarakat.

Jadi, begitu juga...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh saya teruskan atau hendak tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sikit sahaja, kerana disebut Terengganu dan Kelantan pasal dadah. Saya minta bolehkah sebut negeri Selangor.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tambahan. Di negeri Selangor, penagih dadah berapa? Baru kita boleh buat bandingan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Negeri Selangor? Negeri Selangor tahun 1999 ada 28, kemudian tahun 2000 ada 30. Sebab itu saya kata jangan tuduh bahawa - Kerajaan Barisan Nasional ini bertanggungjawab dalam apa hal sekalipun. Apa yang kita lakukan adalah Islamic. [Tepuk]Macam itu juga kalau kita lihat Wilayah Persekutuan pun 22, katalah naik 39 pada tahun 2000, itu Wilayah Persekutuan. Ini negeri Terengganu di bawah sebuah kerajaan yang katanya kerajaan Islam. Jadi, janganlah buat tuduhan itu semberono sahaja kepada pihak Kerajaan Pusat kata kita tidak lakukan. Kita jalankan usaha untuk membina masyarakat. Jadi, berilah sedikit kredit

kepada Kerajaan Barisan Nasional. Janganlah kita dengan pendidikan Islam kita, kita gunakan setiap ceramah untuk memaki hamun pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, mengutuk dan sebagainya dengan menggunakan istilah-istilah yang kita tidak Islamic seperti 'Maha Firaun, Mahazalim' pada hal kita buat benda-benda yang Islamic. Islamic bukan untuk orang Islam sahaja, untuk keseluruhan warganegara Malaysia sama ada dia Islam mahupun bukan Islam. Itu adalah Islamic.

Saya balik kepada soal tadi iaitu program-program Outreach tadi kita berharap bukan sahaja kita panggil guru-guru kaunselor sahaja yang bertanggungjawab, kita juga mahukan peranan ibu bapa. Kalau kita ambil angka sahaja daripada berapa jumlah murid kalau kali dua atau kita kali empat, sebab setiap murid itu mesti ada ibu dan bapa atau waris dia, kemudian kali dengan bapa saudara dia, ibu saudara dia dan kali dengan tok long, tok ngah dan sebagainya. Jadi, kita harap keluarga berperanan juga dalam hal ini. Oleh itu, kita berharap daripada sekarang ini kita Kementerian Pendidikan memang serius walaupun menteri nya berubah tetapi dasar kita, tanggungjawab kita tetap sama dan kita akan teruskan untuk membaiki keadaan ini. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika kawalan tingkah laku perlu kaunseling, sejauh mana bilangan kaunselor di sekolah menengah bagi mencukupi bilangan keperluan bagi sesebuah sekolah keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah soalan yang saya kata soalan yang bersifat sensible. *[Ketawa]* Terima kasih. Macam inilah contoh dan saya berharaplah Yang Berhormat bawa balik kepada teman-teman Yang Berhormat beritahu Kerajaan Barisan Nasional ini bukanlah buruk, bukanlah Maha Firaun, Mahazalim. Kita ini kerajaan yang Islamic sebenarnya. Beritahu dengan teman-teman yang lain yang se angkatan dengan Yang Berhormat.

Mengenai dengan guru kaunselor tadi kita anggap ini guru bimbingan. Kita sekarang ini sedang merancang bahawa setiap buah sekolah termasuk sekolah rendah sekalipun kita akan mewujudkan guru kaunselor. Dan harapan kita dalam projeksi kita ialah setiap 500 orang murid akan diletakkan di bawah seorang kaunselor. Tetapi bukanlah ini bermakna segala-galanya adalah jatuh di bahu kaunselor itu sahaja dalam

soal bimbingan. Kita harap semua guru bertanggungjawab. Sebab itu saya kata bukan sahaja guru, malah juga ibu bapa ataupun keluarga itu mengambil bahagian. Kalau keluarga tidak mahu berperanan inilah timbulnya masalah. Macam saya katakan tadi soal bukan sahaja daripada segi pilih mata pelajaran, kita juga daripada segi disiplin pelajar itu kita mahu semua pihak termasuk PAS, termasuk UMNO, sebab itu bila PAS hendak jumpa dengan UMNO hendak bincang masalah inilah, bukan hendak bincang masalah berapa kerusikah, berapa itukah, kita tak kisah, bila pilihan raya mari kita bertentangan antara satu sama lain. Selepas pilihan raya mari kita kerjasama, buat kerja ini. Ini kerja Islamic. Bukan buat kerja ceramah pergi sana-sini untuk kutuk orang ini, kutuk orang itu, itu katanya Islamic. Itu tidak Islamic! Macam hari ini kita buat penangkapan. Saya tidak mahu sentuhlah itu Majlis Keselamatan Dalam Negeri.

Jadi, saya berharap dan kita dari masa ke semasa keperluan jika wujud kita akan tambah lagi guru kaunseling ini dan perkhidmatan mereka juga kita akan mengambil kira. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan keistimewaan yang diperoleh oleh Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan melalui keanggotaan dalam WTO.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu pada 13 Ogos 2001 bersama soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun kerana kedua-dua menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan perdagangan yang ditetapkan melalui perundingan dengan WTO telah menjamin suasana perdagangan pelbagai hala yang boleh dijangka dan stabil. Peraturan-peraturan ini membolehkan Malaysia menangani tindakan-tindakan unilateral serta amalan-amalan perdagangan yang tidak adil oleh negara-negara lain. Sebagai anggota WTO Malaysia menikmati layanan tanpa diskriminasi. Peluang-peluang kemasukan pasaran atau keistimewaan yang diberi oleh sesebuah negara kepada anggota-anggota lain diberi juga kepada Malaysia.

Penurunan tarif melalui perundingan pelbagai hala telah memberi peluang bagi Malaysia untuk meningkatkan eksport produk-produknya ke pasaran-pasaran asing sehinggakan Malaysia menjadi pengeksport ke-18 terbesar di dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, proses globalisasi dan WTO bukan hanya menguntungkan negara-negara Barat sahaja kerana negara-negara membangun juga mendapat faedah daripada sistem perdagangan antarabangsa yang teratur. Begitu juga proses globalisasi bukan sahaja memberi cabaran tetapi juga peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat tempatan dengan syarat mereka melakukan yang wajar untuk meningkatkan daya saing.

Walau bagaimanapun, adalah disedari bahawa tidak semua isu yang dicadangkan di rundingan WTO mempunyai kesan positif terhadap negara. Dalam hal ini, Malaysia akan bekerjasama dengan negara-negara membangun yang lain untuk menentukan isu-isu seperti piawai buruh dan alam sekitar tidak dimasukkan dalam agenda WTO. WTO adalah penting kepada negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Malaysia telah dan akan terus mengambil peranan yang aktif serta mengamalkan pendekatan yang proaktif dalam mempengaruhi agenda dan rancangan kerja WTO supaya benar-benar memanfaatkan industri perdagangan negara. Kerajaan akan terus berdialog dengan pihak swasta dan lain-lain pihak yang berkaitan untuk menentukan pendirian negara dalam isu-isu bakal dirundingkan di WTO. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan China akan menjadi salah sebuah anggota WTO tidak lama lagi dan sudah tentu ini akan menjadikan ia sebuah negara bersaing yang hebat kepada negara kita sebagai trading nation. Apakah langkah-langkah dan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan kita untuk memastikan negara akan terus menjadi salah sebuah negara yang terbesar trading nation dalam dunia ini. Terima kasih,.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara China akan menjadi satu negara yang akan bersaing dengan Malaysia dalam pengeksportan barangan Malaysia tetapi pada yang sama apabila negara China menjadi salah sebuah negara

anggota WTO ia juga akan memberi layanan yang sama kepada Malaysia dan membuka pasaran kepada pengeksportan Malaysia juga. Jadi, di samping ia menjadi sebuah negara yang saingan dengan Malaysia ia juga memberi peluang kepada pengeksport-pengeksport daripada Malaysia. Jadi, kita perlu anggap bahawa kemasukan negara China ke WTO dari sudut yang positif dan pragmatik dan mengambil peluang-peluang untuk menerokai pasaran yang bakal diwujudkan di negara China. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya rasa bimbang dengan WTO Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu artikel baru-baru ini Malaysia bersama-sama dengan Pakistan dan juga Egypt, Mesir dan India dilingkungi di dalam apa yang dipanggil like minded group. Maksudnya kumpulan yang mempunyai pemikiran yang sama terhadap WTO vis-à-vis ataupun berkenaan dengan negara-negara membangun. Kerana WTO seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri kita sendiri kadang-kadang membawa agenda-agenda yang boleh memiskinkan lagi negara-negara membangun terutama apabila perdagangan dikaitkan dengan agenda seperti piawaian buruh, labour standard, dengan izin, ataupun dengan alam sekitar. Jadi, like minded group telah pun mengutarakan syarikat mesyuarat di Doha yang akan diadakan pada bulan November ini tidak mengambil kira perkara-perkara yang baru tetapi menyelesaikan agenda yang lama supaya ianya dapat menentukan liberalisasi globalisasi menerusi WTO bukan sahaja menguntungkan negara-negara yang maju tetapi mengambil kira kepentingan-kepentingan negara-negara yang membangun.

Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan apakah pendirian kita ini akan berterusan sebegitu rupa bersama dengan protes-protes yang dibuat oleh anti-capitalism yang bermula di Seattle pada 1999 sehingga ke Geneva di mana kemuncak (summit) G-8 pun mereka hentam habis-habisan kerana bimbang WTO ini akan merosakkan dan memiskinkan lagi negara-negara membangun dan meluaskan lagi jurang miskin-kaya. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, gambaran like minded yang disebarkan oleh pihak media Barat adalah kurang adil kepada Malaysia. Malaysia tidak menentang globalisasi malahan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan

sistem pasaran terbuka dan kita sokong proses globalisasi dan kita juga inginkan segala keputusan dan rundingan yang diambil dalam rundingan globalisasi dan WTO tidak mendatangkan kesan negatif kepada kepentingan negara.

Dalam rundingan WTO yang akan diadakan di Doha, pada akhir tahun ini, kita berharap ia akan menjadi tumpuan kepada dua aspek. Aspek pertama ialah meneruskan rundingan tentang masalah yang dihadapi semasa melaksanakan perjanjian yang dicapai dalam Pusingan Uruguay iaitu apa-apa yang dicapai sebelum ini, sebab semasa kita melaksanakan perjanjian kita menghadapi masalah khususnya oleh Negara-negara Membangun dan perkara-perkara tersebut patut ditangani. Itu adalah aspek pertama.

Aspek kedua, kita berharap rundingan ini akan meneruskan rundingan apa yang disifatkan sebagai a mandated negotiation terhadap sektor perkhidmatan dan sektor pertanian.

Jadi, kita tidak mahu perkara-perkara baru di masukkan dalam rundingan WTO di Qatar. Dalam pada ini dan banyak Negara Membangun telah bersependapat dengan Malaysia bahawa satu agenda yang jelas perlu dipersetujui terlebih dahulu sebelum kita bersetuju mengadakan apa-apa rundingan baru di WTO. Kita tidak akan menyertai apa-apa rundingan di mana kita tidak ada persetujuan dalam agenda-agenda sebelum sesuatu rundingan diadakan. Jadi, ini pendapat ini pun telah mendapat sokongan dari banyak Negara Membangun sebagai ahli-ahli WTO. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

4. Tuan Jang Chow Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah sos dan perisa makanan yang dihasilkan oleh kilang-kilang tempatan itu selamat daripada bahan 3-MCPD yang boleh menyebabkan penyakit kanser memandangkan ujian-ujian yang dijalankan ke atas sos dan perisa yang diimport daripada beberapa buah negara jiran mengandungi kelebihan bahan-bahan bahaya tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyedari keadaan di United Kingdom mengenai isu 3-MCPD dalam sos soya. Dan oleh kerana itu telah memulakan pemantauan terhadap semua produk tempatan dan produk yang diimport. Setakat 8 Ogos 2001, sebanyak 516 jenama yang meliputi sos soya, sos tiram, sos ikan, perisa

makanan dan sos sebatian HVP (Hydrolyze Vegetable Protein) telah dihantar untuk analisis di pusat doping Universiti Sains Malaysia.

Daripada jumlah itu, 235 jenama telah dianalisis setakat ini dan 16 jenama ataupun 12% telah didapati mengandungi 3-MCPD yang melebihi paras yang ditetapkan iaitu dengan izin, 24 per bilion. Daripada jumlah tersebut, lapan jenama adalah buatan Malaysia manakala lapan jenama adalah produk import.

Sebanyak 219 jenama daripada 235 telah dikenal pasti mematuhi paras MCPD yang dibenarkan. Daripada jumlah ini 217 adalah produk sos tempatan, manakala dua adalah produk sos import. Oleh yang demikian, keadaan adalah terkawal.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah kementerian membuat pemantauan terhadap makanan yang diimport daripada negara-negara jiran di setiap pintu masuk yang kebanyakannya dijual dengan meluas di pasar-pasar malam. Contohnya, seperti jeruk-jeruk dan makanan-makanan ringan yang kita lihat perkara ini daripada segi penggunaan bahan pewarna yang kita nampak maknanya begitu banyak yang kemungkinan melebihi daripada standard piawaian negara kita. Jadi adakah setakat ini Kementerian Kesihatan membuat pemantauan terhadap bahan-bahan makanan seperti ini.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau sebarang bahan makanan yang dibawa masuk ke dalam negara ini melalui semua pintu masuk. Selain daripada itu juga, pemantauan terus dijalankan dan juga di pusat-pusat penjualan ataupun retail outlets, dengan izin. Jadi, saya rasa pemantauan ini dilakukan di setiap peringkat, di peringkat masuk dan juga di kedai-kedai ataupun di mana-mana tempat jualan barang-barang makanan tersebut.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Daripada jawapan, ramai bilangan yang telah diminta mengeluarkan produk mereka. Selain daripada itu apa lagi tindakan yang telah diambil terhadap pengusaha-pengusaha ini yang telah melebihi had yang dibenarkan iaitu lebih daripada 20 ppm. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kandungan 3-MCPD dalam sos soya ini iaitu seperti yang saya katakan tadi yang ditetapkan oleh negara-negara lain ataupun di negara-negara maju ialah 24 per bilion, tetapi ini belum diwartakan. Jadi,

pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk mewartakan had ini dan pada masa yang sama itulah sebabnya apa yang kita boleh kita lakukan pada masa sekarang ialah membuat pemantauan dan juga menarik balik ataupun mengarahkan pekedai-pekedai ataupun pengeluar-pengeluar tersebut untuk menarik balik. Setakat ini semua produk yang didapati melebihi had 24 per bilion ini telah pun diarahkan dan daripada maklumat yang saya terima semua pengilang ataupun pengedar telah pun mengeluarkan barangan tersebut daripada jualan mereka.

5. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian dalam usaha menggalakkan pelancongan dalam negara oleh rakyat Malaysia antara negeri-negeri.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2000, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mula melaksanakan secara berterusan langkah-langkah atau usaha-usaha yang lebih agresif dalam mempromosikan dan memasarkan produk dan aktiviti pelancongan bagi menggalakkan pelancongan dalam negara.

Kami telah ciptakan tema 'Cuti-cuti Malaysia' sebagai tema promosi untuk mencipta kesegaran, membina budaya bercuti dan bercuti di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti untuk mempromosikan dan meluaskan kempen ini adalah seperti siaran melalui TV dan radio, mengiklankan secara berterusan di LRT, bas, teksi, billboard dan juga PLUS dan juga akhbar tempatan seperti *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Tamil Nisan*, *New Sabah Times* dan *Sarawak Tribune*.

Pada tahun ini iaitu sehingga Julai 2001, sebanyak 89 insertion iklan pakej-pakej pelancongan domestik telah diiklankan. Kementerian juga mengadakan Program Cuti-Cuti Malaysia Road Show iaitu aktiviti jualan terus pakej-pakej pelancongan domestik kepada consumer pada harga yang menarik.

Aktiviti ini telah dan sedang diadakan pada hampir setiap hujung minggu Sabtu dan Ahad sepanjang tahun 2001 terutamanya di pusat-pusat membeli belah terpilih di Malaysia. Pada tahun ini sebanyak 148 Program Cuti-Cuti Malaysia Road Show telah dirancang untuk diadakan. Sehingga Julai 2001, sebanyak 29 Program Cuti-Cuti

Malaysia Road Show telah diadakan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, pelbagai acara dan festival juga telah dan sedang giat diadakan seperti pesta air, Citrawarna Malaysia, bulan kemerdekaan, karnival jualan mega Malaysia dan pesta buah-buahan dan makanan.

Acara-acara tersebut diadakan di peringkat kebangsaan dan juga negeri-negeri yang tujuan utamanya ialah menyemarakkan pelancongan domestik yang secara tidak langsung akan dapat memberangsangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan melaksanakan program pelancongan pelajar dengan menggalakkan menubuhkan Kelab Pelancongan di sekolah-sekolah untuk mewujudkan kesedaran awam di peringkat awal mengenai pelancongan di kalangan penuntut sekolah. Sekian.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita maklum, salah satu destinasi pelancongan yang utama dalam negara kita ialah Pulau Langkawi. Jadi, saya hendak tahu, setakat ini apakah kesan-kesan yang kita telah perolehi oleh penduduk tempatan terutama daripada segi ekonomi dan sosial, adakah gejala masalah sosial yang ditinggalkan hasil daripada pelancongan terutama pelancong asing ini dan adalah memberi hasil yang positif kepada penduduk tempatan. Kita bimbang budaya-budaya Barat ini membawa kesan yang negatif kepada penduduk-penduduk tempatan. Jadi, kita mahu penjelasan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kesan-kesan sosial. Apa makna yang tidak baik ialah jikalau ada jenayah atau apa-apa, tetapi masa sekarang di Langkawi kita tidak dapati ada apa-apa laporan berkaitan dengan apa-apa kebudayaan yang tidak sesuai dibawa oleh para pelancong asing.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi..., pertama sekali kerana hadir sendiri dengan begitu memeriahkan lagi

suasana Dewan. Dan lebih-lebih lagi dengan pendekatannya menerangkan dengan secara terperinci dan begitu memberangsangkan sehingga menaikkan semangat kita untuk mengikuti Program Cuti-Cuti Malaysia.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian baru-baru ini diumumkan tentang warga tua kalau tidak salah saya, warga emas. Khususnya melibatkan menghubungkan daripada segi tourism, pendidikan dan juga kesihatan yang pada saya dipanggil program TEH - Tourism Education Health (TEH), dengan izin. Cuti-cuti Malaysia saya terpanggil untuk berkongsi dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya.

Soalannya, nasib baik tanya. Soalannya ialah adakah pihak kementerian bercadang untuk melanjutkan program yang diberi galakan khusus kepada pelancong luar negara ini hanya kepada tempatan, sebab warga emas tempatan pun boleh mengambil peluang yang sama kerana ini boleh menjurus ke arah pembelajaran seumur hidup di samping bercuti dan berehat. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Datuk Ghazi, saya pun merasa Datuk Ghazi pun sangat memeriahkan Dewan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, memang bilangan kaum warga tua kita panggil warga emas ialah satu kumpulan yang kita hendak menggalakkan. Jadi kementerian ada selalu berdialog dengan pihak hotel dan juga syarikat pelancongan untuk memberikan pakej special khas untuk warga tua. Sebab memang warga tua itu mereka tidak payah pergi melancong pada peak season, mereka ada masa. Tidak payah ikut kita weekend dan sebagainya, mereka boleh pergi pada weekdays dan juga tidak payah ikut cuti biasa sekolah.

Jadi, pada masa sekarang ada banyak hotel yang ada pakej khas untuk warga tua. Sekian.

6. Datuk Christine Tibok-Vanhouten minta Menteri Kesihatan menyatakan, tentang kemajuan program bekalan air dan kebersihan kawasan sekitar (BAKAS) yang bertujuan untuk membekalkan air bersih dan memelihara kebersihan alam sekitar melalui penyediaan tandas yang sempurna.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, program BAKAS adalah bertujuan untuk mengawal penyakit berjangkit bawaan air dan vektor melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air dan sanitasi, kepada penduduk luar bandar. Program ini dilaksanakan sepenuhnya di negeri-negeri bermula pada tahun 1974. Di bawah program BAKAS penduduk-penduduk luar bandar dibekalkan dengan sistem bekalan air yang selamat serta tandas, sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal yang sempurna. Di bawah program BAKAS sejak tahun 1974 sehingga akhir tahun 2000, sebanyak 1,605,899 buah rumah luar bandar telah dibekalkan dengan bekalan air yang selamat. Dalam tempoh yang sama, 1,686,684 buah rumah luar bandar telah mendapat kemudahan tandas sempurna.

Bagi sistem pelupusan air limbah sebanyak 925,291 buah rumah luar bandar telah diberikan kemudahan yang sempurna. Bagi sistem pelupusan sisa pepejal pula, sebanyak 1,099,522 buah rumah luar bandar telah diberi kemudahan yang sempurna.

Datuk Chistine Tibok Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan di atas jawapan yang memuaskan. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa bekalan air bersih adalah "one of the basic needs of people," dengan izin, memandangkan kebanyakan sungai-sungai kita khususnya di Sabah telah pun dicemari kerana beberapa perkara. Satu, di antaranya adalah pembalakan haram. Saya ingin tahu daripada kementerian berkenaan, jika kampung-kampung yang terlibat dengan pencemaran air di Sabah telah dikenal pasti, dan jika ada, bolehkah kementerian memberitahu di mana, jika bolehlah dan tindakan yang telah diambil. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Saya percaya soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah berkenaan dengan statistik pencemaran air. Kalau statistik pencemaran air, sebenarnya Kementerian Kesihatan di bawah program BAKAS ini, kalau kita menggunakan sesuatu sumber, mungkin daripada sumber air bukit dan sebagainya, kita selalu mengawasi sumber air tersebut. Tetapi sungai-sungai ini memang saya rasa pencemaran ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Merekalah yang mengawal selia tentang pencemaran sungai-sungai tersebut.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah Kementerian Kesihatan pernah membuat kajian mengenai air-air di seluruh negara kerana saya melihat air asli dari Kelantan yang bersifat kekuningan mungkin terhimpit dengan galian besi ataupun pepejal. Jadi bagaimana pandangan Kementerian Kesihatan mengenai air di Kelantan. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, itulah, mintalah tukar kerajaan kepada Barisan Nasional supaya kita pun belanja lebih banyak duit untuk negeri itu. Namun demikian, di bawah BAKAS pun sebenarnya untuk tahun 2001 ini pun, kalau kita perhatikan jumlah yang kita sebenarnya peruntukan adalah sebanyak RM24 juta. Dan daripada RM24 juta, sebanyak RM5 juta dikhaskan untuk negeri Kelantan dan Terengganu sahaja. Tetapi sebenarnya Kementerian Kesihatan daripada segi kawalan mutu air, kita cuma membuat mengambil sampel secara berkala untuk memastikan bahawa air yang diminum itu adalah selamat. Selain daripada itu, kalau kita hendak secara umum itu saya rasa adalah di luar kuasa Kementerian Kesihatan.

7. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, berapa banyak peruntukan yang telah diagihkan kepada program penanaman semula pokok kelapa sawit yang tua itu, jumlah yang telah dipohon dan bilangan pihak yang telah menikmati kemudahan skim ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk membiayai skim insentif tanaman semula kelapa sawit. Sehingga 24 Julai 2001, sebanyak 4,423 permohonan telah pun diterima, ianya merangkumi seluas 153,504 hektar untuk didaftar di bawah skim ini.

Permohonan terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu institusi kerajaan termasuk FELDA, RISDA, FELCRA dan kerajaan negeri iaitu sebanyak 29%, pekebun kecil sebanyak 14% dan ladang swasta sebanyak 57%. Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu agensi pelaksana skim ini sedang memproses permohonan tersebut dan mereka yang berjaya disyaratkan agar menebang pokok-pokok mereka sebelum akhir

tahun 2001. Bayaran insentif akan dibuat hanya selepas pokok-pokok tersebut ditebang. Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Soalan tambahan saya, memandangkan harga minyak sawit ini telah naik begitu tinggi dan memandangkan rancangan yang telah dilaksanakan pada masa itu ialah untuk mengatasi masalah harga rendah minyak kelapa sawit itu, adakah kementerian bercadang buat sementara waktu menggantung skim ini memandangkan sekarang adalah satu peluang yang baik untuk kita keluarkan lebih amaun dan jual dalam pasaran yang memerlukannya dan sekarang memberikan suatu harga yang begitu lumayan? Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini adalah masalah yang timbul akibat kenaikan harga yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa pengusaha-pengusaha harus maklum iaitu daripada sebab-sebab kenapa harga kelapa sawit ini naik ialah oleh kerana langkah-langkah yang telah pun diambil oleh kerajaan. Satu daripadanya mengurangkan stok melalui penebangan pokok-pokok yang tidak economic lagi seperti yang dikatakan. Jadi, oleh itu kita berharap kepada semua pengusaha dan peladang supaya pokok-pokok mereka yang tidak economic lagi iaitu pokok yang berusia lebih daripada 25 tahun dan yang tinggi yang susah hendak dituai haruslah ditebang.

Dan kita telah pun mengatakan bahawa kita cuma akan membayar insentif RM1,000 sehektar sekiranya mereka melakukan penebangan ini dalam tahun ini iaitu 31 Disember dan sekiranya mereka tidak lakukan maka kita tidak akan membayar insentif seumpama itu. Tetapi apa yang kita maklum bahawa pengusaha-pengusaha terutama sekali ladang-ladang swasta telah pun mengiktiraf bahawa ada keperluan untuk kita menebang dan ini akan dilakukan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan perusahaan kelapa sawit ini akan berterusan sehingga barangkali 20 hingga 30 tahun lagi daripada sekarang dan kawasan yang diusahakan begitu besar dan saya percaya tidak ada seorang pun yang ada di dalam Dewan yang mulia ini akan mengajar anak-anak mereka menjadi pekerja di ladang kelapa sawit, saya

ingin tahu apakah langkah-langkah dan usaha kerajaan untuk menyediakan pekerja-pekerja untuk mengendalikan ladang kelapa sawit yang sebegini besar dan penting bagi negara kita ini?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Satu daripada masalah industri kelapa sawit dan juga getah ialah masalah buruh. Dan dalam industri ini sebahagian besar daripada pekerja-pekerja adalah terdiri daripada pekerja asing dan Kementerian Perusahaan Utama melalui agensi-agensi tertentu telah pun menggalakkan supaya satu insentif ataupun satu sekolah didirikan untuk melatih anak-anak kita supaya mahir daripada segi industri penanaman kelapa sawit ini. Dan ini telah pun dijalankan dan beberapa syarikat utama telah pun membuat satu apa yang kita kata menggalakkan pekerja-pekerja mereka supaya mereka ini dihantar kepada satu skim latihan yang telah dan sedang dijalankan untuk mereka ini dapat berkecimpung dalam perusahaan ladang-ladang ini. Sekian terima kasih.

8. Tuan K.R.A. Naidu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan pemuda dan pemudi India yang memohon untuk menyertai pasukan Polis Negara dalam eksais pengambilan kadet polis baru-baru ini dan peratus yang berjaya dipilih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Di-Raja Malaysia telah menerima sebanyak 99 permohonan dari kalangan pemuda India bagi pengambilan kadet polis baru-baru ini. Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, hanya 22 orang sahaja yang layak untuk ditemuduga dan seramai 4 orang sahaja yang telah berjaya dipilih. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada wakil Menteri dalam negeri. Sebelum soalan tambahan saya, saya ingin meminta izin Tuan Yang di-Pertua, untuk merakamkan selamat datang kepada pegawai-pegawai yang datang melalui rombongan Kementerian Dalam Negeri daripada Terengganu yang penuh atas. *[Sorak] [Tepuk].*

Soalan tambahan saya ialah kita selalu membicarakan masalah berkenaan bukan bumiputera yang kurang berminat dengan menyertai anggota polis terutamanya

dan jawatan-jawatan yang beruniform. Bolehkah kerajaan menjelaskan kepada kita apakah berlaku diskriminasi kepada bukan bumiputera dalam kenaikan pangkat tinggi di dalam jabatan polis ini sendiri terutama sekali kepada bukan bumiputera? Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Rosli, kerajaan tidak pernah mengadakan apa-apa diskriminasi di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Masalah yang terdapat ialah kerana bangsa India ataupun Cina lebih berminat untuk bekerja dengan swasta daripada bekerja dengan kerajaan. Umpamanya seperti yang telah saya sebutkan tadi daripada jumlah yang minta bekerja di polis sahaja pada yang lepas ialah Melayu 929 orang, Cina 74 orang, India seperti mana saya sebutkan tadi 99 orang. Yang layak ditemuduga Melayu 236 orang iaitu 25.4%, Cina 25 orang iaitu 33.8%, India 22 orang iaitu 22.2%. Berjaya dipilih Melayu 22 orang iaitu 2.4%, Cina 4 orang, 5.4% dan India 4 orang iaitu 4%. Ini jelas menunjukkan kita tidak mendiskriminasikan mana-mana kaum di dalam jabatan kerajaan dan kerajaan sekarang memang melihat untuk meningkatkan pengambilan rakyat berbangsa lain untuk bekerja dengan kerajaan. Ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan kita sedang mencari jalan bagaimana untuk mengambil atau memberi mereka peluang-peluang atau menyukakan bangsa lain ini untuk masuk bekerja dengan kerajaan. Sekian terima kasih.

9. Tuan Zainal bin Rampak minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mempercepat penyelesaian kes-kes pemberhentian kerja yang dilaporkan di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Apakah Kementerian bercadang mewujudkan satu sistem/prosedur di mana sesuatu kes wajib dikendalikan dalam masa tiga bulan sahaja seperti berikut:-

- (i) bulan pertama – perundingan terus
- (ii) bulan kedua – perundingan di Jabatan Perhubungan Perusahaan;
dan
- (iii) bulan ketiga – Timbang tara di Mahkamah Perusahaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengendalikan kes-kes pembuangan kerja, Kementerian Sumber Manusia tidak boleh memaksa pihak majikan dan pekerja untuk mengadakan perundingan secara terus. Rundingan damai yang dijalankan oleh kementerian melalui

jabatan perhubungan perusahaan adalah bertujuan untuk mencari penyelesaian yang saksama dan adil untuk menjurus kepada konsep, dengan izin, win-win situation. Jika kes-kes pembuangan kerja di bawah Seksyen 20 tidak dapat diselesaikan secara rundingan damai ianya akan dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk timbang tara. Mahkamah Perusahaan akan mendengar kes tersebut dan akan membuat keputusan di mana salah satu pihak akan menang atau akan kalah.

Dalam menangani isu pembuangan kerja kementerian ini telah melipatgandakan usaha untuk menyelesaikan seberapa banyak kes yang boleh dalam masa yang singkat dengan pegawai yang sedia ada untuk ditambah dan dengan pegawai-pegawai perhubungan perusahaan yang telah bersara diambil beke rja semula secara kontrak. Di samping itu juga kementerian juga telah mengemukakan kepada agensi pusat untuk menambahkan bilangan pegawai dalam penyusunan semula jabatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah terbaca dalam surat khabar bahawa Singapura telah menghentikan pekerja mereka kira-kira dalam lingkungan 60,000. Dan saya percaya sebahagian daripada mereka ini adalah rakyat Malaysia. Dua hari yang lalu saya juga terbaca bahawa dalam masa yang terdekat Malaysia akan menghentikan sejumlah 90,000 orang pekerja. Dan dari jumlah ini 75% hingga 80% adalah wanita dari kumpulan separuh mahir terutama sekali dalam elektronik industri.

Keadaan ini adalah merunsingkan walaupun kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memberi pekerjaan yang lain kepada mereka dan juga memberikan mereka latihan yang tertentu. Jadi, soalan tambahan saya di sini ialah, memandangkan sebahagian daripada pekerja yang kena berhenti ini adalah wanita, tidakkah kerajaan bercadang untuk menggalak wanita-wanita ini bekerja sebagai pembantu rumah untuk mengganti atau mengambil alih tugas-tugas pembantu rumah warganegara asing yang pada masa ini begitu banyak di negara kita? Dan saya percaya kerajaan tentu boleh mengadakan satu skim di mana pekerja-pekerja pembantu rumah wanita kita bekerja dalam masa yang tertentu. Sekian terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau kita lihat senario ekonomi jiran kita di selatan, memang menakutkan kerana kali pertama mereka mengakui bahawa mereka mengalami technical recession. Di Singapura ada lebih kurang 700,000 pekerja-pekerja asing yang bekerja. Cuma di Singapura tidak ada perundangan kalau satu kilang atau operasi ditutup pekerja tempatan diberi keistimewaan di mana pekerja asing diberhentikan dahulu. Jadi, kesan daripada pemberhentian kerja yang mungkin juga melibatkan pekerja-pekerja daripada Malaysia kita sudah secara pro-aktif melakukan beberapa pendekatan seperti mengadakan job fair.

Kita juga sedang bercadang untuk mengadakan apa yang sudah pun dimulakan di Amerika, the green form campaign di mana mereka yang diberhentikan kerja dapat satu surat yang berwarna hijau. Ini tidak ada sangkut-paut dengan Kelantan. Atau di Singapura mereka yang diberhentikan kerja menerima surat daripada majikan mereka berwarna samar warna Puteri UMNO. Jadi di Malaysia kita juga sedang memikirkan bagaimana kita boleh menyediakan satu psychological arrest dengan izin, kerana mereka yang diberhentikan kerja secara tiba-tiba akan merasakan bimbang, rasa takut dan rasa insecure. Justeru itu kita akan melakukan perkara-perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat untuk menggalakkan mereka yang diberhentikan kerja ini menjadi pembantu rumah ini agak sukar sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh bawa kuda ke sungai tetapi kita tidak boleh hendak paksa dia minum. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan soalan asal daripada Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, berkenaan dengan masa yang diminta supaya kes-kes yang melibatkan perundangan dan perbicaraan timbang tara di mahkamah perusahaan ini supaya diminta dalam keadaan tiga bulan. Kerana kes-kes yang sedang berlaku sekarang ini kita nampak ianya dapat diputuskan hanya kalau ditambah kakitangan oleh. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi kebanyakan kesnya hanya selesai antara dua hingga tiga tahun. Jadi, masalah ialah masalah gantung tidak bertali kepada mangsa

ataupun kepada yang kena berhenti kerja ini si berhenti kerja yang mana untuk mencari kerja baru dan untuk sama ada mendapat keputusan yang adil daripada mahkamah perusahaan. Jadi, apakah, kalau boleh, kerajaan dapat memutuskan supaya dalam masa kalau tidak tiga bulan pun antara 6 hingga 12 bulan supaya kes-kes ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau kita lihat statistik mengenai kes seksyen 20 ini adalah kes di mana jika mana-mana pekerja merasakan yang ada unsur-unsur penganiayaan dalam pembuangan atau pemberhentian kerja, maknanya *injustice dismissal*, jadi ini kena faham. Jadi, pekerja yang diberhentikan atas dakwaan seksyen 20 ini akan merasakan ia tidak dilihat adil oleh majikan dan biasanya kita akan menggalakkan rundingan antara majikan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan, kemudian di antara pekerja dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan dan kedua-duanya sekali dan untuk dapat satu ketentuan, ia memang mengambil masa yang lama, Yang Berhormat.

Justeru itu, ini bukan kita sahaja-sahaja hendak melambat-lambatkan kes-kes yang tertentu kerana kes di bawah seksyen 20 ini dan peranan Jabatan Perhubungan Perusahaan adalah seperti hakim di Mahkamah Syariah, hendak amankan antara kedua-dua belah pihak dan biasanya ia mengambil masa yang lama tetapi apabila suasana itu tidak boleh lagi ditenteramkan dan kedua-dua pihak tidak ada tolak ansur, maka Menteri ada kuasa untuk menyerahkan keputusan tersebut kepada proses Mahkamah Perusahaan. Sekian, terima kasih.

10. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada mempunyai cadangan untuk menubuhkan Unit Tindakan Khas yang terdiri daripada bekas-bekas anggota pasukan keselamatan dan perkhidmatan awam beruniform dalam membanteras pendatang tanpa izin terutama yang sudah menyusup masuk atau berada di dalam negara termasuk mereka yang telah tinggal melebihi tempoh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Unit

Tindakan Khas yang terdiri daripada bekas-bekas anggota pasukan keselamatan dan perkhidmatan awam bagi membanteras pendatang tanpa izin. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Soalan tambahan saya mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya hendak tahu apakah kajian ada dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri kerana akhir-akhir ini terdapat terlampau banyak sangat rompakan yang dibuat terhadap bank-bank dalam negara kita. Saya teringat masa kecil-kecil dahulu, sampai ada iklan depan bank, dia kata "Big, Strong dan Friendly". Sebab dahulunya – saya minta maaf sahabat kita ada di belakang itu. *[Merujuk kepada seorang pegawai yang bertugas di barisan belakang Blok A]* Saya hendak gunakan bahasa saudara Punjabi, dahulunya besar-besar.

Apakah kajian ada dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri supaya syarikat-syarikat perkhidmatan keselamatan dalam negara ini diberikan tanggungjawab supaya mereka yang dilantik mestilah mempunyai tahap umur yang agak mampu untuk menjaga keselamatan dan juga mereka yang dilantik mestilah mempunyai saiz badan yang agaknya menggerunkan sedikit, tidak menggiurkan mereka yang hendak merompak bank. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Pertama sekali soalan Yang Berhormat ini lari daripada apa yang saya telah ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad. Walau bagaimanapun, apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian dan untuk makluman Dato' Hamzah, sekarang ini kita dalam dunia yang serba canggih, kita tidak perlu lagi "Big, Strong dan Friendly" di depan bank-bank. Mereka ada sistem penggera-penggera yang tertentu untuk menjaga keselamatan bank. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kegawatan yang menimpa dalam negara kita, kelembapan ekonomi dan beberapa pekerja telah diberhentikan kerja dalam negara kita, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk

membekukan kemasukan buruh-buruh asing ke negara kita bagi menampung dan memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk bekerja dalam syarikat-syarikat yang ada memberikan peluang pekerjaan. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Zainal. Masalah yang terdapat di Malaysia ini ialah kerana rakyat Malaysia ini terlalu manja dan kita mempunyai masalah untuk mengisikan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu. Kebanyakan mereka tidak berminat umpamanya untuk bekerja di ladang-ladang. Ada yang tidak berminat juga untuk bekerja di ladang-ladang, ada yang tidak berminat juga bekerja sebagai pembantu-pembantu rumah, ada juga yang tidak berminat untuk bekerja sebagai dengan izin, *waiter and waitresses*.

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap masalah pengangguran dalam negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini kita boleh dikatakan Malaysia ini di dalam tahap *full employment* iaitu jumlah pengangguran kurang daripada 3%. Jika masalah ini menggetirkan keadaan, saya berkeyakinan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan untuk membekukan pendatang-pendatang yang datang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B Dato' Poo Yew Choy tidak hadir]

[Soalan No. 12 – Y.B Dato' Haji Ahmad bin Ismail tidak hadir]

13. Puan Nosimah binti Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pelaksanaan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mapan, maju dan mampu bersaing di peringkat globalisasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mapan, maju dan mampu bersaing di peringkat globalisasi, kerajaan sentiasa mengamalkan dasar dan pendekatan-pendekatan yang pragmatik dan bersesuaian yang dapat membolehkan ekonomi negara terus berdaya tahan dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ke arah ini termasuk mewujudkan persekitaran pelaburan dan perniagaan yang *conducive* atau dengan izin, *pro business environment* seperti mengurangkan kos kendalian perniagaan serta usaha untuk meningkatkan *efficiency*.

Sehubungan ini, usaha-usaha dilaksanakan bagi mewujudkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan menerusi sistem pendidikan yang menekankan sains dan teknologi, celik huruf komputer, R&D serta inovasi di samping menyediakan infrastruktur bertaraf dunia seperti lebuh raya, lapangan terbang, pelaburan serta koridor raya multimedia. Sementara prosedur pentadbiran telah dikaji semula dan program e-kerajaan telah dilaksanakan untuk mempercepat proses kelulusan dan meningkatkan kecekapan.

Ke arah ini kerajaan telah menubuhkan 91 sekolah bestari di bawah projek perintis, 11 universiti dan 2,400 makmal komputer di bawah fasa pertama, di samping menyediakan peruntukan sebanyak RM27.4 bilion di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan bagi sektor pendidikan dan latihan serta R&D. Semua dasar dan strategi tersebut telah terkandung dalam Rangka Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan.

Pelan induk sektor kewangan dan pelan induk pasaran modal yang telah dilancarkan tahun ini sebagai usaha serentak kerajaan. Kerajaan juga telah menubuhkan satu pasukan petugas khas mengenai globalisasi, dengan izin, *think tank on globalization* di bawah penaungan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Pasukan tersebut sedang menyediakan pelan strategik mengenai globalisasi untuk mengenal pasti strategi-strategi bagi merebut peluang serta menangani kesan buruk daripada globalisasi.

Sehubungan ini, satu Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional dan satu Majlis Eksport Perkhidmatan Profesional Kebangsaan sedang ditubuhkan. Objektif Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional adalah untuk meningkatkan daya saing global, perkhidmatan profesional seperti jurutera, akauntan, peguam dan pakar runding perniagaan. Sementara Majlis Eksport Perkhidmatan Profesional Kebangsaan akan meningkatkan promosi eksport perkhidmatan profesional. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah dengan dasar penswastaan yang diperkenalkan oleh kerajaan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara kita sekarang ini dan apa rasionalnya dalam projek penswastaan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam menjual entiti kerajaan seperti contohnya, Pos yang telah dijual kepada syarikat Phileo Allied dengan harga yang sangat murah. Daripada jumlah yang kita difahamkan bahawa harga sebenar nilai Pos itu melebihi RM1.2 bilion yang hanya dijual dengan harga RM800 juta. Jadi, saya ingin penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak kerajaan, bagaimanakah perancangan kewangan negara kita?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan meneruskan dasar penswastaan kerana kita dapati dasar penswastaan ini telah banyak membantu menjana ekonomi negara. Misalannya sejak tahun 1983, apabila dasar penswastaan dilaksanakan sebanyak 457 entiti telah diswastakan oleh kerajaan dan kebanyakan daripada entiti itu telah mendapat kejayaan dan memberikan hasil dan pulangan yang lumayan kepada kerajaan, di samping kerajaan dapat menyelamatkan komitmen kewangannya dan kerajaan juga mendapat faedah daripada dasar itu dan juga limpahan daripada dasar itu juga menguntungkan rakyat kerana melalui dasar penswastaan, misalannya, kita dapat mengurangkan kadar cukai pendapatan.

Misalannya kalau dahulu kadar maksimum cukai pendapatan 55%, maka sekarang ini dapat kita turunkan kepada 29% sahaja dan cukai korporat juga dahulu 40%, sekarang dapat kita turunkan kepada 28% dan ini tidak syak lagi memberi faedah kepada seluruh rakyat. Maka, dengan itu, saya rasa dasar penswastaan telah memberikan satu pulangan yang baik, menguntungkan negara dan saya rasa tidak ada masalah tentang dasar penswastaan.

Seperti yang saya katakan, kalau ada satu dua yang tidak menepati sasarannya, maka ini tidaklah boleh kita jadikan contoh bahawa dasar penswastaan adalah gagal dan tidak mencapai keseluruhan maksud ataupun objektif yang hendak dicapai oleh pihak kerajaan.

Dari segi pengambilalihan Pos oleh Phileo Allied, Untuk makluman Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah buat contohlah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Apa Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah bagi contoh, cukuplah, sudah...

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi untuk terus berada dalam mapan, maju dan dalam kita dapat bersaing dalam peringkat globalisasi ini tetapi mutakhir ini kita dikejutkan dengan masalah selepas kegawatan ekonomi, rangsangan ekonomi tidak berkembang dalam keadaan yang membanggakan apabila kita melihat kelembapan dalam sektor swasta dan kita dapati lebih daripada 40 lebih syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur mempunyai pelaburan negatif yang memerlukan di antara RM200 juta hingga RM1 bilion mengikut beberapa penganalisis ekonomi yang memerlukan satu injuksi baru kepada kekuatan syarikat-syarikat swasta ini untuk kembali cergas semula, memerlukan hampir RM80 bilion.

Jadi, mengapakah dalam suasana begini kerajaan terus diletakkan tanggungjawab kerana kerajaan telah banyak menjalankan usaha-usaha untuk menyelesaikan rangsangan ekonomi tetapi kita agak lembap peringkat korporat dan juga di peringkat swasta. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah persyarikatan Malaysia ataupun dalam program-program lain yang harus digeratkan bersama kerana nampaknya kerajaan sahaja yang mampu menyelesaikan beberapa masalah ekonomi sedangkan kita....

Dato' Chan Kong Choy: Soalan?

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Soalan, itulah maknanya mengapakah kita membebankan kepada kerajaan 100% dengan tidak meletakkan program penswastan itu sendiri dan melalui syarikat-syarikat besar. Jadi, apakah kita mampu bersaing sekiranya syarikat-syarikat yang seperti di BSKL ini akan menghadapi masalah. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Rosli. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kerajaan perlu memikul tugas ataupun komitmen untuk menyelamatkan ekonomi negara. Kerana itulah maka kerajaan berusaha keras untuk menyusun semula beberapa syarikat misalannya baru-baru ini syarikat UEM, sebagai contoh Yang Berhormat, Syarikat UEM yang disusun semula, di restructure dan ini telah memberi satu keyakinan kepada para pelabur bahawa syarikat-syarikat konglomerat, syarikat-syarikat gergasi negara kita tidak jatuh begitu sahaja. Kerajaan berusaha untuk memulihkan semula syarikat-syarikat seperti ini dan ini memberikan satu keyakinan kepada para pelabur terhadap efficiency, kecekapan, ketelusan dan juga segala daya usaha kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat ini berdaya siang semula dan mempunyai ketahanan semula, boleh berdikari dan boleh maju semula.

Dengan sebab itu bila kerajaan mengambil tindakan mengambil alih, kita dapati di BSKL sekarang ini sudah mula pulih, sudah mula recover orang kata dan saya ingin memaklumkan bahawa pada bulan Julai tahun ini prestasi BSKL..

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak minta laluanakah?.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Sekejap, prestasi BSKL kita adalah di antara yang terbaik di dunia. Sejak 2 Julai hingga 9 Julai, kita mengalami pertumbuhan ataupun kenaikan CI ataupun composite index kita berturut-turut dan kita adalah yang terbaik di dunia. Ini membuktikan bahawa pulihnya keyakinan para pelabur sama ada daripada luar ataupun dalam negeri terhadap ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1, 11, 12 dan 14 hingga 41 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL (PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[8 Ogos 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

11.15 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah menerangkan bahawa Akta Tandatangan Digital ini adalah dapat menjamin keselamatan transaksi online terutama dalam menggalakkan dan mempromosikan e-dagang atau e-commerce. Saya juga telah menerangkan bahawa untuk membawa keyakinan ke atas transaksi secara online atau elektronik kerajaan pun telah bercadang untuk mengadakan satu rang undang-undang yang bertaraf antarabangsa atau world class untuk memberi perlindungan data peribadi yang lebih tinggi selain daripada yang dijamin dalam Akta Tandatangan Digital ini.

Jadi, untuk melanjutkan perbahasan saya pada pagi ini saya ingin menerangkan bahawa selain daripada denda yang begitu tinggi iaitu sebanyak RM250,000 ini, kerajaan dalam rang undang-undang yang akan dibentangkan pada hari yang akan datang ialah memberi satu hak kepada individu di mana jika data-data perlu digunakan oleh seorang yang dikatakan data user atau pemakai data itu kebenaran secara bertulis perlu didapati daripada individu itu. Individu itu jika boleh meminta satu naskhah salinan atas data-data yang dipegang oleh pemakai data itu.

Itulah ada di antara peruntukan yang diperuntukkan di bawah Rang undang-undang yang sedang disediakan. Selain daripada itu ialah dengan satu code of practice dengan izin, di mana satu forum pemakai data atau data user forum secara sukarela akan ditubuhkan di mana badan ini boleh didaftarkan dan mempunyai satu perlembagaan untuk kumpulan ini dan mereka boleh mengeluarkan satu code of

practice, dengan izin dan ini bolehlah dapat mengawal selia secara sukarela berkenaan dengan penggunaan data peribadi ini. Ini yang diperuntukkan atau dicadangkan di bawah rang undang-undang perlindungan data peribadi ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rang undang-undang yang saya nyatakan tadi, selain daripada Akta Tandatangan Digital yang sedang dipinda sekarang ialah kerajaan pun telah mempunyai lain-lain undang-undang atau akta-akta siber seperti Akta Jenayah Komputer 1997 atau Computer Crime Act dan lagi satu ialah dinyatakan itu kepada semua akta siber iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana keselamatan maklumat dan rangkaian adalah boleh dipertingkatkan. Objektif yang ke 10 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia yang dikuatkuasakan pada 1 April, 1999 adalah menitik beratkan aspek keselamatan maklumat.

Integriti dan kebolehpercayaan rangkaian komputer. Berkenaan dengan ini atau sehubungan dengan ini satu kajian sedang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia bersama dengan satu kumpulan kerja yang terdiri daripada wakil-wakil daripada sektor awam dan termasuk wakil dari industri. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan satu dasar umum, satu strategi dan serta garis panduan bagi kedua-dua sektor awam dan swasta di peringkat internasional.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkitkan tentang kemampuan MAMPU. Dalam hal ini MAMPU adalah untuk memantau dan menguruskan berkenaan dengan sistem komputer dan rangkaian bagi pihak atau sektor kerajaan. Bagi memastikan atau memantau aspek keselamatan pengguna IT di sektor awam iaitu sektor kerajaan, bahagian keselamatan IT telah ditubuhkan pada 1 Januari 2000 yang diletakkan di bawah pengawasan MAMPU. Pihak MAMPU sedang menyediakan rangka dasar keselamatan IT kerajaan yang meliputi domain-domain keselamatan data atau maklumat, peralatan komputer dan peripheral, media storage atau media setoran, komunikasi dan peralatan rangkaian termasuk perisian dokumentasi manusia dan premis komputer dan komunikasi.

Surat pekeliling telah diedarkan berkenaan dengan rangka-rangka dasar yang saya sebutkan tadi. Dijangka akan diedarkan kepada semua agensi kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dari tahun 1997 sehingga Jun tahun ini

pencerobohan atau penyalahgunaan tentang sistem atau komputer yang bermaksud mail bomb, apa yang dikatakan spen termasuk harassment atau defacement dengan izin, atau kewujudan virus dan sekarang yang dipanggil worm dan lain-lain. Jumlah penggodam komputer atau hacking, beberapa serangan sebanyak 2,503 kes sehingga Jun tahun ini. Tetapi ini tidak termasuk apa yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat berkenaan dengan code red worm atau 'lalat' di dalam sistem komputer di mana kalau virus dia biasanya boleh menghapuskan data-data dan worm ini boleh berlanjutan atau dengan serangan yang berlanjutan hingga sistem komputer itu atau dengan izin, web server itu terlalu perlahan kerana terlalu banyak permintaan kepada sistem itu.

Daripada laporan yang kami terima yang di atas pemantauan yang dijalankan oleh NISER iaitu National ICT Security and Emergency Response Center yang telah menjalankan satu kawalan dan pemantauan sejak pukul 8.00 pada 1 Ogos tahun ini sehingga 5 Ogos terdapat sebanyak 1,930 sistem komputer yang diserang oleh worm ini di Malaysia. Kalau mula daripada Julai tahun ini lebih daripada 250,000 sistem komputer yang telah diserang oleh worm yang dikatakan code red ini.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Abdul Aziz telah menyentuh tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang merupakan satu dikatakan "super Suruhanjaya". Ini tidak benar kerana dalam industri komputer dan multimedia sekarang, kita nampak satu *trend* yang dikatakan *convergence* di mana dahulu telefon digunakan untuk telefon sahaja, televisyen untuk televisyen dan komputer untuk komputer. Tetapi dengan *convergence* dari segi kandungan atau *content*, *convergence* dari segi media di mana komputer sekarang pun boleh digunakan sebagai telefon iaitu Voice-Over-Internet Protocol (VIP).

Komputer pun boleh memainkan VCD dan DVD dan boleh menerima siaran televisyen dan sebagainya di mana televisyen dengan peralatan yang boleh menerima e-mel dan sebagainya.

Jadi dengan *convergence* ini Kerajaan Malaysia merupakan satu kerajaan yang boleh dikatakan maju dalam dunia ini untuk menyediakan beberapa rang undang-undang untuk menangani dan membuat persediaan berkenaan dengan *convergence*

ini. Dengan menubuhkan satu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di mana fungsi-fungsi yang dahulu dibahagikan kepada beberapa agensi telah di *converge*, dengan izin, atau digantung dalam satu suruhanjaya dinamakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia oleh sebab fungsi-fungsi Pos Malaysia. Pos dahulu tidak dibenarkan e-mel tetapi sekarang pos dianggap sebagai komunikasi juga yang terletak di bawah jagaan atau pengawalseliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan berhubung dengan ini fungsi atau cerita pun di bawah Suruhanjaya ini.

Dahulu *controller*, dengan izin, pengawal untuk kawal tandatangan digital adalah di bawah pengawal pos tetapi oleh sebab jawatan dan fungsi pos ini diambil oleh Suruhanjaya, jadi pindaan ini untuk meminda fungsi berkenaan dengan Suruhanjaya Pos kepada Suruhanjaya dan memang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana fungsi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia adalah meliputi pelaksanaan Akta Tandatangan Digital dan ini tidak bercanggah.

Semasa Akta Tandatangan Digital diluluskan pada tahun 1997, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia belum ditubuhkan dan seperti yang saya katakan tadi, fungsi pengawal pihak berkuasa pemerakuan diberikan kepada Ketua Pengarah Pos dan sudah dua tahun Suruhanjaya Komunikasi ditubuhkan. Oleh sebab ini adalah wajar dan tepat pada masanya di mana pindaan di atas Akta Tandatangan Digital ini fungsinya dipindah kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, antara tajuk yang dikemukakan adalah berkenaan dengan Projek Multimedia Super Corridor seperti yang ramai tahu bahawa projek MSC, dengan izin, bukan sahaja satu projek yang berkenaan dengan - sistem komputer atau multimedia tetapi jika kita ingin mencapai matlamat kita untuk menubuhkan satu negara yang maju di bawah Wawasan 2020, kita tidak boleh bergantung sahaja kepada apa yang dikatakan p-ekonomi atau *production economy*. Kalau kita hendak mencapai matlamat wawasan dalam tahun 2020, kita perlu mengadakan satu *quantum leap* di mana *trend* antara dunia ialah berkenaan dengan industri pengetahuan atau ilmu, berkaitan dengan industri komputer dan sebagainya. Projek MSC ini adalah mustahak bagi kita untuk bersaing dengan negara-negara maju di mana industri berdasarkan ilmu atau teknologi dan pengetahuan adalah mustahak.

Jadi berkaitan dengan ini saya ingin menjelaskan bahawa sasaran MSC sejak ditubuhkan pada tahun 1996 adalah sasaran untuk syarikat-syarikat bertaraf MSC atau yang mempunyai MSC status, sasaran ialah 500 buah syarikat tetapi sehingga 3 Ogos tahun ini, dianggarkan angka ini dicapai pada tahun 2003. Sehingga 3 Ogos ini, sebanyak 541 syarikat yang telah mendapat MSC status. Ini adalah daripada 643 syarikat yang membuat permohonan. Ini bermakna bahawa sasaran MSC telah dicapai dua tahun sebelum tarikh yang ditunjukkan. Daripada ini, kita boleh nampak bahawa anggaran pelaburan adalah mengikut pelan-pelan perniagaan yang telah dikemukakan. Sebanyak RM6.6 bilion pelaburan dijangka sehingga tahun ini. Jadi ini nampaknya satu pelaburan atau anggaran yang begitu besar jika kita dapat menjadikannya satu kenyataan. Jadi projek MSC boleh terus dilaksanakan dengan sewajarnya.

Yang lain ialah berkenaan dengan kekurangan pengetahuan pekerja atau dengan izin, *knowledge workers* yang dibangkitkan semalam. Walaupun kita tidak menafikan bahawa kita kekurangan pengetahuan pekerja dalam sektor ini, kerajaan telah mengadakan beberapa langkah untuk menangani masalah ini dan kerajaan sedar bahawa kekurangan kakitangan yang berilmu dan mahir akan menimbulkan masalah dalam pelaksanaan MSC ini. Jadi sebagai satu tindakan jangka pendek, misalnya, kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat bertaraf MSC atau MSC status yang menghadapi masalah memperoleh pekerja mahir tempatan untuk membawa pekerja mahir dalam bidang IT yang mereka perlukan dari luar negeri. Ini boleh dijalankan melalui satu agensi yang dikatakan *one-stop agency* iaitu Multimedia Development Corporation.

Jadi Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Nor Azah binti Awin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya laluan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam hasrat kita menjadi satu MSC, dengan izin, sebagai satu pusat multimedia yang terancang di rantau ini, dua persoalan kalau boleh kita dapat penjelasan.

Soalan yang pertama adalah dari segi kelajuan talian-talian Internet. Kalau kita lihat dari segi penggunaan masa kini, peratusan besar masih menggunakan talian biasa iaitu talian analog. Sementara yang canggih digunakan pada hari ini ialah ISDN dan masih lagi kita harus menunggu untuk mendapatkan talian ISDN sementara negara-negara maju misalnya ISDN adalah satu teknologi yang sudah *out-of-date*, dengan izin, dan telah menggunakan ABSL selama beberapa tahun. Saya ingin bertanya, bila kalanya negara kita akan menyediakan talian-talian ABSL yang mana kelajuannya data *transfer* dia adalah lebih maju dan lebih canggih.

Soalan kedua saya, dari segi perniagaan elektronik atau dengan izin, *e-commerce*, kita masih lagi menempuh masalah dari segi *merchandising*. Mungkin ini adalah persoalan Kementerian Kewangan - Timbalan Menteri Kementerian Kewangan ada di belakang itu - kedua-dua kementerian mungkin, dari segi misalnya saya ingin menceburi *portal service*, dengan izin, perniagaan *portal service*. Datuk Ghazi, teman saya ini pakar dalam IT ini dan dari segi IT ini tidak ada *track record* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Semuanya adalah satu penceburan yang baru dan kalau kita ingin buat perniagaan secara *online* di mana tandatangan adalah secara *online* dan semua pembelian dan penjualan adalah *online*. Kita masih menghadapi masalah mendapatkan *merchandising account* yang diluluskan oleh pihak Bank Negara dan ini akan merumitkan dari segi perniagaan elektronik. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah berkenaan dengan talian telefon yang begitu *slow*, dengan izin, memang ISDN boleh digunakan di mana kelajuan kalau dibandingkan dengan talian biasa adalah dua kali ganda. Adalah memang benar bahawa ISDN pun boleh dikatakan satu teknologi yang *obsolete* dan sekarang ada teknologi yang menggunakan talian yang sedia ada iaitu ADSL seperti yang dibangkitkan itu.

Syarikat Telekom Malaysia mengadakan satu projek ADSL yang sedang dijalankan dan dari ujian yang didapati, boleh dikata amat memuaskan, tetapi masalahnya ialah dalam perlaksanaan di mana update bukan sahaja dalam ISDN dan

termasuk ADSL kurang memuaskan. Sama ada ini atas harga yang begitu tinggi, sama ada ini atas kesedaran pengguna-pengguna IT sekarang yang mungkin tidak diperlukan.. Sama ada ini berkenaan rangkaian di mana last mile dan rangkaian di antara operator mempunyai satu tahap yang boleh dikatakan memuaskan. Inilah satu bidang yang boleh kita kaji tetapi untuk MSC ini, talian yang digunakan ialah yang lebih canggih dan kelajuan yang lebih tinggi dan ini adalah jaminan yang diberi di bawah MSC di mana talian yang digunakan sekarang ialah fiber optik, ada kemungkinan di masa hadapan di mana sistem *wireless* pun boleh digunakan di mana kelajuan di tahap yang memuaskan. Adalah diharapkan bahawa dengan projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi kita akan dapat satu sistem di mana harga pun rendah, kelajuan cepat dan keluasan rangkaian yang besar.

Jadi berkenaan dengan *portal services*, setakat ini yang mustahak sekali ialah

Datuk Nor Azah binti Awin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluan.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat pergi ke *photo services* itu, boleh saya mendapat penjelasan setakat kelajuan Internet protokol atau server. Kalau betul Telekom tengah mengkaji untuk menyediakan prasarana daripada segi talian ADSL dan jika persoalannya adalah segi kos, persoalan yang saya ingin tanya hari ini ialah, dalam era globalisasi yang akan kita hadapi tidak lama lagi, masih daripada segi penggunaan Internet, Malaysia adalah satu negara yang masih mahal dan keduanya tidak laju. Sementara negara-negara lain telah memberi liberalisasi dari segi penggunaan server. Kalau kita lihat dari segi United Kingdom, kita boleh mendapatkan daripada segi account Internet kita secara percuma, *free serve* dan di Malaysia kita masih lagi mempunyai *protection* dengan izin, tetapi kita kena harus bersedia untuk menghadapi era di mana kita harus kompetitif dan di mana kita harus juga dari segi *cost effective*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dan Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju bahawa dengan era

globalisasi dan persaingan dalam bidang IT, kos perlu diturunkan. Oleh sebab itu, beberapa bulan yang lalu, Telekom Malaysia telah mengurangkan harga akses bagi antarabangsa di mana harga pun turun lebih daripada 30% dan sebagainya dan kos akses Internet, ada orang kata bahawa kalau dibandingkan dengan negara maju seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, mungkin ia tidak selaras dengan kos yang lain. Tetapi daripada kajian yang telah dijalankan oleh kementerian, kalau berbanding dengan kos Internet access dengan negara-negara serantau ini dan termasuk Amerika Syarikat, kos di Malaysia boleh dikatakan yang paling rendah sekali kalau dibandingkan dengan negara lain.

Walaupun ini bukan satu tujuan yang kebanyakan kita sudah berpuas hati dengan keadaan sekarang kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat di dalam globalisasi ini, satu situasi persaingan kos mesti selalu diturunkan sebelum kita dapat menangani dalam era globalisasi ini. Berkenaan dengan *photo servis*, yang mustahak sekali ialah yang dikatakan satu *secured electronic transaction* yang besar sekali di mana jaminan pengguna itu berkenaan dengan bayaran dan sebagainya adalah terjamin. Jadi, tandatangan digital boleh digunakan untuk transaksi elektronik di mana jika tandatangan digunakan, jadi boleh pasti bahawa bayaran ataupun *order* yang dijalankan boleh dikatakan satu transaksi yang benar dan sebagainya.

Seperti yang saya nyatakan semalam ialah, saya cari nota tetapi tidak dapat. [Ketawa]. Bank Bumiputera Commerce dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengadakan satu usaha sama di mana bayaran melalui online tetapi dengan penggunaan tandatangan digital boleh dijalankan dan kalau tidak silap saya, Meps yang sedia ada dalam ATM mungkin ada satu cadangan untuk menggunakan tandatangan digital untuk menjadikan satu *secure d electronic transaction* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah apa yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin berkenaan dengan pendidikan yang perlu dijalankan dalam bidang ini supaya lebih ramai orang lebih faham atau sedar tentang tandatangan digital dan supaya kita dapat memperluas perniagaan melalui elektronik atau e-dagang ini dan tugas ini sedang dijalankan di antara pihak kementerian dan juga pihak Suruhanjaya dan juga pihak

pematuhan akan menjalankan pendidikan untuk orang ramai supaya kita dapat mempromosikan dan fahaman berkenaan dengan tandatangan digital.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masa pun sudah cukup. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz , Dato' Dr. Chin dan Yang Berhormat Datuk William Lau kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 ini dan mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberi kepada saya. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI HIBURAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.50 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953. Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001 ini adalah bertujuan meminda Akta Duti Hiburan 1953 selepas ini

disebut Akta 103 dengan tujuan memperluas skop untuk mengenakan duti hiburan, mengkaji semula kadar kompaun dan denda yang memperbaiki lagi pentadbiran duti hiburan bagi menambahkan hasil kerajaan negeri. Rang undang-undang ini melibatkan 12 pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 adalah tajuk ringkas Akta iaitu Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001 dan penetapan tarikh kuat kuasa pindaan di dalam rang undang-undang ini iaitu 1 Oktober, 2001.

Fasal 2 adalah pindaan kepada seksyen 2 di mana seksyen 2 itu adalah dinomborkan semula sebagai subseksyen 2(1) dan memasukkan peruntukan baru di bawah subseksyen 2(2).

Pindaan subseksyen 2(1) bertujuan untuk meminda takrif '*admission*' supaya kemasukan ke tempat hiburan adalah juga meliputi pengguna sesuatu kemudahan di tempat hiburan. Di samping itu, takrif *admission to entertainment* juga dipinda untuk meliputi seseorang yang telah diberi kebenaran untuk menggunakan kemudahan yang disediakan di tempat-tempat hiburan. Melalui pindaan tersebut, skop berkenaan duti hiburan sedia ada yang terhad kepada bayaran tiket kemasukan sahaja dapat diperluas ke atas caj atau bayaran yang dikenakan kepada pengunjung bagi menggunakan kemudahan yang disediakan di tempat-tempat hiburan.

Takrif '*entertainment*' pula dipinda untuk memperluas supaya meliputi juga mana-mana aktiviti yang diisytiharkan sebagai hiburan melalui suatu *Warta* oleh Menteri Kewangan. Pindaan subseksyen 2(2) bertujuan supaya duti hiburan dapat dikenakan ke atas jenis-jenis hiburan baru selaras dengan perkembangan dunia hiburan.

Fasal 3 adalah pindaan seksyen 3 yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan selaku pemungut duti hiburan untuk melantik Timbalan Pemungut Duti Hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sesuatu hiburan yang diadakan bagi tujuan pendidikan khairat atau derma, layak diberi pengecualian duti hiburan dengan syarat

perbelanjaan untuk menganjurkan hiburan berkenaannya adalah tidak melebihi 20% daripada jumlah kutipan duti hiburan.

Fasal 4 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 11 supaya peratusan perbelanjaan maksimum yang dibenarkan dinaikkan daripada 20% kepada 30%.

Fasal 5 adalah pindaan kepada Seksyen 12, di mana subseksyen 12(1) bertujuan meminda supaya Wilayah Persekutuan dipakai secara am bagi meliputi semua kawasan yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada masa hadapan.

Di bawah peruntukan sedia ada, hanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja dinyatakan secara khusus. Sementara itu, pindaan subseksyen 12(2) pula adalah untuk menyebut secara khusus pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa mengecualikan duti hiburan sepenuhnya atau sebahagian sahaja.

Pindaan subseksyen 12(3) pula menaikkan kadar pengecualian duti yang boleh diluluskan oleh pemungut duti hiburan daripada RM500 kepada RM2,000.

Fasal 6 adalah pindaan kepada seksyen 18 bertujuan meningkatkan kadar kompaun bagi kesalahan di bawah Akta daripada tidak melebihi RM1,000 kepada tidak melebihi RM3,000.

Fasal 7 adalah pindaan kepada seksyen 20 di mana subseksyen 21 bertujuan meningkatkan kadar penalti, di bawah Akta ini, sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM2,000 kepada RM6,000 untuk kesalahan pertama dan RM5,000 kepada RM15,000 untuk kesalahan kedua atau selanjutnya.

Sementara subseksyen 23 bertujuan menaikkan denda yang boleh dikenakan kepada pengunjung sesuatu hiburan yang melakukan kesalahan di bawah akta daripada RM200 kepada RM600.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia
[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

11.55 tgh.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian atas perbahasan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan atas pembentangan rang undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa beberapa fasal daripada rang undang-undang ini adalah liberal dan saya percaya bahawa menguatkuasakan rang undang-undang ini akan mencetuskan kegiatan-kegiatan hiburan di negara kita dan kegiatan-kegiatan hiburan yang positif di negara kita, bukan negatif.

Saya harap kekurangan duti ataupun memperluas dan mengemaskinikan rang undang-undang ini akan menggalakkan kepada penganjur-penganjur hiburan untuk mengadakan beberapa kegiatan hiburan seperti yang dicatatkan di sini iaitu *"entertainment which include exhibition, performance, amusement, game or sport or any other activity as may be declared to be entertainment by the Minister of Finance under subsection 2 to which person are admitted for payment."* Juga saya harap ini akan mempertingkatkan kualiti dan taraf hiburan yang dipentaskan di negara kita.

Walaupun apa yang saya akan bangkitkan tiada berkaitan dengan secara direct kepada Kementerian Kewangan, tetapi adalah implikasi di mana menguatkuasakan rang undang-undang ini mengenai industri hiburan. Saya sedar bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berusaha dengan bersungguh-sungguh memajukan dan memperkembangkan kebudayaan, kesenian dan pelancongan tetapi mereka lebih memberi tumpuan atas pelancongan daripada kebudayaan dan kesenian. Saya harap kementerian itu dan apa yang saya sebut tadi, informasi ini akan diberikan kepada kementerian ini dan akan berusaha untuk mencapai agar Kuala Lumpur kita sebagai satu cultural capital seperti New York, London, Paris dan sebagainya, bukan sebagai satu cultural desert. Kita harus mempunyai satu mission untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang mempunyai satu national theater di mana beberapa kegiatan hiburan akan diadakan tetapi saya berpendapat bahawa kita

harus mendirikan teater iaitu panggung di seluruh negara, boleh kata di setiap bandar untuk drama, muzik festival, ballet, tarian klasik dan sebagainya. Kegiatan-kegiatan seperti ini saya harap akan melahirkan nilai-nilai estetika apabila rakyat kita menikmati kegiatan-kegiatan hiburan ini. Ini akan melahirkan individu yang mempunyai nilai-nilai dan sensitiviti kepada kebudayaan dan kesenian yang tinggi iaitu apa yang kita katakan the high culture di mana sensitiviti dan kesedaran yang diberi mengenai muzik, drama dan juga ballet, tarian klasik dan sebagainya. Dibandingkan dengan pop culture, ini adalah satu perkara yang penting iaitu pop culture sekarang adalah berleluasa melalui MTV dan satelit televisyen. Kita harus menjaga dan mengambil perhatian yang berat oleh kerana nilai-nilai yang disalurkan daripada pop culture akan menjahanamkan belia-belia kita dan kita baca daripada surat khabar belia-belia kita telah mengambil bahagian dalam heavy metal, black metal dan sebagainya.

Saya harap jika kita memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan hiburan seperti apa yang saya sebut, the high culture, kita harus boleh menarik mereka kepada kegiatan-kegiatan yang positif, bukan kepada aktiviti-aktiviti yang negatif. Ini adalah penting oleh kerana era globalisasi dan liberalisasi, menyebabkan kita tidak boleh terhad kepada informasi dan maklumat. Oleh kerana itu, kita harus memberi peluang kepada belia-belia kita untuk mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan hiburan yang positif dan tidak bertentangan dengan kebudayaan asli kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita harus memfokuskan bukan sahaja kebudayaan dan kesenian tempatan ataupun kebudayaan asli dan juga kita harus memfokuskan atas kebudayaan Asia dan juga kita harus mempromosikan kebudayaan antarabangsa iaitu kebudayaan aesthetic. Kita bertuah bahawa kita ada satu Symphony Orchestra. Kita mengucapkan tahniah kepada Petronas yang mengadakan satu Symphony Orchestra. Seperti saya katakan dahulu, bolehkah kita mempromosikan kebudayaan kita ke satu taraf di mana kegiatan-kegiatan hiburan adalah seperti yang diadakan di London, New York, Paris dan sebagainya. Bolehkah kita mempromosikan ataupun mengadakan aktiviti ballet seperti 'Volsyoy' Ballet dari Russia.

Kita harus mengambil berat mengenai hiburan. Apa yang saya katakan adalah rang undang-undang ini walaupun ini memperkemas mengenai duti tetapi ini ada implikasi atas industri hiburan. Kita harus memberitahu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan agar mempertingkatkan taraf dan kualiti kegiatan-kegiatan hiburan.

Rang undang-undang ini juga akan memberi pengecualian kepada penganjur-penganjur di mana mereka mengadakan beberapa aktiviti untuk memungut derma ataupun untuk tujuan pendidikan. Ini adalah satu objektif yang baik dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang begitu sedar dan sensitif mengenai NGO-NGO yang mengadakan beberapa aktiviti charitable. Ini akan memberi faedah kepada rakyat kita. Saya harap rang undang-undang ini akan mencetuskan beberapa aktiviti kebudayaan dan kesenian negara ini dan akan mempertingkatkan kesedaran rakyat kita.

Dengan itu, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani.

12.06 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang Akta Duti Hiburan 1953.

Sungguhpun akta ini sudah lama dibentuk, jelas sekali peredaran masa telah membawa berbagai-bagai perubahan kepada dunia hiburan. Di dalam masa yang sama juga tuntutan dan selera masyarakat bertukar. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengemaskinikan akta ini supaya ianya dapat dikawal selia dan dapat mengimbangi di antara peranan hiburan kepada masyarakat dan peranan undang-undang di dalam menentukan tidak ada penyalahgunaan berlaku di tempat-tempat hiburan.

Saya mohon perhatian daripada Dewan yang mulia ini untuk menentukan bahawa cyber cafe yang tujuan operasinya untuk kegunaan Internet tidak disalahgunakan dengan tempat-tempat ini bertukar kegiatan menjadi sarang perjudian.

Ini disebabkan komputer-komputer yang sepatutnya berfungsi untuk Internet yang bertujuan membangunkan masyarakat daripada segi maklumat dan keilmuan telah digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memerangkap orang-orang awam terutamanya anak-anak muda yang masih di bangku sekolah berjudi melalui Internet ataupun digunakan untuk bermain game sahaja.

Komputer digunakan untuk menggantikan video game. Sungguhpun kerajaan telah memerangi gejala video game ini, nampaknya pihak-pihak penganjur mempunyai cara lain untuk menggalakkan anak-anak muda kita dengan berselindung cyber cafe. Akibatnya, pusat-pusat cyber cafe yang sebenar, yang wujud kerana perniagaan dan perkhidmatan Internet diragui kewujudan mereka disebabkan perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan hendaklah menentukan lesen cyber cafe yang diluluskan hendaklah diletakkan di kawasan-kawasan yang betul-betul mempunyai keperluan sebagai memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Ianya hendaklah diadakan di tengah-tengah bandar, berhampiran dengan bank-bank ataupun berhampiran dengan hotel-hotel ataupun pusat-pusat membeli-belah ataupun di pusat-pusat perkhidmatan awam seperti di lapangan terbang dan seumpamanya. Kalau ianya dibuka berhampiran dengan sekolah atau berdekatan dengan pusat-pusat hiburan seperti karaoke dan pubs maka sudah tentu fungsinya untuk tujuan di luar daripada kepentingan teknologi maklumat.

Pihak penguat kuasa hendaklah bertindak apabila ada laporan jika ada pihak-pihak yang mengesyaki terdapat penyalahgunaan berlaku di tempat-tempat seumpama ini. Pusat hiburan karaoke juga sungguhpun ianya mempunyai tujuan untuk hiburan kadangkala disalahgunakan. Ada setengah-setengah pusat karaoke menganjurkan persembahan-persembahan yang menyalahi kebudayaan. Setengah-setengah persembahan itu terlalu menjolok mata seolah-olah macam striptease kalau kita pergi masuk ke setengah-setengah karaoke. Ini menyalahi kebudayaan kita dan ia dibuat semata-mata untuk menarik pelanggan sahaja.

Saya mencadangkan supaya penguatkuasaan dibuat selain berdasarkan kepada surprise check tetapi juga mesti berdasarkan kepada laporan orang-orang awam. Kita mesti berkempen sebagaimana kita berkempen menjalankan atas usaha membanteras

sesuatu perkara yang menjadi masalah kepada masyarakat. Kempen bukan sahaja untuk kesedaran malah untuk menunjukkan betapa kuatnya undang-undang pencegahan kita. Kempen kesedaran bukan sahaja di peringkat penganjur, malah diperbesar-besarkan sehingga tidak ada ruang kepada mana-mana pihak termasuk di pihak penguat kuasa yang mungkin juga boleh mengambil kesempatan untuk merundingkan, dengan izin, compromise keadaan surprise check atau segala kelemahan tindakan supaya penganjur-penganjur terlepas daripada tindakan undang-undang.

Pesalah bukan sahaja patut dihukum, malah jika perlu dibuang daerah oleh kerana kegiatan mereka bukan sahaja merosakkan akhlak, malah meruntuhkan ketahanan nasional sama dengan tujuan mereka yang mengambil kesempatan untuk merosakkan moral masyarakat, moral anak-anak muda, malah budaya negara kita. Jika ada unsur penyelewengan di dalam pusat-pusat hiburan seumpama ini maka sebahagian besar denda yang dikenakan boleh diberikan balik sebagai hadiah kepada mereka yang memberi laporan. Dengan keadaan sedemikian, mereka yang berniat untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang songsang akan sedar bahawa undang-undang ini bukan sahaja ketat, akan tetapi kawalannya boleh dibuat di luar daripada pihak penguat kuasa kerana orang awam juga boleh membuat tindakan dan memberi maklumat dan laporan dan akan mendapat habuan dengan membuat laporan yang sebenar. hi adalah cadangan sebagai insentif supaya orang ramai tidak takut untuk membuat laporan.

Jadi, dengan kata-kata sedemikian, saya ingin menyokong akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli.

12.13 tgh.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya menyokong kuat Akta Duti Hiburan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dengan begitu jelas dan meyakinkan.

Saya amat bersetuju dengan rakan-rakan saya yang bercakap sebelum ini, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu memberi fokus tentang kebudayaan, aktiviti

kebudayaan dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani bercakap tentang Internet, cafe dan karaoke . Itu saya hendak lanjutkan sedikit perbahasan dengan sudut yang agak berlainan dan saya ingin melihat ini sebagai satu peluang yang baik untuk kerajaan mengintegrasikan satu bidang yang cukup menarik minat orang ramai dan minat orang ramai ini kerana tarikan hiburan itu kuat, selalu disalahgunakan dan mewujudkan pula masalah yang begitu banyak.

Oleh kerana itu, mari kita melihat dalam kotak yang lain , dengan cara yang lain peluang ini. Saya melihat Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab tentang duti hiburan ini mempunyai imej, persepsi yang amat kuat dan hebat, mempunyai pengaruh yang cukup kuat termasuk sampai pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Jadi, saya rasa kalau mulanya saya hendak bercakap khusus tentang duti hiburan, peringkat keduanya saya hendak bercakap sikit yang berkaitan tetapi pengaruh (influent) Kementerian Kewangan, kalau Kementerian Kewangan yang membuat arahan, beri proaktif idea, cadangan, pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan mengambil berat tentang perkara ini. Ini sedikit mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menandakan yang kita memang bergerak masa kini takrif entertainment seperti mana yang telah diterangkan itu meliputi bidang yang cukup luas sehingga termasuk orang yang menonton pun kena juga selain daripada orang yang mengambil bahagian secara direct.

Mengenai Fasal 6, pihak berkuasa negeri boleh mengecualikan mana-mana hiburan daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian duti hiburan, saya rasa ini amat baik sekali, cuma yang saya hendak sebut yang telah ditingkatkan ialah daripada RM500 sehingga RM2,000. Saya rasa sekarang ini RM2,000 ini sudah tidak boleh main sangat, sebab agak terlalu kecil. Kalau kita nampak hendak memberi galakan oleh kerana pengecualian ini mempunyai unsur positifnya, sebab ia kecuali untuk program-program yang baik, untuk keperluan kebajikan, khairat dan sebagainya asalkan baik, kita boleh tingkatkan umpamanya kepada yang lebih daripada RM2,000 kepada RM10,000, sebab inilah galakan, sepintas lalu akta ini akan menggalakkan

pertubuhan-pertubuhan untuk menjadi lebih kreatif, memikirkan program-program untuk kebajikan orang ramai, tetapi galakannya baik. Itu yang saya hendak komen sedikit.

Begitu juga dengan Fasal 6, amaun maksimum yang dipungut bila sesuatu kesalahan, tadi galakan bagi segi pengecualian, ini yang salah ini, yang salah pun kita hanya naik daripada RM1,000 ke RM3,000. RM3,000 ini sebenarnya sekarang agak terlalu kecil, kalau dilafazkan secara peratus, bunyinya besar, 300%, tiga kali ganda, besar, tetapi kalau kata RM1,000 sehingga RM3,000, kesalahan ini tidak kisa, pada orang yang membuat operasi ini oleh kerana untungnya besar, RM3,000 adalah nothing, dengan izin.

Oleh kerana itu, dia terus buat. Jadi, kalau kita betul-betul hendak menahan daripada gejala-gejala yang tidak baik ini, pada saya Kementerian Kewangan boleh betul-betul tough sekarang dengan meletakkan had limit yang tinggi tetapi mengikut kes, supaya benda itu berkesan, semacamnya juga dengan kalau sekiranya kita mendenda orang membuat puntung rokok dan sampah dan sebagainya, kalau dia tahu dia potong kena letakkan RM200 dia sendiri sebelum itu dia simpan dalam poket dan buang dalam tempat sampah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan nada ataupun rasional basis yang sama, saya bercakap tentang Fasal 7 umpamanya, ini bab pengunjung ini daripada RM200 sampai RM600, ini pun saya nampak Kementerian Kewangan berminat dengan tiga kali ganda kepada RM200 ialah RM600. RM600 dalam daerah Klang ini sebenarnya terlalu amat kecil, jadi pelajar-pelajar yang ingin masuk tempat-tempat hiburan, mereka tahu kena denda sebanyak ini, tidak kisah, tetapi kalau kata had maksimum yang ianya tinggi, kita tekankan, kita promosikan, kita lekatkan in plant, dengan izin, idea kata hope, dia kena sampai RM5,000 umpamanya, rasa takut, oleh kerana itu ini juga boleh mengurangkan unsur negatif. Itu satu bab.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada bab kedua, di mana cadangan-cadangan proaktif daripada pihak Kementerian Kewangan yang boleh memberi panduan kepada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri untuk melaksanakan.

Saya tertarik Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani menyebut tentang karaoke. Saya hendak sebut karaoke ini sebenarnya datang di Malaysia pada awal tahun 80'an, saya ingat dalam tahun 1982, untuk rekod saya tahu dengan sendiri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah di antara orang yang pertama sekali mempunyai karaoke set, very positive pada mulanya kerana set pada mula karaoke itu hanya dengan menggunakan kaset yang kecil itu sahaja, dia play dengan minus one, ini Jepun punya pandai, kemudian boleh menyanyi seperti mana sekarang, tetapi sekarang ini telah advanced, saya tunjuk pada tahun 80'an.

Permulaannya kerana di negeri Jepun bila dia habis kerja, dia pergi berehat bersenang dengan menyanyi karaoke secara amat positif, digalakkan di syarikat-syarikat. Saya hendak katakan di sini ialah inilah peluang pihak kerajaan tempatan menukar minda pendekatan selain daripada membuat dewan orang ramai, stadium, kolam renang, tempat permainan dan sebagainya yang sudah tradisional, sekarang mengapa tidak pihak kerajaan tempatan mewujudkan satu dewan karaoke yang besar, yang dijalankan sendiri oleh kerajaan tempatan ataupun diswastakan, jadi kita ada kontrol, kita ada kuasa, sebab kalau berjalan dengan elok, anak-anak muda, akan berkata, eh baik kita pergi ke tempat karaoke ini, sebab besar, hebat dengan canggihnya dan sebagainya, ada juga pendapatan.

Ini pada saya satu kaedah positif yang kita boleh ambil, begitu juga saya ingin lanjutkan ini bab karaoke kalau selalu disalahgunakan, selalu orang sebut karaoke bercakap tentang negatif, mari kita melihat yang positif, kalau kita boleh kawal, semuanya positif, semuanya baik, kita boleh belajar al-Quranul karim dengan karaoke.

Saya umpamanya, saya minat bentuk karaoke dengan qari Allahyarham al-ustaz Ismail Hashim, kita belajar al-quran melalui karaoke, ialah masa itu tak karaoke lagi kita panggil, masa itu kita hanya pasang tape Ismail Hashim, kita syok dia punya [*membaca auzubillahhi minassyaitanirajim, bismillahir rahmanir rahim*]

Ha, itu Ismail Hashim sebagai contoh, itu kita belajar dari mana, dari kaset. Sekarang kita panggil karaoke, itu sahaja. Dan kalau karaoke alat ini boleh dilanjutkan secara besar-besaran oleh pihak kerajaan tempatan, adalah alternatif kepada anak-anak muda, begitu juga Yang Berhormat Datuk Dr. Marimuthu bercakap kebudayaan,

saya amat berminat. Sebab pihak kuasa tempatan ada dia punya unit kebudayaan khas. Huh, belanjanya banyak, pakaiannya canggih, tetapi kita hanya melihat kalau ada acara-acara jamuan makan malam, tunjuklah buat pertunjukan, selain daripada itu tunggulah majlis-majlis pesta, hari merdeka dan sebagainya, periodical, dengan izin.

Saya hendakkan ini sebagai satu acara berterusan. Buat secara besar-besaran gunakan tenaga kerja dan fasiliti, kemudahan yang ada, inilah daya tarikan melibatkan masyarakat dan anak-anak muda, lagi satu alternatif untuk anak-anak muda mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan dan sebagainya termasuk tarian-tarian yang positif, tidak semestinya semua tarian itu negatif. Tetapi kalau tidak ada alternatif, barulah datang satu kumpulan yang negatif, yang menyuruh, ini Dr. Mahathir pernah sebut, 'aminade', disebutkan yang lain, bunyi macam itu saya baru teringat 'aminade'. Terima kasih jugalah beri queue.

Kumpulan aminade ini sebenarnya budak kita menyanyi, sebab dia rancak sedap, tetapi yang dilafazkan ialah seni kata-seni kata yang menyuruh bunuh bapa, marah anak, ambil emak, emak ada peluang, emak pun hendak rogol dan sebagainya. Kita tidak sedar, tetapi kita mempunyai kuasa, kita mempunyai wang, kalau dipromosikan dengan duti hiburan, saya hendak masuk, bukan jauh sangat dengan duti hiburan, ini masih ada duti hiburan, kalau adalah pihak berkuasa tempatan mewujudkan ini secara besar-besaran dipromosikan dan badan-badan kebajikan kalau buat program begini dapat duti pengecualian yang hebat, lagi nilai pendidikan tinggi, lagi banyak pengecualian diberi. Ini satu insentif meminta orang, memerah otak untuk mengeluarkan pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Ini amat selaras dan amat baik sekali, begitu juga saya hendak lanjutkan dengan Internet Café, saya sudah terlalu agak muak mendengar, agak selalu kita dengar, bercakap Internet Café negatif. Saya hendak melihat, peluang baik juga boleh dibuat oleh pihak kerajaan dan Internet Café yang positif, buat besar-besaran sampai 200 PC di situ, tetapi kawallah. Ini kata sua dia tidak boleh tidak boleh, tetapi tidak ada alternatif, saya tahu di luar negara, on commercial basis, ada Internet Café yang sampai 400 pc, jadi kalau kita buat 200, nothing, bukan banyak sangat pun dibandingkan dengan stadium, kolam renang, digital library, padang itu ini, saya tahulah berjuta-juta ringgit.

Kalau buat ini, ini merupakan satu pelaburan untuk melahirkan masyarakat berilmu, dia masuk pergi kita ada peraturannya, bolehlah beri free, tadi Datuk Nor Azah bercakap Internet free, kalau kerajaan yang buat, kita boleh buat satu kaedah di mana dia masuk free tetapi dia kena buat ini, ini.

Jadi, saya hendak kaitkan dengan Kementerian Kewangan yang mempunyai pengaruh kuat kepada kerajaan negeri, saya rasa kita boleh capitalised, dengan izin, peluang untuk setelah diwartakan akan dimaklumkan kepada negeri dan sambil dengan makluman bahawa kita telah ubah rang undang-undang begini, begini, kita galakan juga buat program-program yang begini, jadi, ini suatu cadangan, suatu pendekatan yang betul-betul merupakan anjakan paradigma kepada program-program yang biasa dilakukan oleh kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang saya telah sebutkan tadi sebagai satu peluang terbaik pihak Kerajaan Malaysia melalui pindaan rang undang-undang ini untuk memberi satu kejutan kepada kerajaan negeri. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberi kejutan kepada rakan orang-orang Melayu khususnya dari segi pendidikan tentang program meritokrasi, saya rasa ini peluang baik untuk kerajaan melalui Kementerian Kewangan memberi kejutan kepada pihak berkuasa tempatan, ini dia peluang cara lain yang boleh dibuat yang boleh kita ambil dan oleh kerana itu kita dapat menarik orang-orang muda khususnya dan juga dewasa supaya mengambil bahagian secara positif dan secara sekali gus tidak langsung menghasilkan juga, mewujudkan masyarakat berilmu kerana prasarananya disediakan oleh kerajaan dengan galakan yang menyeluruh termasuk galakan cukai sama ada dari segi pengecualian ataupun kena denda, ataupun duti dan sebagainya. Jadi, kaedah menyeluruh seperti ini begitu amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi bercakap sebagai orang seni dan budaya, tetapi malang dalam bidang ini orang berniaga. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

12.27 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta Duti Hiburan 1953 iaitu Akta 103.

Saya hanya ada beberapa pandangan yang mungkin berlainan sedikit daripada apa yang telah disuarakan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya dapati ada beberapa implikasi dan saya harap pihak kementerian dapatlah memberi penjelasan terhadap pandangan-pandangan ini.

Dalam pindaan yang dicadangkan ada disebutkan bahawa Menteri Kewangan dapatlah mengisytiharkan sebarang aktiviti sebagai hiburan. Ini adalah satu perkara yang sangat penting, oleh kerana pada bila-bila masa, Menteri Kewangan dapat melalui gazet itu mengisytiharkan sebarang aktiviti sebagai hiburan dan kemudian aktiviti ini sudah termasuklah dalam Akta Duti Hiburan ini dan juga semua implikasinya juga akan dilaksanakan atau dikuatkuasakan selepas aktiviti itu diisytiharkan sebagai satu aktiviti di bawah definisi atau takrif hiburan.

Sebagai contoh, katakan sesuatu parti politik mengadakan kegiatan untuk mengutip derma atau untuk mengutip duit untuk kegiatan parti itu dan telah mengadakan aktiviti ini dan telah menjual tiket kepada mereka yang menyertai aktiviti ini tetapi mungkin tidak mendapatkan lesen daripada pihak yang menguatkuasakan akta ini.

Dari segi itu, pihak ini telah melanggar undang-undang dan juga mungkin penonton- penonton yang datang bersama juga telah melanggar undang-undang iaitu ahli-ahli parti tersebut, sekarang boleh dikenakan denda daripada RM200 ke RM600 dan penganjur itu juga dikenakan denda yang lebih tinggilah, daripada apa yang ada sekarang.

Dan aktiviti-aktiviti semacam ini pada ketika ini memang dibenarkan, tiada apa denda yang dikenakan dan juga tidak perlulah mendapat apa permohonan daripada pihak penguatkuasaan akta ini.

Jadi, dari segi itu, saya mendapati ada satu implikasi yang sangat besar, oleh kerana kegiatan-kegiatan untuk mengutip duit ini, sama ada untuk badan amal, sama ada untuk kegunaan parti sendiri itu selalu dijalankan sebagai satu aktiviti yang sangat penting dan kalau akta ini diberi satu interpretasi yang sangat sempit, maka kegiatan itu

pun boleh diisytiharkan sebagai satu aktiviti hiburan dan lepas itu sudah termasuklah dalam kawalan akta ini.

Jadi, saya minta satu penjelasan tentang aktiviti-aktiviti semacam ini adakah Kementerian mencadangkan supaya ini juga pada bila-bila masa atau difikirkan perlu boleh dimasukkan dan kalau ia dimasukkan adakah ini akan digunakan secara seluas-luasnya untuk mengawal satu aktiviti yang penting bagi setiap parti politik itu dan adakah ini mempunyai banyak lagi implikasi.

Sungguhpun dalam cadangan ini ada disebut bahawa pihak berkuasa negeri boleh memberi pengecualian tetapi kalau perkara ini telah di gazet, selepas diputuskan oleh Menteri Kewangan sama ada ini juga boleh diberi pengecualian oleh pihak berkuasa negeri kerana ada banyak implikasi dalam satu keadaan di mana mungkin ada ketidakfahaman di antara Kementerian Kewangan dengan kerajaan negeri.

Jadi, dengan mengadakan pindaan-pindaan ini, saya dapati kalau pelaksanaannya kurang jelas, nanti sudah ada banyak pertikaian di antara kedua-dua pihak ini. Sungguhpun ada satu lagi peruntukan dalam rang undang-undang ini, yang menyatakan kalau cukai untuk hiburan ini kurang daripada RM2,000 maka ia mungkin boleh dikecualikan, ini ada satu kenaikan daripada apa yang ada sekarang iaitu RM500 dicadangkan dinaikkan kepada RM2,000 tetapi sama ada dari skop itu RM2,000 itu mencukupi atau tidak, apa yang saya bimbang ialah banyak kegiatan yang baik itu kerana sekarang di bawa ke kawalan akta ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan begitu licin selepas kita meluluskan peruntukan-peruntukan baru ini.

Jadi, saya minta perkara-perkara ini diberi penjelasan supaya kita semua lebih jelas tentang pelaksanaannya selepas pindaan-pindaan ini dibuat. Itulah pandangan saya terhadap beberapa aspek dan saya turut menyokong pindaan rang undang-undang ini. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

12.35 tgh.

Dato' Haji Muhammad bin Abdul Ghani: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli

Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001 di Dewan yang mulia ini.

Saya melihat kesungguhan kerajaan dalam memajukan negara begitu jelas sekali. Keprihatinan kerajaan dalam membangunkan negara ini mestilah merangkumi pembangunan dari aspek akademik, teknologi, sosial ekonomi, dan yang penting sekali ialah perlu sewajar dengan tatasusila yang tinggi seperti yang dapat kita semua lihat kejayaan yang telah kita capai dari segi sosioekonomi sememangnya boleh dibanggakan dan dicontohi. Akan tetapi kejayaan dari segi kerohanian atau lebih tepat lagi peradaban sosial adalah tidak selari dengan kejayaan dan pembangunan sosioekonomi kita sebaliknya peradaban sosial masyarakat Malaysia dewasa ini semakin membimbangkan. Dalam hal ini saya berpendapat bahawa semua ahli Dewan yang berada di Dewan yang mulia ini supaya sama-sama memberi komitmen yang sewajarnya agar pembinaan kerohanian dan moral masyarakat Malaysia dapat dibina ke tahap yang lebih membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa bertanya kepada diri saya sendiri mengapakah masalah sosial dan jenayah seks kini berlaku semakin berleluasa. Mengapakah perkara ini sering berlaku, apakah punca atau faktor sebenar yang telah menyumbang ke arah gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah diketahui umum pada masa ini pengedaran dan penjualan VCD lucah telah berleluasa di seluruh negara. Ianya bukan lagi dijual secara pasar gelap sebaliknya ianya kini dijual secara terbuka. Kalau ahli-ahli Dewan prihatin di kaki-kaki lima, kawasan perumahan dan pasar-pasar malam turut terdapat anasir-anasir menjual VCD lucah ini. Melihat fenomena ini saya merasa tidak salah dan keterlaluan kalau saya katakan bahawa VCD lucah kini lebih senang dibeli daripada membeli minyak tanah kerana pembeli tidak perlu khuatir jika kedai ditutup pada lewat malam kerana sememangnya VCD 3X boleh didapati pada bila-bila masa dan di mana juga kita berada. Maka sama ada golongan kanak-kanak, orang dewasa apatah lagi anak-anak remaja kita boleh memilikinya dan membeli dengan harga yang jauh lebih

murah kalau dibandingkan dengan VCD lain semua kini disebabkan oleh kerana pengeluaran VCD lucah telah mendapat permintaan yang tinggi dan kos pengeluarannya yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, VCD lucah yang dijual di kaki-kaki lima, pasar malam dan sebagainya boleh didapati dengan harga semurah 2 keping lebih kurang RM10.00 sedangkan harga VCD biasa yang mengandungi lagu atau filem umpamanya VCD Siti Nurhaliza, harganya melebihi RM40 se unit. VCD lucah ini juga diedar di kawasan-kawasan luar bandar seperti di kampung-kampung, estet-estet pendek kata VCD 3X ini terlalu senang didapati. Ianya sama semudah membeli gula-gula di kedai.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah senario penjualan VCD lucah yang kita sedar dan dapat lihat secara terang-terangan di sekeliling kita. Akan tetapi saya ingin mencari kembali perhatian ahli-ahli di Dewan yang mulia ini bahawa hujah saya tidaklah setakat itu sahaja. Tahukah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang saya hormati bahawa remaja masa kini mungkin tidak perlu lagi membeli VCD lucah di kaki lima atau di pasar malam, ianya memadai dengan melayari internet di rumah. Apakah sajian yang akan dipertontonkan kepada anak-anak kita ini apabila mereka melayari laman web www.melayuboleh.com,

Pernakah ahli-ahli Dewan melayari laman web yang saya sebutkan. Jika tidak biarlah saya cerita secara kasar mengenai laman web ini. Laman web ini dicipta khusus bagi karyawan-karyawan seks menghantar gambar-gambar lucah dan nukilan cerita-cerita seks. Tambahan hebat lagi ianya memang dicipta khas untuk bahan seks yang dilibatkan bangsa Melayu khususnya dan orang tempatan secara amnya. Perkhidmatan tempatan dan penghantaran VCD lucah turut ditawarkan dan dijalankan dengan cukup canggih dan berteknologi iaitu melalui e-dagang. Jika ditekan 'pembelian' cuma perlu 'click' dan mengisi borang kad kredit dan selepas itu tunggu sahaja VCD tersebut akan sampai ke tangan pembeli dalam tempoh tidak melebihi dua minggu. Sekali lagi ia secanggih membeli produk Smartshop dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jika tadi saya membincangkan tentang pengedaran dan penjualan VCD lucah sekarang ini saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tentang filem-filem yang berunsur seks tanpa

penapisan dan juga penggalakan kepada masalah sosial di negara ini. Mengapakah perkara ini boleh berlaku. Filem-filem ini juga boleh menyumbang ke arah meningkatkan gejala sosial, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat tentang rancangan dan siaran melalui Astro.

Jika tadi saya menjemput Yang Berhormat melayari laman web 'Melayuboleh', sekarang saya menjemput Yang Berhormat sekalian pula supaya menonton rancangan yang disiarkan melalui rangkaian Astro itu. Contoh yang paling nyata ialah rancangan Baywatch dan rancangan nyanyian yang disiarkan melalui Channel 34 dan 35. Di manakah hilangnya pegawai-pegawai penapis filem, pegawai-pegawai penguat kuasa dan apakah sudah tidak ada lagi tanggungjawab untuk dilaksanakan ataupun mungkinkah mereka ini tidak melanggan Astro.

Tuan-tuan dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mencari perhatian Yang Berhormat mengenai pusat-pusat hiburan yang banyak terdapat di mana-mana. Saya telah memaklumkan bahawa banyak jenis hiburan dan persembahan yang diadakan di pusat-pusat hiburan telah melanggar garis panduan yang telah ditetapkan terutama gaya persembahan dan pakaian yang mengghairahkan. Ada sesetengah pusat hiburan yang beroperasi melebihi daripada had yang telah dibenarkan. Pusat-pusat hiburan ini juga menjadi markas operasi pengedar pil khayal dan juga sarang pelacuran. Tempat-tempat seumpama disko dan kelab-kelab malam adalah tempat yang cukup gemar dikunjungi oleh remaja-remaja bawah umur. Mungkinkah kerana sedikit habuan dan gula-gula, kelab-kelab seperti ini boleh terus beroperasi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat di Dewan ini supaya merenung sekejap memikirkan apakah jawapan tersirat di sebalik gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat memberi tumpuan sekejap dan perhatian kepada bahan-bahan bacaan seperti majalah-majalah dan komik-komik yang ada di pasaran dewasa ini. Jika selama ini kerajaan telah berusaha untuk menanamkan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia, usaha ini merupakan satu galakan yang positif dan murni ke arah membina masyarakat yang berilmu. Akan tetapi dengan adanya bahan-bahan bacaan lucah di pasaran, ianya telah memberi kesan negatif atas usaha murni tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hujah yang saya bantangkan tadi adalah antara punca utama yang telah menyumbang ke arah masalah sosial khususnya melibatkan kes-kes luar tabii dan ganas yang berlaku masa kini. Oleh itu dengan adanya VCD lucah, laman-laman web yang lucah yang boleh diakses secara percuma, pusat-pusat hiburan serta bahan-bahan bacaan lucah telah menjadi pemangkin ke arah keruntuhan rohani dan agama. Antaranya mereka menjadi kurang beriman, tambahan buruk lagi golongan muda sememangnya tebal dengan sikap ingin tahu dan ingin mencuba. Apatah lagi jika had pergaulan tidak diawasi. Lantaran itu mereka akan mempraktikkan dengan apa yang telah ditonton, dibaca dan dibuat oleh rakan-rakan sebaya tanpa menyedari kesan buruk yang akan dihadapi. Yang sedih kita kini sering benar didengarkan dengan kes-kes rogol dan bunuh dan melibatkan mangsa-mangsa dan pasangan adalah terdiri dari golongan bawah umur. Adakah kita sanggup melihat dan mendengar kes-kes jenayah seperti yang saya sebutkan tadi terus terjadi dan memenuhi ruang dada-dada akhbar.

Sekarang saya meminta Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan supaya betul-betul merasai dan mengalami perasaan kita sendiri sekiranya peristiwa hitam itu menimpa ke atas anak-anak ataupun kaum keluarga kita sendiri seperti mana yang dirasai oleh mangsa dan keluarga yang telah terjadi perkara-perkara yang tidak diingini ini yang mana terjadi bunuh dan juga merogol. Dengan itu harapan kita supaya semua pihak hendaklah merasai apa yang berlaku ini seperti kita merasai kepada diri kita sendiri. Mengapakah jenayah dan kezaliman yang kita tidak pernah terfikir sebelum ini telah menular dengan begitu hebat sekali seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

Saya juga ingin menyentuh tentang gejala sosial yang lain seperti kes-kes ajaran sesat, anti hadis seperti Black Metal, kewujudan kumpulan puak-puak pelampau militan seperti Al-Ma'unah dan banyak lagi yang tersiar di dada-dada akhbar. Lebih-lebih membimbangkan lagi, ia satu perbuatan yang di luar perikemanusiaan dan pemikiran yang seolah-olah tidak bertamadun sama sekali.

Kita perlu berterima kasih kepada kerajaan kerana telah dapat menyekat terutama kepada polis yang mana baru-baru ini telah menahan 10 orang daripada kumpulan Mujahidin dalam cuba membuat sesuatu yang tidak diingini. Soalan saya, inikah corak pembangunan yang kita inginkan? Apakah sesuatu bangsa dan negara itu

dikatakan bertamadun apabila masyarakatnya berilmu tinggi dan canggih tetapi berakhlak buruk?

Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian, Wawasan 2020 kita masih sayup di hadapan tetapi apa yang terjadi pada hari ini perlulah kita renung dan sama-sama menggembleng tenaga supaya apa yang kita perjuangkan dahulu dan kini tercapai objektifnya. Seperti yang tertera pada cabaran keempat Wawasan 2020 yang berbunyi "mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika, kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika yang tinggi". Kejayaan negara tidak akan bermakna sekiranya rakyat kita mengamalkan cara hidup negatif seperti mana yang terjadi kepada sesetengah negara maju yang membenarkan perkahwinan sesama sejenis dan sumbang muhrim.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa undang-undang yang telah dibuat oleh kerajaan memadai dan meliputi pencegahan ke atas gejala sosial yang ada. Adakah kelemahan terletak pada penguatkuasaan? Mengapakah gejala sosial ini semakin berleluasa? Adakah pelaksanaan undang-undang dan peraturan tidak dijalankan dengan berkesan dan penguatkuasaan yang diamanahkan? Di sini, saya berharap agar satu mekanisme untuk pencegahan dapat dilakukan dengan berkesan.

Antara langkah-langkah yang dipertingkatkan adalah pembasmian pengedaran dan penjualan VCD lucah ini lebih aktif hingga ke akar umbi. Sekiranya kita memberi fokus penuh terhadap penguatkuasaan, satu tindakan yang drastik mesti dilaksanakan dengan segera. Ini kerana saya berpendapat bahawa tugas-tugas penguatkuasaan tidak begitu aktif, ada kemungkinan terdapat juga kelemahan daripada pihak penguat kuasa yang tidak jujur dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Ini akan menyebabkan gejala negatif ini terus menjalar dengan lebih serius ibarat penyakit kuku dan juga mulut yang merebak di Gua Musang baru-baru ini.

Namun, kes penyakit kuku dan mulut dapat dibendung, akan tetapi penyakit VCD lucah nampaknya seperti penyakit AIDS yang tidak ada ubatnya. Segala kritikan dan ancaman yang diajukan kepada pihak-pihak penguat kuasa yang berkenaan janganlah dijadikan sebagai alasan untuk kita tidak melaksanakan tugas kita dengan sempurna. Sebaliknya perlulah kita jadikan sebagai cabaran untuk melaksanakan tugas dengan

lebih berkesan. Tindakan kerajaan mengharamkan penjualan VCD secara terbuka adalah merupakan salah satu langkah yang bijak untuk menangani permasalahan ini.

Walau bagaimanapun, pemantauan yang berterusan harus diberi penekanan. Segala usaha yang baik ini janganlah kita laksanakan secara sambil lewa sahaja. Semua pemantauan pengedaran penjualan VCD lucah ini akan dihukum penjara ataupun dirotan serta disenaraihitamkan daripada sebarang aktiviti perniagaan untuk tempoh tertentu. Hukuman ini perlulah kita laksanakan dengan secepat mungkin kerana inilah puncunya yang menjadi masalah kepada negara. Penguatkuasaan yang terlibat perlu bersikap lebih amanah, tegas dan agresif ketika menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya Kementerian Penerangan lebih bertanggungjawab terutama terhadap penapisan filem-filem ataupun drama-drama yang akan disiarkan oleh ASTRO. Bagi pusat-pusat hiburan yang mengadakan persembahan berunsur ganas dan seks serta beroperasi melebihi had yang dibenarkan, saya berharap agar pemilik pusat hiburan tersebut dikenakan hukuman yang lebih berat, disenaraihitamkan daripada sebarang aktiviti perniagaan bagi sesuatu tempoh. Dengan denda sebegitu kecil, maka mereka terus menjalankan aktiviti mereka kerana keuntungan sebelum ditangkap lebih daripada yang mereka dapat kutipan.

Bagi mencegah dan merealisasikan golongan bawah umur pula, saya menyarankan supaya setiap sekolah melibatkan menengah ataupun sekolah rendah perlu mewujudkan dua sesi pembelajaran iaitu pembelajaran normal pada waktu pagi, manakala sesi petang pula, pembelajaran agama. Tambahan masa dan sukatan pelajaran agama perlulah menyeluruh, mencakupi keseluruhan bidang keislaman selain daripada Al-Quran, hadis dan juga merangkumi fardhu ain, fardhu kifayah, tauhid, hudud dan lain-lain.

Pihak sekolah juga hendaklah mengadakan Hari Kemantapan Kerohanian Moral setiap minggu seperti hari beruniform yang dilaksanakan oleh sesetengah sekolah menengah di bandar ini. Saya menyarankan agar ianya diadakan pada setiap hari Jumaat, di mana sesi ceramah dan berdialog bersama-sama ustaz ataupun guru, manakala perkara ini dilaksanakan, maka mereka dapatlah menghayati ajaran Islam dengan sebenar-benarnya. Dengan itu, maka dapatlah mereka memenuhkan

kerohanian yang ada pada diri mereka untuk bekalan di masa akan datang. Pelajaran Agama dan Pendidikan Moral diwajibkan lulus sama seperti pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Matematik. Dengan cara ini, setiap pelajar akan bersungguh-sungguh mendalami ilmu agama dan pendidikan.

Di harap pihak Kementerian Penerangan akan meningkatkan lagi pemantauan dan penapisan terhadap pengeluaran kaset cakera padat khususnya dan bahan-bahan hiburan yang lain amnya dan beberapa garis panduan yang lebih teliti perlu dibuat supaya sebarang iklan ganas dan seks hendaklah ditapis sebelum diedar kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya merayu kepada semua Ahli-ahli Dewan untuk sama-sama memikirkan permasalahan yang diutarakan ini. Fikirkan tentang bagaimana kehidupan anak-anak dan generasi seterusnya yang bakal kita wujudkan dari sistem pendidikan serta bahan hiburan yang ada kini. Tiba masanya kita bertindak dan membawa perubahan terhadap sistem pendidikan dan media hiburan yang berperanan penting dalam membentuk peribadi generasi akan datang dan menangani masalah sosial yang kita hadapi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Duti Hiburan 2001.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan See Too Mee.
12.59 tgh.

Puan See Too Mee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam rang undang-undang ini.

Mengikut Akta Duti Hiburan yang mentakrifkan hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan, permainan atau sukan yang kepadanya orang-orang dibenarkan masuk dengan bayaran. Pada amnya, pusat-pusat hiburan bukan sahaja meliputi pelbagai jenis premis atau tempat yang menyediakan pelbagai acara persembahan atau keseronokan seperti teater, konsert, pementasan dan sebagainya. Malahan ia juga merangkumi pelbagai tempat yang mendatangkan suasana keseronokan seperti disko, karaoke, kelab malam, pub dan sebagainya.

Kewujudan pusat-pusat hiburan seperti yang tersebut boleh disifatkan seperti "cendawan selepas hujan". Pusat-pusat hiburan yang beroperasi sehingga lewat malam telah dapat menarik minat golongan pemuda-pemudi untuk mencari keseronokan. Kini, pusat-pusat hiburan yang sedemikian juga telah menjadi tumpuan untuk pengedaran jenis pil-pil khayal terutamanya pil ecstasy yang telah dijadikan satu unsur berpelesenan bagi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee, boleh kita sambung selepas ini?

Puan See Too Mee: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini majlis Mesyuarat kita ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan See Too Mee.

2.31 ptg.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai pusat-pusat hiburan yang saya sebutkan tadi selain daripada menjadi tumpuan untuk pengedaran pil-pil khayal, sejak kebelakangan ini telah mewujudkan jenis hiburan baru hasil daripada perkembangan teknologi maklumat yang canggih termasuk café siber yang menyediakan perkhidmatan Internet dengan izin. Malangnya kebanyakan daripada mereka hanya bercorak lebih kepada pusat video game, dengan izin, daripada Internet yang sebenar. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat di antara kafe siber tersebut yang juga menyediakan pelbagai jenis permainan yang amat menyeronokkan sehingga dapat menarik minat kaum remaja khususnya. Di mana sebilangan besar daripada mereka masih merupakan golongan pelajar sekolah menengah.

Golongan remaja amat tertarik dengan permainan video yang canggih, penuh dengan cabaran dan kemudahan sistem audio yang merupakan 'sense surround', dengan izin. Ramai daripada mereka sehingga ketagih kepada permainan tersebut sama ada perseorangan atau berkumpulan. Maka tentunya pelajaran mereka akan

diabaikan sama sekali. Berikut dengan tindakan tegas yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan dan Polis Diraja Malaysia dalam membanteras kegiatan-kegiatan pusat slot machine dan mesin kuda haram. Pengusaha-pengusaha slot machine dan mesin kuda haram terpaksa mencari jalan keluar dengan menukar corak kepada kafe siber yang dilindungi dengan pelbagai permainan atau Internet dengan menyediakan permainan yang berunsur perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial yang semakin ketara sebahagiannya ditimbulkan dengan pelbagai kegiatan yang negatif daripada pusat-pusat hiburan yang wujud di merata tempat, khasnya bandar-bandar besar dalam negara kita ini. Maka adalah perlu bagi kerajaan untuk mengambil tindakan sewajar dalam mengawal operasi pusat-pusat hiburan dan juga kafe siber. Dengan itu sahaja saya mengucapkan terima kasih dan turut menyokong Rang undang-undang dinamakan Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat menjawab.

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya bagi pihak kerajaan dan merakamkan ribuan terima kasih kepada 6 orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi menyertai perbahasan Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001 dan saya juga hendak merakamkan terima kasih kepada kesemua mereka kerana telah memberikan sokongan kepada pindaan akta ini dan telah mengeluarkan banyak teguran yang begitu membina. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Marimuthu telah memberikan pandangan bagaimana Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan harus memberikan tumpuan kepada perkembangan dari segi kebudayaan dan kesenian dan bukan sahaja memberikan tumpuan kepada bidang pembangunan pelancongan sahaja. Beliau juga memberi pandangan bahawa kita harus menjadikan Banda Raya Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya kebudayaan antarabangsa dan juga kita harus membina

banyak lagi panggung budaya di peringkat negeri supaya mempromosikan high culture di seluruh negara.

Sungguhpun semua pandangan Yang Berhormat ini tidak ada kaitan langsung dengan pindaan akta ini tetapi kesemua ini merupakan pandangan dan teguran yang begitu membina dan ini telah menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat Dato' Marimuthu. Pihak kerajaan akan memandang serius tentang pandangan-pandangan yang dikeluarkan itu supaya semua ini dapat dilaksanakan dari peringkat ke peringkat supaya satu society, satu masyarakat yang berbudaya dapat diwujudkan di negara kita tidak lama lagi.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan juga Yang Berhormat See Too Mee yang telah menyentuh tentang penguatkuasaan terhadap tempat-tempat hiburan seperti cyber café, karaoke, pusat video dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pihak-pihak berkuasa tempatan sentiasa menjalankan penguatkuasaan untuk memastikan tempat-tempat hiburan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan dan juga syarat-syarat lesen yang dikeluarkan. Mana-mana tempat hiburan yang tidak mematuhi syarat lesen atau pun menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang akan diambil tindakan di mana lesen mereka boleh dibatalkan dan juga tempat hiburan ini pun boleh ditutup dan saya hendak memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak kerajaan baik kerajaan pusat, kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan tidak akan berkompromi dalam perkara ini dan penguatkuasaan yang tegas akan dijalankan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga menyentuh tentang beberapa fasal mengenai kompaun dan juga denda yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah akta ini. Beliau berpendapat bahawa kenaikan sungguhpun merupakan tiga kali ganda tetapi dalam angka yang spesifik ini misalnya dari RM1,000 sampai ke RM3,000 dari RM200.00 ke RM600.00. Sungguhpun tiga kali ganda tetapi masih merupakan satu amaun yang sangat rendah dan mungkin tidak mempunyai impak kepada mereka yang melakukan kesalahan.

Walau bagaimanapun kerajaan merasakan bahawa pada masa ini kadar ini adalah memadai dan kerajaan juga akan mengkaji dari masa ke semasa tentang kadar kompaun ini, bila tiba satu masa di mana kerajaan berpendapat bahawa kadar ini memang merupakan satu kadar yang tidak mencukupi, tidak berat untuk mendatangkan impak kepada mereka yang melakukan kesalahan, kita akan mengkaji untuk menaikkannya.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga mencadangkan bahawa pihak kerajaan khususnya MOF, Perbendaharaan untuk menggunakan influence MOF supaya menasihati kerajaan di peringkat tempatan supaya mewujudkan pusat karaoke dan juga pusat cyber café untuk kegunaan muda mudi. Penyediaan hiburan memang adalah merupakan satu inisiatif dari pihak swasta dan kita berharap swasta sepatutnya mengambil usaha. Walau bagaimanapun memandangkan bahawa baru-baru ini gejala sosial telah menjadi satu keadaan yang berleluasa, maka pihak kerajaan akan mengambil perhatian berat tentang cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi pada masa depan supaya kita juga memberikan galakan dalam bidang ini supaya kita berganding bahu dengan pihak swasta supaya menyediakan lebih banyak outlet ataupun tempat supaya pemuda-pemudi kita boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin menyentuh tentang kuasa Menteri tentang mengelaskan apa-apa aktiviti sahaja, hiburan melalui gazet dan beliau bimbang aktiviti untuk mengutip derma baik untuk parti politik sendiri ataupun untuk menjalankan sesuatu yang akan mendatangkan kebaikan masyarakat umumnya bila pindaan ini dapat digazet dia akan menjejaskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh parti politik. Sehingga sekarang ini tidak dikenakan pembayaran hiburan.

Dalam konteks ini kerajaan akan sentiasa memantau segala kegiatan yang berbentuk hiburan dan sekiranya perlu akan mentakrif aktiviti itu untuk dikenakan duti hiburan sekiranya masih tidak dikelaskan sebagai hiburan. Contohnya dengan perkembangan teknologi moden bayaran hiburan baru yang akan timbul. Walau bagaimanapun suatu aktiviti hiburan kalau sekiranya dianjurkan untuk mengutip derma untuk amal misalnya dikatakan untuk perubatan social welfare dan sebagainya, pihak penganjur termasuk parti politik boleh mengemukakan permohonan kepada pihak

yang berkuasa supaya diberikan pengecualian dan kerajaan Barisan Nasional memang selalu peka tentang kehendak rakyat dalam aspek ini. Kalau sesuatu kegiatan hiburan ini benar-benar dianjurkan untuk kepentingan masyarakat umum kita sedia memberikan pengecualian.

Yang Berhormat Dr. Chin juga menyentuh tentang adakah pengecualian daripada RM500.00 kepada RM2,000 ini memadai. Kerajaan memang merasakan kadar yang dinaikkan dari RM500.00 kepada RM2,000 ini memang memadai. Kalau sekiranya kadar yang dikecualikan melebihi RM2,000 pihak penganjur ini boleh mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa kerajaan negeri. Pihak kerajaan negeri berkuasa untuk memberikan pengecualian lebih daripada RM2,000.

Maka dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan segala teguran kita akan mengambil perhatian berat semasa kita melaksanakan akta dengan beberapa pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, disetujui

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2000**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.45 ptg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam, persekutuan dan negeri. Secara khususnya pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan pelanjutan umur persaraan wajib bagi pegawai perkhidmatan awam dari 55 tahun sekarang kepada 56 tahun mulai 1 Oktober 2001. Beberapa pindaan berbangkit dengan izin, *consequential amendments* yang menyentuh umur persaraan wajib juga dicadangkan.

Pindaan undang-undang ini membolehkan semua pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Oktober 2001 berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun. Ia juga membolehkan pemberian *option* kepada semua pegawai tetap yang sedang berkhidmat untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun atau bersara apabila mencapai umur 55 tahun seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pelanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun telah diputuskan oleh kerajaan selepas mengambil kira permintaan golongan-golongan tertentu di dalam sektor awam yang berpendapat bahawa umur 55 tahun adalah terlalu awal untuk berhenti kerja. Sebenarnya sebelum ini pun kerajaan telah membenarkan perkhidmatan melebihi umur 55 tahun tetapi hanya atas pelantikan kontrak selama satu atau dua tahun dan secara dengan izin, *selective* iaitu bagi jawatan-jawatan tertentu atas kepentingan sesuatu jabatan. Sebaliknya pindaan yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini merangkumi semua pegawai tetap yang merasakan dirinya masih mampu untuk menyumbangkan perkhidmatan kepada kerajaan sehingga mencapai umur 56 tahun. Dalam hal ini memandangkan umur persaraan wajib pegawai-pegawai yang telah memilih untuk tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga

diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 maka golongan ini juga dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun seperti rakan-rakan mereka di bawah Skim Pencen.

Tuan Yang di-Pertua, perlanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun untuk semua pegawai tetap kerajaan adalah wajar memandangkan peningkatan taraf kesihatan yang telah secara langsung meningkatkan jangkaan hayat penduduk Malaysia. Ini bererti bahawa pegawai-pegawai yang berumur 55 tahun masih cergas dari segi fizikal serta pemikiran minda dan mampu berkhidmat secara produktif untuk negara. Perlanjutan umur persaraan wajib juga dapat memberi pulangan optimum kepada perbelanjaan besar oleh kerajaan untuk kursus dan latihan pegawai-pegawai melalui pengekalan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlatih dalam sektor awam. Perubahan demografi negara menunjukkan dengan izin, *trend* peningkatan jumlah penduduk yang berumur 55 tahun ke atas dan perlanjutan umur persaraan akan dapat memanjangkan tempoh dengan izin, *gain full employment* golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pula sekiranya kesemua 17,000 anggota iaitu pegawai perkhidmatan awam dan pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang akan mencapai umur 55 tahun pada tahun pertama pelaksanaan dasar ini memilih untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun, ianya akan mendatangkan penjimatan pencen sejumlah RM173 juta di samping penangguhan pembayaran ganjaran sejumlah RM814 juta. Dari sudut seseorang pegawai yang dilanjutkan setahun perkhidmatan pula, beliau akan menikmati sekurang-kurangnya pertambahan nilai ganjaran kerana telah dibenarkan tambahan perkhidmatan 12 bulan itu.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan hanya mempersetujui penambahan satu tahun perkhidmatan iaitu daripada umur 55 tahun kepada 56 tahun. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sudah tentunya sedar bahawa perlanjutan umur persaraan wajib sedikit sebanyak membawa kesan terhadap peluang pekerjaan generasi muda khususnya pelajar dan penuntut lepasan sekolah serta institusi pengajian tinggi. Dalam keadaan pasaran buruh yang tidak menentu di negara ini sekarang, kerajaan sebagai majikan utama dan terbesar di negara ini ingin mengelakkan timbulnya keadaan bapa

terus bekerja, anak menganggur. Mengikut penelitian kerajaan, penambahan satu tahun perkhidmatan tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan bagi generasi muda ketika ini. Walaupun umur persaraan wajib dilanjutkan, peluang pekerjaan dalam sektor awam masih ada untuk menampung kekosongan yang sedia ada dalam bidang-bidang perubatan, teknologi maklumat dan pengurusan. Penjawat-penjawat baru juga diperlukan dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi mengisikan kekosongan jawatan akibat persaraan awal, peletakan jawatan, pertukaran perkhidmatan serta kematian semasa dalam perkhidmatan. Kerajaan sentiasa memantau keadaan pasaran buruh dan cadangan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi umur 56 tahun akan dipertimbangkan apabila keadaan mengizinkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sejak diumumkan niat kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib kepada 56 tahun, terdapat pertanyaan kenapa tarikh kuat kuasa dasar baru ini tidak boleh di bawa ke hadapan iaitu ke satu tarikh lebih awal daripada 1 Oktober 2001. Sebenarnya tarikh kuat kuasa 1 Oktober 2001 telah diputuskan selepas mengambil kira keperluan masa untuk meminda undang-undang serta tempoh pemberian *option* kepada semua pegawai tetap dalam perkhidmatan awam. Perlanjutan umur persaraan wajib semestinya menyentuh secara langsung beberapa hak pencen dan faedah persaraan yang terkandung di dalam Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan. Sebarang perubahan kepada unsur faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah undang-undang, memerlukan pindaan kepada undang-undang yang berkenaan dan inilah yang sedang dicadangkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya peka kepada tempoh masa yang diperlukan bagi meminda undang-undang. Dari cadangan rang undang-undang pindaan di Dewan yang mulia ini hingga pewartaan pindaan mengenai pemberian *option* pula, *expectation* dengan izin, seseorang pegawai ialah bahawa beliau akan mula menikmati ganjaran dan pencen apabila mencapai umur 55 tahun. Oleh yang demikian, perlanjutan umur persaraan wajib yang membawa kesan penangguhan pembayaran, ganjaran dan pencen tidak dapat dilakukan tanpa pemilihan atau *option* pegawai itu sendiri. Tempoh *option* sebulan difikirkan memadai untuk membolehkan pegawai-pegawai kerajaan membuat pertimbangan semasak-masaknya sebelum membuat pilihan. Mengambil kira

pertimbangan-pertimbangan ini tarikh kuat kuasa yang paling sesuai untuk melaksanakan keputusan dasar ini ialah 1 Oktober 2001.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin melihat pegawai-pegawai yang berpeluang berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun terus menyumbangkan perkhidmatan yang berprestasi tinggi sehingga ke hari terakhir perkhidmatan mereka. Malah harapan kerajaan dan rakyat ialah supaya golongan pegawai yang telah lanjut usia dapat mencurahkan pengalaman serta pengetahuan mereka kepada generasi muda di dalam sektor awam. Demi peningkatan kualiti perkhidmatan awam keseluruhannya kerajaan akan memantau kesan dasar perlanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun dan sekiranya hasilnya didapati menggalakkan, kerajaan bersedia mempertimbangkan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi umur 56 tahun pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Abdullah Ayub.

2.56 ptg.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membincangkan Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 2001 yang meminda Akta Pencen 1980.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memperkenalkan rang undang-undang ini dan saya menyokong pindaan ini tetapi saya percaya pindaan ini bukanlah untuk meningkatkan umur wajib bersara pegawai-pegawai kerajaan seperti yang digesa oleh pelbagai pihak. Sebenarnya ini adalah bertujuan membetulkan kesilapan yang telah berlaku selama ini mengenai cara bila seorang pegawai itu wajib bersara.

Pada masa ini seseorang pegawai kerajaan itu wajib bersara apabila ia mencapai umur 55 tahun. Ini bermakna dia baru sahaja sampai 55 tahun tetapi belum lagi menjalani umur 55 tahun. Ini bererti pegawai-pegawai itu baru tamat berumur 54 tahun. Jadi pindaan ini adalah bertujuan untuk membetulkan supaya seseorang pegawai itu wajib bersara setelah betul-betul tamat 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak syor yang dibuat oleh pelbagai pihak seperti pertubuhan-pertubuhan pekerja perkhidmatan awam dan persatuan pesara-pesara supaya umur wajib bersara bagi pekerja-pekerja kerajaan ditingkatkan daripada umur 55 tahun kepada umur yang lebih munasabah katakanlah 60 tahun. Ada banyak faedahnya jika umur wajib bersara itu ditingkatkan. Pada hari ini bilangan pesara-pesara kerajaan telah meningkat kepada hampir 400,000 orang iaitu hampir 1/3 daripada mereka yang sedang berkhidmat dan kos pencen dianggarkan lebih kurang RM4 bilion. Bilangan ini bertambah dengan pesatnya setiap tahun kerana bilangan orang yang masuk ke dalam golongan pesara adalah lebih ramai daripada keluar daripada golongan itu atau meninggal dunia. Ini adalah kerana jangka hayat rakyat Malaysia sudah meningkat dengan pesatnya kepada 72 tahun bagi lelaki dan 74 tahun bagi perempuan. Sebelum merdeka dahulu, jangka usia ini ialah kurang daripada 65 tahun dan sebelum Perang Dunia Kedua 60 tahun sahaja.

Sekiranya umur wajib bersara ini tidak ditingkatkan tempoh seseorang pesara itu menerima pencen akan menjadi lebih panjang daripada dahulu dengan penglibatan wang kerajaan yang meningkat yang ditanggung oleh generasi yang akan datang.

Orang yang berumur 55 tahun pada hari ini adalah masih muda, bertenaga dan sihat untuk bersara lantaran tahap kesihatan dan kehidupan yang lebih baik oleh kerana pembangunan negara kita yang pesat. Pegawai-pegawai yang berumur 55 tahun secara amnya masih boleh memberi khidmat yang baik, lebih matang dan lebih berpengalaman. Memberhentikan mereka daripada perkhidmatan terlampau awal merugikan negara terutama pada masa negara memerlukan pegawai yang profesional, terlatih dan berpengalaman seperti doktor, guru-guru, profesor-profesor, akauntan dan ahli-ahli penyelidikan. Bagi mereka yang diberhentikan pada umur 55 tahun, mereka

biasanya mengalami masalah anak-anak yang masih belajar di kolej-kolej atau universiti dan hutang rumah yang masih belum habis selesai.

Pencen yang diperoleh oleh mereka biasanya lebih kurang 1/3 daripada apa yang diperoleh mereka pada masa bekerja. Jika umur wajib bersara ini dinaikkan, masalah ini akan dapat dikurangkan sedikit. Saya kurang faham kenapa kerajaan masih enggan menaikkan tahap umur wajib bersara itu kepada peringkat yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang ini. Kalau hendak memberi peluang kepada rakyat muda mengisi jawatan-jawatan yang dikosongkan itu, ini saya fikir tidak membimbangkan kerana dalam ekonomi yang sedang berkembang, soal pengangguran tidak akan berlaku dan lagi, bukan sektor awam sahaja akan menampung mereka ini bahkan sektor swasta pun akan menampung mereka itu. Lagi pun negara kita pada masa ini menampung lebih daripada se juta orang asing bekerja di negara kita ini.

Kalau soal pekerja-pekerja tingkatan rendah iaitu IMG, tidak mungkin bertenaga lagi selepas berumur 55 tahun, ini boleh diselesaikan sekiranya peningkatan umur bersara dibuat di berperingkat-peringkat mengikut jenis pekerjaan mereka. Misalnya 60 tahun bagi mereka yang dalam division 1 atau 2 atau professional group, 58 tahun bagi division 3 dan 55 tahun bagi division IMG dan juga division 4. Kebanyakan negara-negara yang sudah maju di dunia ini telah menetapkan bahawa umur persaraan ialah 60 tahun,. misalnya di negara Jepun, di negara Singapura sendiri pun dan juga di Amerika, semuanya menetapkan umur 60 tahun, ada yang sampai 65 tahun. Kita sekarang ini berada di ambang negara yang telah maju, jadi patutlah kita ikut teladan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang yang dibahaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:

3.06 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menyokong rang undang-undang yang dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 2001 yang dibawa oleh Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Sungguh pun, Tuan Yang di-Pertua, pindaannya amat sedikit dan kecil, tetapi impact amatlah besar dan cara penyampaian Timbalan Menteri tadi menunjukkan bagaimana kerajaan begitu peka dengan keperluan semasa bagi menentukan negara kita ini terus maju berasaskan kepada rakyat jelata yang sentiasa makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Abdullah bin Ayub - saya difahamkan beliau juga merupakan Presiden kepada Persatuan Pencen dan bekas Ketua Setiausaha Negara - yang berumur 75 tahun tetapi masih aktif bagi memberikan idea-idea yang bernas. [*Tepuk*] Kerajaan telah pun mengiktiraf Persatuan Pencen pun ada wakil di Dewan Negara yang mulia ini dan ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, orang yang sudah lama berkhidmat kepada negara tetapi masih mampu untuk berterusan daripada segi memberikan dan mencurahkan perkhidmatan.

Saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya peningkatan 55 tahun sehingga sampai ke 56 tahun, sebenarnya merupakan satu pembetulan, saya percaya. Saya amat terperanjat, setelah sampai, sungguh pun saya nampak muda, tetapi sampai umur 55 tahun, baru saya tahu rupa-rupanya orang pencen, bukan dia menghabiskan 55 tahun. Cecah sahaja 55 tahun pencen dan ini bermakna tidak complete. Yang 55 tahun itu sepatutnya dia bekerja sehingga dia mencecah umur 56 tahun. Saya pun terperanjat rupanya sampai umur 55 tahun - yang dahululah - sampai umur 55 tahun, habis. Maknanya, akhir tahun ke 54, dia habis. Jadi, kalaulah Akta itu menceritakan apabila sampai akhir tahun ke 55, maka tamatlah perkhidmatan itu dan bukannya memulakan dengan 56. Kita tidak tamat umur 56, kita tamat akhir 55.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau itu ertinya, bererti tidak banyak perubahan dan memandangkan nisbah hayat hidup kita, telah meningkat daripada 72 tahun. Kalau tadi Tan Sri. Abdullah menyebutkan dahulu umur 60, sekarang sudah 72. Wanita, entah macam mana, selalu lebih lama hidup sampai 74 tahun. Jadi, saya sudah sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita pencen, apabila sampai 56, bererti kita ada lebih kurang 16 tahun lagi. Di negara-negara Barat, Tuan Yang di-Pertua, *ratio* atau nisbah pekerja menyokong ahli-ahli pencen ialah 2:1. Tiap-tiap dua orang bekerja, seorang pencen. Ini nisbah negara-negara maju. Ini kerana di sana, Tuan Yang di-Pertua,

sungguh pun umur hayat hidup mereka pun meningkat, mereka pencen sampai umur 62 tahun, dan ada negara yang umur pencennya sampai 55 tahun. Jadi, pekerja-pekerja yang baru masuk ini, sebenarnya setiap dua orang bekerja, dia menyokong seorang pencen.

Di negara kita ini, seperti yang disebutkan oleh Tan Sri Abdullah, kita ada sebenarnya lebih kurang 432,000 orang yang sudah pencen dengan perbelanjaan RM3.4 bilion lebih kurang, RM3 bilion lebih kerana baru-baru ini dalam sesi yang akhir, saya amat berterima kasih kepada Ketua Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah yang memberi taklimat kepada ahli-ahli Dewan Negara dan kita faham bagaimana dengan pegawai-pegawainya memberi kita taklimat bagaimana pekerja-pekerja awam yang berjumlah dekat-dekat 800,000 lebih tetapi. Soalannya sekarang Tuan Yang di-Pertua, di negara kita nisbah pekerja yang menyokong orang yang tidak bekerja, orang yang sudah pencen lebih kurang 3:1.

Setiap orang yang pencen, tiga orang yang bekerja menyokongnya. Jadi, nisbah ini akan bertukar kerana kita lagi lama hidup, insya-Allah dengan izin Allah S.W.T. dengan ubat Tongkat Ali dan ubat-ubat lain ini, akan lama sedikit hidup. Jadi, lagi ramai besok, saya bimbang lagi ramai orang yang pencen daripada yang tidak pencen. Nisbah itu mungkin 2:1 atau 1:5:1 dan ini akan membebankan negara kerana produktiviti, oleh kerana kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, berasaskan negara yang membangun dengan produktiviti yang meningkat. Produktiviti meningkat, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pengalaman dan kebijaksanaan yang dikumpulkan terutama sekali pegawai-pegawai profesional.

Kalau sampai umur 56, Tuan Yang di-Pertua, dia baru hendak menggagahkan diri di dalam pengalamannya, sudah pencen. Katakanlah KSU-KSU, ketua setiausaha-ketua setiausaha kementerian mungkin dilanjutkan dua tahun kontrak pertama, tambah lagi setahun, kontrak yang kedua, itu paling tinggi. Bererti dia boleh meningkat, kalau umur 56 kalau kita pencen sampai umur 56 lagi tiga tahun dekat akhir tahun 58. Dia boleh dapat tiga tahun extra. Tetapi kebijaksanaan (*wisdom*), pengalaman antara umur 55 sampai 65 itulah yang merupakan mutiara hidup. Kegagahan, terutama sekali kaum lelaki, ini gender sikitlah, pasal wanita pencen lebih awal. Kaum lelaki kalau kita tengok

dari segi networking, daripada segi pengalaman dia untuk era dunia globalisasi kita tengok mereka sudah kumpulkan pengalaman itu *accumulated experience*, dengan izin, pada diri dia. Kalau dia berhenti daripada kerajaan misalnya dia juga akan memutuskan seolah-olah perhubungan kerajaan dengan mereka yang bersangkutan paut dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur Perdana Menteri kita mengiktiraf kumpulan semacam ini. Saya tengok Tan Sri Kamil, bekas KSU Kementerian Luar Negeri berkhidmat sebagai seorang penasihat dengan tugas-tugas tertentu. Tan Sri Razali Ismail yang menjadi Presiden kita di United Nations sekejap dua tahun pun berkhidmat untuk negara dan juga untuk Bangsa-Bangsa Bersatu, dan ramai lagi pegawai tertentu yang diberikan tanggungjawab. Selepas itu kita tengok yang mana pencen daripada kerajaan setelah dapat pencen pun dia diberi pula menjadi pengerusi-pengerusi syarikat-syarikat kerajaan, badan-badan kerajaan. Ini satu pengiktirafan. Kalau boleh luaskan sikit masuk juga orang pencen daripada segi politik, diberi peluang semacam itu, ini meluaskan lagi peluang kepada semua pihak baik daripada kerajaan.

Kerana politik, Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak beritahu, Dewan Senate ini dia terpaksa pencen selepas dua tempoh pasal sudah tertera dalam Perlembagaan. Dua tempoh, enam tahun, tiga tahun-tiga tahun, maksimum. Baru-baru ini pagi semalam atau pagi selepasnya kita bertemu dengan sahabat-sahabat kita di Filipina. Di Filipina untuk maklumat Dewan yang mulia ini yang tak sempat berjumpa dengan Senator daripada Filipina, mereka pencen dihadkan selama dua penggal tetapi enam tahun sepenggal. Maknanya, 12 tahun maksimum. Kita lebih kurang 50% lebih rendah, lebih pendek daripada mereka. Dan Dewan Rakyat di sana tiga tahun satu penggal sebanyak tiga penggal. Jadi, maksimum sembilan tahun sahaja dia menjadi ahli Parlimen, ahli Dewan Rakyat di sana, Congress dia panggil. Senate 12 tahun. Kita ini terbalik sikit, Tuan Yang di-Pertua. Di sana sampai bila-bila dia boleh jadi wakil rakyat kalau sekiranya rakyat pilih. Tetapi kita di sini hanya dihadkan kepada dua penggal, tiga tahun sepenggal, enam tahun. Jadi, kalau tengok dalam senarai Ahli-ahli Dewan Negara banyak yang keluar masuk dan sebagainya dalam masa tempoh enam tahun, ada yang satu penggal sahaja kerana tidak dilantik lagi. Ada yang dua tahun, dua penggal.

Jadi, saya mintalah pihak kerajaan seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi menimbangkan untuk, bukan Senate, untuk menentukan 56 itu genap 56 tahun. Kalau hendak buat betul-betul genapkan 56 tahun, bukan sampai 56 tahun. Selepas itu, seperti yang difikirkan oleh Timbalan Menteri tadi dia ada satu cadangan kerajaan akan menimbangkan untuk meningkatkan dari masa ke semasa. Kalau cepat lagi bagus daripada segi pegawai-pegawai kerajaan. Saya amat bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, kalau perlu kita bezakan antara tahap produktiviti golongan profesional yang menggunakan daya pemikiran dengan tahap produktiviti yang menggunakan tenaga. Kumpulan IMG kita bezakan dari segi umur maksimum pencennya, 55, 56, 57 tetapi yang profesional sampai 60 pun tak mengapa. Kalau tidak rugi sangat.

Kita sudahlah mengutarakan supaya kita belajar seumur hidup dengan komputer dan sebagainya, dan kita mesti tahu untuk hendak mendapatkan daripada segi produktiviti daripada pengguna-pengguna baru yang canggih seperti komputer ianya sekurang-kurangnya mengambil masa 40 ke-50 tahun baru terasa produktiviti. Kerana mengikut satu kajian oleh seorang pakar ekonomi daripada Universiti Oxford peningkatan produktiviti hanya dapat dipercepat sampai sesuatu perkara itu berlaku dalam masa 40 tahun. Kuasa tenaga elektrik misalnya yang mula-mula sekali dizahirkan pada 1880, 40 tahun kemudian barulah produktiviti seluruhnya dirasai. Begitulah juga dengan produktiviti yang akan dijanakan oleh teknologi-teknologi baru, ia pertamanya mesti sampai kepada 50% penggunaan di seluruh negara, selepas itu ianya akan mengambil masa antara 30 ke-40 tahun barulah total produktiviti dapat meningkat, dapat dirasai.

Jadi, kalau sekiranya kita bekerja, Tuan Yang di-Pertua, pada umur 25 tahun, katah kita bekerja 30 tahun selepas mendapat ijazah, kalau kerajaan dia hantar pula buat Master ke Havard, Princeton, Oxfordkah, selepas itu ada yang sampai buat Ph.D, maknanya dalam masa itu, kalau Masters sekurang-kurangnya setahun atau tiga tahun, Ph.D yang pandai tiga tahun, yang kurang pandai empat tahun. Maknanya enam tahun dia belajar semasa bekerja dengan kerajaan, sampai umur 56 tahun kita berhentikan dia, kita pencenkan dia. Jadi, tak sampai dari daripada segi kita melabur untuk

meningkatkan kepintaran dan kecanggihan pemikiran dia, bila sampai baru dia hendak menyumbang kepada negara sudah tamat perkhidmatannya.

Jadi, saya mintalah kepada mereka yang diberi kursus oleh pihak kerajaan - kerana sekarang ini saya amat bangga, banyak sudah ada Ph.D. doktor ini, doktor itu, sampai 56 tahun berhenti. Jadi, mereka ini diberikan satu ikat janji, kalau dia buat sampai mendapat Ph.D dalam masa kontrak dengan kerajaan, kita bayar bukan sahaja kontrak dalam masa waktu kerja sampai 56 tahun. Kita tingkat, kita lebihkan supaya mereka kena pencen sampai tiga tahun lebih, maknanya $56 + 3 = 59$, biar dia pencen lambat sikit kerana kita hendak kepada pemikiran dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kerajaan mengumpulkan duit ataupun menentukan dana kumpulan wang untuk hendak membayar pencen RM3 bilion tiap-tiap tahun. Justeru kerana itu, kerajaan mungkin mengadakan kumpulan wang untuk pencen. Saya hendak tahu siapa yang mengendalikan kumpulan wang ini dan cara-cara melaburkan duit ini, kerana kita takut benar kalau sekiranya kumpulan wang ini dicadangkan untuk melabur di dalam syarikat-syarikat di mana risikonya tinggi, saya kasihan benar tengok generasi akan datang wang pencen merosot kerana syarikat yang dilaburnya pun rugi.

Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan berapa banyak Kumpulan Wang Pencen (KWP) yang kita ada untuk hendak meningkatkan umur pencen yang sudah naik ini supaya pensioner-pensioner macam saya ini besok hendak pencen berasa selesa bahawasanya kita tahu duit yang ada dalam Kumpulan Wang Pencen ini terjamin baik. Siapakah yang menjadi ahli-ahli penasihat kepada Kumpulan Wang Pencen ini, kita hendak tahu berkaliber atau tidak kaliber.

Tetapi kita tahu benar, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat KWSP misalnya satu badan ia ada panel juru perunding untuk hendak melabur.

Tabung Haji pun ada dan walaupun ada penasihat-penasihat yang hebat ini rugi juga. KWSP pun ada melabur dalam syarikat-syarikat yang rugi. Cuba bayangkan KWSP ada dua, tiga buah syarikat, dia labur, dia rugi, tidak bayar, hangus begitu sahaja.

Dan begitu juga dengan Tabung Haji, dengan adanya penasihat-penasihat, saya difahamkan penal of advisers, ada investment advisors, mereka pun kadang-kadang

rugi juga. Jadi, saya bimbanglah kumpulan wang pencen ini, siapa dia kumpulan yang memberikan khidmat untuk melabur kedudukan wang kita.

Di Singapura, saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu wang terkumpul (heritage fund), hanya boleh diluluskan, bukan oleh Parlimen, oleh Presiden Dewan Parlimennya. Fasal Singapura itu memang kita percayalah ia bergantung kepada rizab, kekuatan Singapura ialah kekuatan rizabnya, berapa banyak foreign reserve yang dia ada. Kita ekonomi lebih luas, lebih multi-dimensional, lebih pelbagai. Kita ada kelapa sawit, ada getah, ada minyak, ada perkhidmatan elektronik dan sebagainya. Jadi base ekonomi kita, landasan ekonomi kita lebih pelbagai kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Jadi kita tidak seperti itu sempitnya daripada segi menjana ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah juga kepada pihak kerajaan supaya dapat memastikan tidak wujud kumpulan miskin baru di kalangan orang-orang pencen. Kita telah meningkatkan daripada segi tahap kemiskinan kepada RM510 mengikut OPP-3, RMK-8.

Saya hendak bertanya, berapa ramai orang pencen di negara kita ini yang menerima kurang daripada RM510 sebulan. Kalau tidak, pada waktu dia telah berkhidmat kepada kerajaan begitu lama dengan penuh loyalty, dengan penuh keyakinan kepada pemerintah, memberi sokongan, memberikan segala kerjasama, bila sampai waktu tua, sampai 56 tahun dia pencen, dia dapat RM400 sebulan. Tadi Tan Sri cakap, rumah kadang-kadang tidak terbayar, anak ramai lagi masih bersekolah. Dengan pendapatan kurang daripada RM510 mereka bukan sahaja miskin, termiskin kerana bebanan-bebanan harian belum selesai.

Jadi, kalau sekiranya wujud mereka yang menerima RM510 sebulan, kurang daripada itu fikirkanlah cara macam mana pihak kerajaan boleh membantu mereka ini untuk meningkatkan mereka sekurang-kurangnya mendapat pendapatan lebih daripada RM510 sebulan.

Dan kalau mereka sakit pun, kita amat bersyukur kepada kerajaan sungguh pun kita tidak ada skim insurans dan sebagainya tetapi hospital kerajaan sentiasa memberi perkhidmatan percuma, saya rasa percuma kepada mereka yang pencen. Tidak tahulah

kalau mereka hendak membuat pembedahan, saya rasa mereka tidak perlu bayar. Itu pun saya tidak berapa faham, kalau dia kena bayar, kita beri percuma, pembedahan dan sebagainya supaya usia tua mereka dapat kita jaga sampai mereka ini meninggalkan kita untuk selama-lamanya.

Dan saya ingin juga bertanya, di Dewan Rakyat memang riuhlah hal pencen, Tuan Yang di-Pertua, terutama kepada balu. Apabila seseorang itu pencen, Tuan Yang di-Pertua, lepas itu dia meninggal dunia, pencen itu sebahagiannya berapa peratus saya tidak tahu, diberi kepada balu si pencen. Ada klausa yang amat mendukacitakan dan menyedihkan, atas satu klausa ia tidak boleh kahwin dengan sesiapa. Ini hukum ini amat ketat. Kerana wanita kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, umurnya tidak sampai 40 tahun dia kahwin dengan orang yang lebih tua sedikit daripada dia, ini satu fesyenlah, lepas itu orang itu meninggal, dia dapat pencen, lepas itu tidak boleh kahwin.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kalau dia teringin untuk hendak berumah tangga kembali tetapi sayang dengan duit dia yang dia dapat sebagai pencen, sebagai orang Islam, dia tidak boleh mempunyai perhubungan apa pun dengan orang lelaki lain, tetapi naluri sebagai wanita hendak kahwin ini kita tidak boleh sekat. Ini merupakan satu sekatan kepada naluri semula jadi wanita untuk bersama-sama dengan lelaki, kita sudah sekat. Bermakna kita seolah-olah membuatkan satu sekatan yang amat menyedihkan. Saya kasihan melihat wanita yang semacam ini dan kadangkala mereka mungkin kahwin senyap-senyap, dia tidak beritahu pihak pencen, Jadi pencen dapat suami pun dapat.

Jadi, saya rasa elok kita berterus terang, transparent kan perkara ini, terus terangkan, kalau kahwin pun dapatlah juga duit pencen ini. Kerana sebenarnya, kerana Tuan Yang di-Pertua, pencen itu dia dapat setelah dia menjadi isteri yang sah kepada orang yang mendapat pencen dan itu merupakan satu fakta, is a fact that she was the wife of the husband who got the pension, umur 56 tahun tetapi bila dia telah meninggal dunia, it doesn't alter the fact, dia tidak akan menukar fakta yang dia itu pernah menjadi isteri kepada si suami yang meninggal dunia tadi. Yang menjadi fact, dia berkahwin balik dengan orang baru tetapi sumbangan dia sebagai seorang isteri semasa orang itu bekerja, berterusan, ia tidak bertukar, kerana itu dia dapat pencen, bukan kerana sebab

lain. Sebab dia berkahwin dengan A, A bekerja dengan kerajaan, A meninggal, dia dapat pencen. Bila dia kahwin, dia masih lagi bekas isteri kepada si suami dan kalau dia kahwin nombor satu, katalah first wife, isteri pertama mungkin dia dapat lebih sedikit dan lumayan daripada suami. Kalau nombor dua, nombor tiga, nombor empat, apa yang dia dapat. Mungkin pencen itu sahaja merupakan satu dan pencen itu digunakan untuk anak-anak dia, jadi mungkin pencen itulah sahaja punca pendapatan dia.

Jadi, saya mintalah, saya tahu sahabat saya Yang Berhormat Tengku Dato' Adnan ini merupakan seorang yang prihatin kepada hal-hal wanita ini. Jadi, bisik-bisiklah kepada Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau pun ada di situ, bisikkanlah di post Kabinet, masa-masa perhimpunan UMNO kah menceritakan bahawasanya ialah hasrat rakyat jelata, bukan sahaja wanita, lelaki pun mahukan mereka ini terus mendapat pencen, bukan kita hendak eksploitasi situasi,

Datuk Nor Azah bin Awini: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta laluan dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Syabas saya ucapkan kerana kepekaan kepada wanita, women friendly, dengan izin. Cuma saya ingin bertanya satu kepada Dato', daripada segi sekiranya seorang wanita meninggal dunia, apa akan terjadi kepada pencennya, adakah pergi kepada suami atau pergi kepada anak-anak yang belum meningkat 18 tahun. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak bertanya juga soalan itu. *[Ketawa]* Saya pun rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya sayalah kahwin dengan seorang pegawai kerajaan, dan katalah dia jadi DO di Temerloh, tempat saya datang. Lepas itu dia pencen, dia meninggal dunia. Saya rasa duit.., saya sebagai duda, jadi pencen itu dapat kepada saya, dan saya teruskan menjaga anak-anak kita yang berkongsi hidup dengannya tetapi kalau saya ada empat isteri, empat-empat bekerja dengan kerajaan, empat-empat meninggal selepas pencen, adakah saya mendapat keempat-empat pencen, saya tidak tahu, kalau ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat betul ada empat isterikah atau ...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kalau, kalau.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, kerana kita dari segi Islam boleh kahwin lebih daripada satu, kerana kalau dapat kita berikan satu layanan yang sama kepada keempat-empat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya juga kepada pihak kerajaan, adakah kalau seseorang itu berkahwin dengan empat isteri yang keempat-empat bekerja dengan kerajaan, keempat-empat pencen, keempat-empat mati, adakah keempat-empat pencen itu dapat kepada duda yang terpaksa menjaga anak-anak dan kalau ini dapat, lepas itu kalau dia berkahwin pula dengan satu, dua, tiga, empat lagi, adakah pencen itu juga diberi kepada mereka. Ini penting kita hendak mengetahui kerana kalau ini akan memberi peluang, ramai yang akan bertanya-tanya. Jadi kita hendak tahu ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Jaya Partiban: Saya minta laluan sikit terima kasih. Ada juga satu lagi golongan Dato' yang pencen itu dapat gratuity kahwin satu lagi dan bagi gratuity itu kepada isteri yang termuda sekali ataupun terbaharu sekali. Golongan itu termasuk di mana? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya baru dapat gratuity Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tetapi saya tidak terfikir langsung untuk hendak menggunakan wang itu untuk hendak kahwin satu lagi. Jadi, ini terpulang kepada seorang individu. Gratuity ini tidak ada kait-mengait dengan pencen. Pencen ini Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undangnya. Apabila mati sekian-sekian dapat kepada isteri, sekian-sekian dapat kepada anak-anak. Gratuity dapat kepada pensioner, dan orang yang pencen boleh guna apa sahaja dia hendak buat kalau dia perlu hendak kahwin satu lagi, ha lantak kahwinlah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mintalah pihak kerajaan dapat memberikan penjelasan sedikit berasaskan kepada rang undang-undang berkenaan dengan pencen ini boleh berikan sedikit penjelasan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita benar-benar memahami bahawa sesungguhnya Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka dengan keperluan rakyat. Sekian saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Chew Poh Thoi. Belum cakap lagi?.

3.32 ptg.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya mengenai Rang undang-undang Pencen 2001. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya atas pemindaan rang undang-undang ini yang menyatakan sokongan pada saya atas cadangan melanjutkan umur persaraan wajib kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun. Pelaksanaan langkah ini akan membawa kebaikan seperti berikut;

Pertama, kerajaan dapat menjimatkan wang sebanyak RM800 juta setahun berikutan perlanjutan umur persaraan kakitangan awam.

Kedua, golongan yang lebih berpengalaman masih berpeluang menyumbangkan tenaga mereka kepada pembangunan negara.

Ketiga, lebih pendapatan berikutan tambahan setahun tempoh perkhidmatan bagi kakitangan awam.

Pada masa ini taraf hidup dan pendidikan semakin tinggi. Maka perbelanjaan hidup turut meningkat. Ramai ibu bapa terpaksa berjimat cermat untuk menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan di institusi pengajian tinggi terutama kakitangan awam yang bergantung kepada pendapatan yang terhad. Mereka menghadapi masalah kewangan kerana perbelanjaan pendidikan tinggi agak membebankan bagi mereka. Pendapatan penuh dalam masa setahun dapat meringankan beban mereka.

Keempat, seperti yang disebut oleh Tan Sri tadi jangka hayat rakyat Malaysia telah dipanjangkan. Ini berikutan taraf hidup rakyat yang meningkat, kesedaran dalam kepentingan menjaga kesihatan dan peralatan perubatan moden. Maka, sangat merugikan sekiranya seseorang yang masih sihat dan berkemampuan untuk bekerja diberhentikan.

Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan menimbang sama ada umur persaraan boleh dilanjutkan ke umur 60 tahun. Sebagai contoh iaitu di lain-lain negara umur persaraan di India ialah 58 tahun. Bagi Singapura, Thailand, Britain ialah 60 tahun. Amerika Syarikat 62 tahun, Filipina, Perancis dan Belanda ialah 65 tahun. Ini menunjukkan umur 56 masih agak rendah jika dibandingkan dengan

negara lain. Perdana Menteri kita merupakan satu contoh yang baik di mana Yang Amat Berhormat masih sihat dan cergas.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya perlanjutan umur bersara hidup tidak akan menjejaskan peluang kerja bagi golongan muda yang baru tamat pelajaran. Mereka ini merupakan dua golongan yang berlainan. Satu golongan mempunyai pengalaman yang dalam di bidang kerja, satu lagi mentah dan tidak ada sebarang pengalaman langsung. Tiada percanggahan di sini bagi kedua-dua golongan dan saya percaya bidang perkhidmatan awam juga mempunyai kekosongan lagi. Cuma dari segi kenaikan pangkat yang saya tidak pastilah sama ada ini akan mendatangkan sebarang keburukan bagi kakitangan.

Saya juga menyeru kepada pihak kerajaan supaya melanjutkan tempoh guru-guru bahasa di sekolah di mana perkhidmatan mereka yang masih amat diperlukan. Sebagai contoh kita kekurangan guru Bahasa Cina. Tempoh perkhidmatan mereka boleh dipanjangkan lagi untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru dalam bidang ini. Sama juga bagi guru-guru Kemahiran Hidup, Bahasa Inggeris dan lain-lain. Saya harap dengan cara demikian masalah kekurangan guru dalam bidang tertentu boleh diselesaikan sedikit demi sedikit walaupun kesan ketara tidak akan dilihat dalam jangka masa pendek.

Sekian sahaja ucapan saya dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Muhammad.

3.37 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bismillah hirahman nirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencen 2001 di Dewan yang mulia ini.

Saya sangat bersetuju dan sokong penuh di atas saranan Yang Berhormat Dato' Aziz kerana mencadangkan supaya wanita yang suaminya meninggal wajar diberi pencen kerana ramai bekas tentera yang sekarang ini meninggal dunia semasa konfrontasi dan juga semasa darurat dahulu dan kahwin lain tidak dapat pencen dan sekarang bukan jadi ibu tunggal dan telah menjadi nenek tunggal sama. Jadi di sini

saya melihat kesungguhan kerajaan untuk memajukan negara begitu jelas sungguh pun generasi muda yang berumur bawah daripada 50 tahun masih bekerja dan dapat nikmat, rahmat hasil perjuangan daripada Barisan Nasional kita dan juga tidak ketinggalan. Tanpa perjuangan bekas-bekas tentera yang lampau tidak mungkin negara kita aman seperti hari ini. Ini kita mesti ingat terutama kepada generasi muda yang kita melihat terlampau ghairah untuk membuat sesuatu terutama buat reformasi dan sebagainya.

Dengan itu marilah kita merenung sekejap kepada bekas-bekas angkatan tentera yang mana terdapat lebih kurang 2500 orang yang masih pencen bawah daripada RM400 dan juga lebih kurang 250 orang yang pencen, tiada daya upaya yang mendapat tidak lebih daripada RM200 yang mana mereka ini telah berjuang bermati-matian untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara dan cacat anggota semasa konfrontasi dan juga mempertahankan negara semasa komunis dahulu. Dengan itu wajarlah sama-sama kita memikirkan, apakah yang telah terjadi kepada negara kita pada yang lepas.

Oleh itu, harapan kita supaya pihak kerajaan mempertimbangkan supaya gaji mereka ini dinaikkan kepada tahap atas daripada kemiskinan. Kata Yang Berhormat Dato' Aziz tadi atas daripada RM510. Keadaan akan bertambah buruk lagi jika mereka masih mempunyai tanggungan yang besar seperti bilangan anak yang ramai yang masih menuntut di peringkat pengajian tinggi ataupun masalah-masalah lain. Itulah kita lihat pada masa kini dan kemungkinan ramai Yang Berhormat yang ada pada hari ini, saudara-saudara yang menyertai pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang dasar perkhidmatan Angkatan Tentera, anggota-anggota tentera memulakan perkhidmatan mereka bermula pada umur 18 tahun di mana mereka akan menjalani latihan yang lasak, disiplin [*Telefon bimbit berbunyi*] Sorry. [*Ketawa*] Disiplin yang ketat serta suasana hidup yang baru dalam Angkatan Tentera dengan memilih kerjaya ini. Mereka juga terpaksa membuat operasi demi menjaga kestabilan dan keamanan negara, terpaksa meninggalkan anak isteri kerana menyertai atau mempertahankan negara, masuk hutan keluar hutan, sanggup berkorban dan juga ada yang terkorban dan cacat anggota.

Dimaklumkan bahawa walaupun negara kita mendapat kemerdekaan tanpa pertumpahan darah tetapi kita mesti ingat untuk mengisi erti kemerdekaan, banyak darah yang mengalir di bumi Malaysia ni daripada Angkatan Tentera. Adalah tidak dinafikan bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh anggota tentera adalah sangat berat dan merbahaya. Mereka juga terpaksa berpisah dengan kaum keluarga mereka. Anggota-anggota ini terpaksa menempuh liku-liku hidup yang sukar di dalam hutan belantara, di perbatasan dan perairan negara kita.

Walaupun negara kita dalam keadaan aman pada masa kini tetapi tentera-tentera kita ada yang berada dalam hutan, sempadan dan juga dalam lautan untuk menjaga keselamatan negara kita. Bukan semua Angkatan Tentera yang memasuki perkhidmatan tentera ini dapat menerima hakikat, cabaran dan tugas-tugas berat dalam Angkatan Tentera. Bagi mereka yang tidak sanggup menempuhi alam yang penuh dengan cabaran ini akan mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan mereka. Mereka memilih untuk berhenti setelah berkhidmat selama 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun dan 18 tahun atau apabila mereka bersara selepas mencecah umur 21 tahun dalam perkhidmatan, umur mereka semasa itu 39 tahun, masih muda, masih segar dan masih lagi bergaya.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan mereka yang berhenti sebelum tempoh persaraan akan diberi ganjaran perkhidmatan tanpa pencen. Bagi tahun 1998, seramai 1,884 orang anggota lain-lain pangkat telah memilih untuk berhenti dan pada tahun 1999, seramai 1,938 anggota telah berhenti. Angka ini terus meningkat dari setahun ke setahun. Sebab anggota-anggota yang memilih untuk menamatkan perkhidmatan awal sebelum persaraan adalah kerana ada dua faktor utama di samping faktor-faktor sampingan yang dikenal pasti mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan cabaran dan cara hidup sebagai Angkatan Tentera dan yang kedua, mereka menerima ganjaran yang banyak tanpa pencen.

Seorang anggota pangkat Koperal, contohnya yang berkhidmat selama 10 tahun akan menerima ganjaran sebanyak RM35,000. Wang ini adalah daripada wang caruman sendiri, majikan serta dividen. Yang berkhidmat selama 15 tahun akan menerima ganjaran sebanyak RM50,000 daripada hasil yang sama, manakala mereka yang

berkhidmat sehingga 18 tahun akan menerima sebanyak RM70,000. Apabila mereka bersara, setelah berkhidmat selama 21 tahun, mereka akan menerima ganjaran yang jauh lebih rendah iaitu dalam lingkungan RM38,000 wang caruman sendiri dan RM19,000 wang ganjaran perkhidmatan dan pencen diterima bulanan sebanyak lebih kurang RM600 mengikut tangga gaji.

Dengan itu, ramai pegawai tentera yang akan tamat perkhidmatan memilih berhenti cepat iaitu selepas berkhidmat selama 18 tahun kerana mereka melihat bahawa apabila tamat perkhidmatan 18 tahun, ganjaran yang diberinya lebih dan setelah mereka berhenti, lebih kurang 5 atau 6 bulan, mereka menceburi lapangan perniagaan dan lain-lain cara, maka wang ganjaran habis. Apabila habis wang ganjaran, mereka tidak ada pencen, maka jadi masalah kepada negara dan juga melalui persatuan.

Kita dapati banyak masalah-masalah bekas tentera yang tidak dapat meneruskan pengajian anak-anak dan sebagainya dan kita terima kasih kepada kerajaan kerana telah menubuhkan PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera) dan baru-baru ini ditubuhkan Jabatan Veteran untuk membantu bekas-bekas tentera meringankan beban mereka dari masa ke semasa.

Dimaklumkan lebih daripada 250,000 bekas tentera yang telah tamat perkhidmatan dan lebih kurang 50,000 yang pencen. Yang lain tidak ada pencen. Bagi mereka yang mempunyai kepakaran tertentu supaya diberi kemudahan untuk terus berkhidmat selama sehingga 50 tahun, bilangan mereka yang mendapat kemudahan ini adalah kecil ganjaran dan pencen mereka adalah lebih besar. Jadi, dengan itu perlulah dikaji balik supaya Angkatan Tentera juga sampai masa pencen dalam umurnya biarlah tua sedikit, kalau pencen 39 tahun, umurnya begitu muda dan mereka hendak ke atas tidak boleh, ke tengah tidak boleh, minta pekerjaan apa semuanya susah, maka dengan itu mereka rasa mereka terpinggir. Apabila mereka rasa mereka terpinggir, maka mereka kurang memberi sokongan kepada pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, kita Persatuan Bekas Tentera Malaysia sedang berusaha sedaya upaya supaya bekas-bekas tentera kembali ke pangkal jalan perjuangan asal untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Masalah yang dihadapi oleh

bekas-bekas tentera sebagaimana yang saya terangkan tadi, bagi mereka yang telah bersara pada umur 50 tahun dengan memperoleh ganjaran yang banyak serta pencen bulanan jika diberikan bersara 50 tahun tadi. Masalah yang mereka hadapi adalah kurang jika dibandingkan dengan persaraan tentera yang bersara sekitar umur 39 tahun.

Mereka yang bersara pada umur 39 tahun ini mempunyai tanggungjawab yang sangat berat dan banyak seperti anak-anak sedang membesar, ada yang masih di sekolah rendah dan menengah serta pengajian tinggi kerana tentera-tentera ini mempunyai anak yang ramai. Dengan wang ganjaran yang lebih rendah dan pencen yang tidak seberapa, pesara-pesara itu terpaksa menghadapi masalah masa depan yang samar.

Jikalau di dalam tentera mereka sentiasa hidup dalam satu kelompok masyarakat tentera yang terasing daripada masyarakat awam dan jauh sekali daripada dunia perniagaan. Setelah bersara daripada perkhidmatan tentera, mereka ini kurang mahir dalam mengurus kewangan dan tidak kurang di antara mereka yang gagal dalam perniagaan. Masalah mula timbul apabila mereka gagal dalam perniagaan dan cuba mencari kehidupan yang baru dengan memohon pekerjaan yang sesuai dengan pengalaman dan kemahiran mereka. Kadang-kadang mereka melihat perniagaan adalah satu cara yang baik, sebenarnya umpama duduk dalam menara kaca, hendak mengambil tidak kesampaian.

Tidak banyak daripada mereka mendapat apa yang dikehendaki. Ada di antara mereka yang terus gagal dan akhir sekali mereka terpaksa memohon jawatan yang tidak setaraf dengan kemahiran, pengalaman dan pengorbanan mereka selama ini seperti pengawal keselamatan, jaga di bank-bank dan juga di pusat membeli-belah dan ini bagi mereka yang mempunyai pencen. Kalau mereka yang tidak mempunyai pencen, masalah lagi besar.

Marilah kita sama-sama menyelami dan bertanya kepada diri kita sendiri, apakah masalah dan beban yang terpaksa dipikul oleh bekas-bekas tentera yang berhenti sebelum tempoh persaraan iaitu berhenti 10 tahun, 15 tahun dan 18 tahun. Mereka tidak ada pilihan melainkan memohon jawatan untuk menjadi pengawal keselamatan, drebar teksi dan sebagainya, sedangkan umur mereka baru 30-an.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi jawapan, apakah imej yang dipaparkan oleh bekas-bekas tentera yang memenuhi jawatan sebagai pengawal keselamatan ataupun jaga. Di manakah pengorbanan mereka selama ini dan adalah salah satu faktor yang menyebabkan anak muda dewasa ini kurang berminat untuk menceburi diri dalam perkhidmatan Angkatan Tentera. Begitu juga, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan bersetuju untuk membenarkan anak-anak kita memilih kerjaya sebagai anggota tentera.

Dimaklumkan pada masa ini anggota tentera yang bersara atau berhenti adalah lebih daripada 5,000 satu tahun, tetapi yang menyertai pasukan keselamatan tidak sampai 2,000 satu tahun. Kemungkinan wawasan 2020 nanti akan berlaku kegawatan anggota dalam pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, betapa perlunya dasar perkhidmatan dan skim pencen bagi anggota tentera dikaji semula. Anggota-anggota tentera hendaklah digalakkan supaya terus berkhidmat sehingga mendapat pencen. Satu peraturan hendaklah digubal supaya mereka mendapat pencen dan ganjaran yang lebih daripada jika diberhentikan sebelum mencapai 21 tahun perkhidmatan. Dengan mendapat ganjaran yang lebih besar di samping pencen bulanan setelah berkhidmat 21 tahun, saya yakin anggota tentera yang memilih untuk menamatkan perkhidmatan sebelum tempoh persaraan akan berkurang. Mereka akan meneruskan perkhidmatan sehingga bersara.

Anggota-anggota tentera juga bersara setelah berkhidmat selama 21 tahun di mana keadaan sistem pertahanan yang canggih hanya memerlukan satu sentuhan jari mampu memusnahkan satu lokasi pertahanan atau satu kumpulan musuh. Dengan itu wajarlah tentera juga ditingkatkan umur sehingga 50 tahun untuk berkhidmat barulah mereka berpencen. Pihak kerajaan boleh memberi kata dua kepada anggota tentera yang sudah berkhidmat yang mana pencen wajib umurnya 50 tahun setelah berkhidmat selama 21 tahun. Perkhidmatan mereka yang berumur 39 tahun ke atas masih sesuai untuk sistem pertahanan dan boleh digunapakai lagi sehingga mereka berumur macam saya cakap tadi 50 tahun.

Cuba kita membuat kajian dengan teliti ke atas faktor atau dasar perkhidmatan sehingga 21 tahun kepada anggota tentera. Jika kita mengambil kira seorang pemuda

yang mula berkhidmat pada umur 18 tahun dan bersara kepada umur 39 tahun setelah berkhidmat selama 21 tahun, anggota tentera yang mempunyai kemahiran telah dihantar menghadiri kursus peringkat tertinggi di dalam bidang masing-masing, pihak kerajaan telah menanggung kos yang tinggi, melatih dan menghantar mereka berkursus di pusat-pusat latihan termasuk kursus di luar negara. Amatlah merugikan jika mereka yang masih aktif dan mahir ini diberhentikan semata-mata kerana peraturan dan tenaga serta kepakaran mereka tidak dapat dimanfaatkan di tahap yang maksimum.

Pegawai-pegawai tentera yang berpangkat kapten juga diberhentikan sebagai angkatan tentera setelah mereka gagal dalam ujian untuk naik pangkat. Ini pun perlu dikaji balik kerana pada masa ini ramai pegawai-pegawai dalam angkatan tentera tidak mencukupi. Dalam hal ini kajian khusus untuk meminda dasar perkhidmatan angkatan tentera perlu dibuat dengan mengambil kira dan menitikberatkan pengalaman anggota yang telah berkhidmat selama 21 tahun serta masalah-masalah timbul bagi mereka yang menamatkan perkhidmatan dengan mendapat ganjaran yang besar tetapi tidak mempunyai pencen bulanan.

Di sini harapan kita supaya askar wataniah yang berkhidmat lebih daripada 21 tahun wajar juga diberi pencen. Pada masa ini setelah askar wataniah berkhidmat lebih daripada 21 tahun hanya diberi ganjaran sahaja, maka mereka merasa mereka tidak diambil berat oleh pihak kerajaan. Dengan itu harapan kita kepada kerajaan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kerana bertugas sebagai angkatan tentera adalah satu tugas yang unik dan kelainan daripada yang lain.

Imej bekas-bekas tentera mestilah dipelihara agar semangat pemuda generasi akan datang tidak akan luntur dan masyarakat akan lebih menyanjung tinggi kerjaya dalam angkatan tentera. Saya sekali lagi menegaskan betapa perlunya dasar perkhidmatan dalam angkatan tentera dikaji semula bagi membela nasib serta menghargai jasa dan pengorbanan tentera, bekas-bekas tentera, ini supaya kadar pencen dinaikkan daripada 50% kepada 70% mengikut tangga gaji terakhir. Ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan semua Yang Berhormat, anggota tentera bertugas selama 24 jam sehari tetapi tuntutan bekerja lebih masa tidak dapat dituntut

oleh mereka. Oleh itu harapan kita oleh kerana dia bertugas dalam angkatan tentera umurnya masih muda memang wajarlah dipertimbangkan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

3.56 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut membahaskan Rang undang-undang Pencen 1980.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980 Akta 227 untuk menggandakan peruntukan bagi umur persaraan paksa yang baru iaitu 56 tahun bagi pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa dalam pentadbiran awam.

Dalam membahaskan rang undang-undang ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Akta Pencen 1990 yang menyebut bahawa tertakluk kepada Seksyen 16 Pencen Terbitan yang diberi dalam hal-hal keadaan subseksyen 4 hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak melebihi 12 setengah tahun sebaik sahaja berikutan tarikh kematian pegawai itu dan selepas itu penerimaan itu dengan syarat dia adalah bermastautin di Malaysia menerima 70% daripada jumlah yang diberikan. Ini bermakna mereka yang telah diberikan pencen di negara kita boleh menerima 100% dalam masa 12 tahun setengah sahaja, selepas itu pencennya tinggal 70% sahaja.

Sebagai manusia yang hidup sementara di atas keredaan Allah, kita sentiasa berdoa agar umur kita panjang dan semakin bertambah umur kita semakin kita memerlukan pelbagai-bagai bantuan untuk keselesaan hidup. Ramai di antara kita yang berpendapat biarlah kita susah sewaktu kita muda kerana kita masih kuat bertenaga untuk mencari rezeki yang lebih, tetapi adalah harapan semua manusia mudah-mudahan apabila umurnya meningkat ia mempunyai cukup wang dan ada perlindungan untuk beliau semasa beliau sudah tidak ada tenaga untuk bekerja lebih. Apabila umur kita meningkat kita akan berada di dalam serba-serbi kekurangan sebenarnya, kurang daya pendengaran, kurang penglihatan, kurang tenaga, sungguhpun banyak yang berbahas di awal daripada saya menunjukkan sebaliknya. Sewaktu itulah manusia

apabila kita sudah tua sakit dan serba-serbi kekurangan sewaktu itulah manusia mudah diserang dengan pelbagai-bagai penyakit. Ini tidak boleh kita nafikan, akibatnya kita memerlukan pelbagai rawatan dan semakin hari semakin meningkat pula belanja rawatan ini.

Tidak ramai pesara yang mempunyai wang dan bernasib baik untuk mendapat pekerjaan baru dan mampu untuk menampung kekurangan pendapatan di dalam menyara hidup mereka seperti mana yang telah dikata oleh Yang Berhormat Tan Sri. Ramai di antara pesara-pesara ini mereka berkahwin lewat dan mempunyai anak-anak kecil tanggungan sekolah, tanggungan rumah dan sebagainya.

Tambahan pula di tengah-tengah masyarakat yang maju dan serba-serbi sibuk, hidup cara lama di mana ibu atau bapa bergantung kepada anggota keluarga, kurang mendapat perhatian sekarang. Sungguhpun ada sesetengah pesara bernasib baik di mana mereka ini dijaga dengan penuh kasih sayang tetapi ada juga tidak dapat pembelaan daripada anggota keluarga mereka malah kehadiran mereka di dalam keluarga itu dianggap sebagai satu bebanan besar. Kehidupan mereka terpinggir dan tidak menerima sebarang pembelaan atau bantuan. Jalan yang terdekat yang mereka ambil ialah dengan menghabiskan masa tuanya hidup di rumah orang-orang tua. Saya mohon mencadangkan supaya pencen mereka ini dikekalkan ke taraf 100% sehinggalah mereka mengakhiri hayat mereka di dunia ini.

Akta Pencen 2001 perlu memberi perlindungan yang lebih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang sudah bersara kerana ini merupakan satu keselamatan hidup dengan izin, *social security* yang kerap kali menjadi beban fikiran. Sebab itu jika ada cadangan untuk menaikkan paras minimum pencen lebih daripada RM510, ini adalah satu cadangan yang munasabah kerana takrif RM510 yang digunakan sebagai ukuran hidup di dalam masyarakat Malaysia pada hari ini akan meletakkan mereka yang mempunyai pendapatan seperti ini termasuk dalam golongan di bawah garis kemiskinan. Saya rasa inilah yang sedang diuruskan oleh kerajaan dan kebanyakan program yang dijalankan di dalam erti kata pembangunan negara ialah berusaha dengan cara sehabis baik untuk mencari jalan supaya rakyat kita tidak terjerumus ke dalam garis kemiskinan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *poverty is crime*, kemiskinan adalah satu jenayah. Oleh itu Undang-undang Pencen hendaklah digubal supaya ianya selari dengan pembangunan nasional dan menjadi teras kepada kejayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin wanita di negara ini kerap kali memperjuangkan hak balu wanita yang tidak dapat pencen atau tidak dapat hak mereka seperti kaum lelaki. Ketika kita membahaskan Akta Pencen, perkara yang sama telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato' Aziz. Bagi pihak wanita, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan beliau dan menyentuh perkara ini sebelum saya sempat membawa usul ini kepada Dewan. Yang menarik perhatian saya pada kali ini ialah bukan sahaja hak wanita ini diperjuangkan oleh wanita sahaja malah pemimpin-pemimpin kaum lelaki juga sedar bahawa kesaksamaan harus diberikan kepada golongan wanita untuk mendapat hak pencen sama seperti kaum lelaki tanpa mengira sama ada beliau, balu tersebut berkahwin lagi atau tidak. Diskriminasi *gender* ini seharusnya tidak ada lagi di dalam masyarakat kita.

Saya boleh membayangkan, minta maaf Yang Berhormat, mungkin jawapan yang akan diberikan ialah, kalau balu ini kahwin, saya baru bisik-bisik sahaja dengan Tan Sri, Tan Sri kata biar suami dialah yang baru ini yang akan menanggung keperluan beliau. Dengan izin, *there is also a same* Yang Berhormat. *Love is blind*, cinta itu buta. Mungkin balu ini berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pekerjaan. Tan Sri kata buat apa kahwin dengan orang tidak ada pekerjaan tetapi itulah takrifnya *love is blind* dan besar kemungkinan juga setelah berkahwin dengan orang yang mempunyai kerja, dia jatuh sakit, lumpuh dan sebagainya.

Jadi dalam keadaan sedemikian, wanita itu langsung tidak dapat pembelaan. Yang harus kita ingati ialah dalam menjalankan urusan sebagai pekerja ataupun pegawai dalam perkhidmatan awam tidak kira sama ada seseorang itu lelaki atau perempuan, beliau telah menjalankan kerja, *that is very important to her. The job is done*. Jadi janganlah apabila kaum lelaki membuat kerja, dia dapat pampasan. Tetapi apabila wanita pula bekerja apabila beliau bersara dan berhak menerima persaraan suaminya beliau juga tidak dapat haknya. Saya harap diskriminasi gender tidak timbul

apabila soal *gender* ini diselesaikan secara perlembagaan yang kini sedang dibawa dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menambah umur persaraan kepada 56 tahun adalah satu perkara yang realistik, yang sudah pun dihuraikan. Sungguhpun keprihatinan diberi disebabkan jangka hayat kehidupan seseorang telah meningkat, dengan membuat perbandingan di antara negara-negara ASEAN, kalau kita dengar apa yang telah disampaikan sebentar tadi, ada di antara negara-negara tersebut telah mengambil umur 60 tahun sebagai umur pencen. Jadi apabila kita hanya untuk menaikkan kepada 56 masih rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN seperti Singapura, Filipina dan sebagainya.

Yang penting ialah negara amat memerlukan tenaga-tenaga yang berpengalaman dan matang untuk mentadbirkan dan untuk meneruskan perkhidmatan mereka dengan kerajaan. Tempoh sepuluh tahun daripada semenjak kita memasuki alaf baru, millenium adalah satu masa peralihan yang amat penting di dalam negara kita. Di waktu inilah kita diuji dengan pelbagai rintangan sementara negara perlu terus bergerak untuk menembusi semua halangan supaya cita-cita kita untuk mencapai semua Dasar Kebangsaan Negara dapat dicapai sehingga sampai ke matlamat Wawasan 2020.

Oleh itu kita memerlukan setiap tenaga manusia sama ada mereka yang pakar mahupun tenaga sokongan untuk membantu mempersiapkan negara kita di dalam program-program kebangsaan. Jika sekiranya taraf kesihatan manusia sudah meningkat dan tenaga mereka yang kuat dan selagi mereka sanggup bekerja dan mahu berkhidmat, bukan sahaja setakat 56 tahun biarpun sampai ke 60 tahun, ini haruslah tidak menjadi masalah dan saya rasa ini telah disuarakan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini adalah peringkat pertama dan sebagai kajian dan besar kemungkinan ianya dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting, rang undang-undang ini tidak merupakan satu paksaan kerana saya percaya pegawai-pegawai dan kakitangan masih boleh mengambil *option* untuk bersara awal. Saya rasa rang undang-undang ini akan memudahkan kerajaan untuk meneruskan perkhidmatan mereka yang masih penting

kepada perkhidmatan dan mampu memberi sumbangan kepada keperluan negara kita. Jika sekiranya tempoh terakhir perkhidmatan seseorang itu berakhir kerana dengan izin, *mandatory pension* maka kerajaan dan mereka yang akan dipencenkan juga akan sama-sama rugi kerana tidak dapat menerima dan memberi sumbangan kepada pentadbiran yang memerlukan pengalaman dan kepakaran.

Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Abdillah Abdul Rahim.

4.09 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan ke atas suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas kakitangan kerajaan, saya menyokong penuh akta ini dan saya juga menyokong penuh segala hujah-hujah yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya terutama sekali Yang Berhormat Tan Sri Abdullah Ayub dan juga Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan oleh yang demikian, saya tidak ingin untuk mengulanginya sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong rang undang-undang ini, saya ingin juga mengutarakan sedikit pandangan yang mana saya telah perolehi daripada rakan-rakan yang telah bersara. Kebanyakan daripada rakan-rakan saya yang telah bersara bekerja semula sebagai contoh mereka yang mempunyai jawatan tinggi apabila bersara, mereka bekerja semula sebagai *consultant* dan lain-lain di firma-firma dan saya bertanya kepada mereka, kenapa mereka bekerja lagi? jawapan mereka tidak ada hubung kait dengan kewangan. Jawapan mereka ialah mereka masih muda, umur baru 55 tahun dan kalau duduk di rumah, tentu sekali mereka akan berasa dengan izin, boring dan dengan itu ianya akan boleh menjejaskan kesihatan mereka. Maka dengan itu, mereka bekerja semula. Ada juga kawan-kawan saya yang tidak bernasib baik, yang bekerja dalam peringkat bawahan yang mana-mana setelah bersara bekerja semula sebagai watchman dengan izin, dan ada juga yang berniaga menjadi peniaga kecil dan

ada juga yang balik kampung untuk berkebun dan bagi mereka ini, jawapannya ialah, mereka bekerja semula adalah untuk mencari rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga rakan-rakan saya yang benar-benar looking forward dengan izin, untuk bersara. Saya bertanya kepada mereka kenapa ingin sangat hendak bersara? Jawapan mereka ialah, mereka ingin berehat untuk berada bersama anak-anak dan juga cucu-cucu mereka dan saya mempunyai banyak rakan yang telah bersara tetapi tiap-tiap bulan mereka merantau. Merantau ke Labuan, merantau ke Bintulu, bahkan juga ada yang merantau ke Kuala Lumpur kerana untuk berjumpa anak-anak mereka yang bekerja di tempat-tempat tersebut. Apatah lagi, bagi mereka yang mempunyai anak-anak perempuan. Jadi, dengan adanya peluang mereka bersara, mereka dapat meluangkan lebih masa mereka dengan anak-anak dan juga cucu-cucu mereka.

Itulah pandangan yang dapat saya perolehi daripada rakan-rakan yang telah bersara dan juga yang akan bersara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong rang undang-undang ini, saya ingin juga bertanya kepada pihak kerajaan, sama ada masa untuk kita melaksanakan pindaan ke atas akta ini adalah sesuai. Ini adalah kerana seperti mana yang kita sedia maklum, rang undang-undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada kerajaan yang mana belum lagi kita tentukan pada masa ini. Selain daripada itu, dalam masa ekonomi kita yang tidak menentu ini peluang pekerjaan untuk rakyat kita menjawat jawatan dalam kerajaan tentunya sudah menjadi tipis.

Seperti mana yang kita maklum, misalnya tahun ini, umur saya 55 tahun dan saya bersara. Ini bermakna satu jawatan kosong sudah ada untuk diambil oleh pegawai-pegawai yang lain. Jikalau saya berada di peringkat atas, mungkin ianya lebih senang bagi pegawai-pegawai di peringkat bawahan atau baru mengambil alih tempat saya. Tetapi, cuba kita lihat perkhidmatan awam di mana ianya adalah dalam bentuk pyramid, dengan izin, dan sekiranya semua lapisan pegawai di dalam pyramid ini, dengan izin, tidak bersara pada tahun itu kerana disambung semula selama 12 bulan, ini bermakna tidak ada kerja kosong yang akan wujud di dalam semua lapisan tadi melainkan kerajaan menambah jawatan-jawatan baru. Jadi, dalam keadaan ekonomi

kita yang tidak menentu ini, jika kita melaksanakan option atau pilihan dalam pindaan ke atas Akta ini mulai 1 Oktober, 2001, bagi mereka yang berkhidmat sebelum tarikh itu maka peluang untuk rakyat kita mendapat pekerjaan dengan kerajaan terutama sekali dalam lapisan terbawah sekali yang begitu besar adalah sangat tipis.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya sama ada apa yang akan saya utarakan di sini dapat difikirkan iaitu kenapakah opsiyen persaraan paksa umur 56 tahun bagi mereka yang berkhidmat sebelum 1 Oktober 2001 ini tidak ditumpukan kepada jawatan-jawatan yang difikirkan penting sahaja dahulu, manakala opsiyen yang sama bagi pegawai-pegawai lain untuk memilih, menyambung semula pekerjaan hingga 56 tahun tidak ditetapkan pada 1 Oktober 2001 tetapi ditetapkan pada suatu masa apabila keadaan ekonomi mengizinkan. Dengan cara begitu kita akan dapat beralih daripada umur 55 tahun kepada umur 56 tahun secara berperingkat-peringkat dan dengan itu, ianya tidak akan terlalu mempunyai kesan yang ketara kepada perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa rang undang-undang untuk meminda Akta Pencen 1980 adalah satu rang undang-undang yang baik dan saya sendiri menyokong penuh terhadap pemindaan ini. Tetapi, walau bagaimanapun, pandangan saya tadi ialah sama ada masanya sesuai untuk kita melaksanakan opsiyen bagi kakitangan yang berkhidmat sebelum 1 Oktober 2001 berkuat kuasa pada 1 Oktober 2001.

Dengan kata-kata begini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang kita menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dijemput Yang Berhormat Dato'.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan serta pandangan-pandangan dan soalan-soalan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan rang undang-undang ini. Perkara-perkara yang telah ditimbulkan akan diambil perhatian sewajarnya oleh

kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi yang menguruskan hal-hal persaraan dan pencen anggota sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat Tan Sri Abdullah membangkitkan berkenaan dengan umur. Mengenai kemungkinan lanjutkan umur persaraan wajib melebihi 56 tahun seperti mana telah dilakukan oleh beberapa negara jiran seperti saya telah memaklumkan dalam ucapan saya semasa mencadangkan rang undang-undang ini, kerajaan akan memantau kesan perlanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun serta keadaan pasaran buruh dan cadangan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi umur 56 tahun akan dipertimbangkan apabila keadaan mengizinkan.

Mengenai dengan masalah perkhidmatan sektor awam yang perlanjutan umur persaraan wajib mengikut skala, ini saya ingin menyatakan bahawa semua perkhidmatan awam ini dan jawatan-jawatan adalah penting untuk kelicinan jentera kerajaan demi kepentingan rakyat. Jadi, kita tidak akan membezakan di antara satu jawatan dengan jawatan yang lain, malahan kesemua jawatan dalam perkhidmatan awam ini akan dilanjutkan persaraannya seperti yang telah dicadangkan dalam rang undang-undang yang telah disebut.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah membangkitkan berkenaan dengan pembayaran pencen terbitan untuk balu diberhentikan apabila balu itu berkahwin dan banyak juga Ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan perkara ini. Saya ingin menyatakan apabila seorang balu yang menerima pencen terbitan berkahwin semula, beliau telah menjadi isteri orang lain. Seperti Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani telah sebut tadi, inilah pandangan kerajaan. Terpulanglah kepada pasangan barunya untuk menanggung kehidupan beliau seterusnya. Pencen terbitan yang telah balu itu terima adalah bagi perkhidmatan suami beliau yang telah meninggal dunia sebelum itu dan pencen terbitan itu wajar diberhentikan sekiranya berlaku perkahwinan semula.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Timbalan Menteri Tengku Dato' Adnan tentang balu yang menerima pencen kemudian berkahwin semula pencennya diberhentikan kerana tanggungjawab jatuh kepada suami yang baru. Bukankah apabila seorang wanita berkahwin dengan seorang lelaki, suaminya yang pertama mungkin dia mempunyai anak-anak yang masih lagi

kecil. Kadangkala bila wanita ini berkahwin dengan suami yang baru, seperti kata Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani tadi, *love is blind*, mungkin *love is blind* tetapi yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat ini bukankah anak daripada suami yang awal tadi masih lagi atas tanggungjawab bekas isterinya.

Apabila dia berkahwin dengan seorang lagi kadangkala *love* itu setakat kepada isterinya, tidak kepada bekas anak-anak suami yang pertama. Bukankah ada logiknya jika diberikan lagi pencen ini mungkin tidak diberhentikan seterusnya, mungkin diberikan tempoh sehingga anak yang akhir itu nanti berumur hingga 18 tahun atau 20 tahun. Itu mungkin lebih logiknya ada daripada kita terus berhentikan pencen apabila wanita itu berkahwin semula.

Kita tengok kalau anaknya masih lagi kecil diberikan pencen itu untuk dipertanggungjawabkan kepada anak-anak ini sehingga satu tahap umur yang mungkin diambil kira sebagai seorang dewasa yang tidak boleh lagi ada tanggungjawab kepada isteri tadi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah, tetapi Yang Berhormat juga mesti difikirkan, *love is blind*, dengan izin, tetapi tiap-tiap manusia yang ingin berkahwin dengan isteri satu, dua, tiga atau berkahwin semula mesti tahu berkenaan dengan tanggungjawab. Apatah lagi manusia yang berkahwin satu, dua dan tiga ini hanya orang Islam yang dibenarkan dalam negara kita. Maka apabila mereka seorang Islam mereka mesti faham dia ada tanggungjawab mereka bukan kerana mereka hendak kahwin dengan wanita-wanita tadi tetapi kerana pencen yang ada. Well, you can say *love is blind*, dengan izin, tetapi kalau kita membiarkan perkara ini berlaku kita takut wanita itu juga akan ditipu oleh lelaki yang hendak mengahwini beliau barangkali beliau mendapat pencen yang begitu lumayan. Jadi, ini juga kita mesti fikirkan.

Walau macam mana pun, saya berkeyakinan cadangan yang telah diberikan akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam dan jika difikirkan munasabah, saya berkeyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang prihatin dan kita memang jaga terhadap kepentingan rakyat dan kita

akan mengkaji dan kalau difikirkan sesuai kita akan melaksanakan perkara ini. Saya berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai ini akan mengambil perhatian.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, hangat sikit.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih atas jawapan yang diberi. Saya sudah jangka jawapannya sebegitu, tetapi apabila Yang Berhormat mengatakan pencen itu diberi hasil daripada kerja sisuami. Saya ingin bertanya bahawasanya apabila seorang isteri, seorang pegawai wanita bekerja dengan kerajaan dan kemudian meninggal, adakah suaminya menerima hasil daripada kerja siisteri tadi sebagai penerima pencen?

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Sebelum saya menjawab, Yang Berhormat, saya hendak jawab, kita belum habis dengan soalan Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Hamzah, kalau siisteri telah bernikah, *love is blind*, dengan izin, pencen itu memang diberi kepada anak-anak. Kerajaan ini bukan kerajaan zalim seperti disebut oleh pembangkang yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang zalim.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Mahani tadi, ini juga berlaku kepada suami-suami. Katakanlah suami itu telah bernikah dengan empat orang pegawai kerajaan dan kesemua pegawai kerajaan ini telah meninggal dunia kerana sisuami ini barangkali makan keempat-empat pegawai kerajaan tadi, mati. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kalau sisuami bernikah lain, semua pencen yang telah diberi kepada sisuami itu tadi dengan sendirinya tidak akan diberi kepada suami.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa pencen terendah sangat di bawah paras kemiskinan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz. Kerajaan telah putuskan bahawa setiap pesara mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan akan dibayar pencen terendah sebanyak RM280 sebulan mulai 1 Januari 2001. Sebenarnya hanya satu golongan kecil sahaja pesara yang akan menerima pencen terendah. Sebahagian golongan pesara sedang menerima kadar pencen jauh lebih daripada pencen terendah iaitu RM280. Rata-rata sebab di sebalik penerimaan

kadar pencen terendah ialah sama ada pertama, tempoh perkhidmatan yang singkat dan kedua, gaji terakhir yang belum mencapai maksimum dalam gred gaji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pencen-pencen yang kerajaan beri bukanlah merupakan satu pencen yang statik. Kalau gaji anggota awam dinaikkan dan pencen juga akan mengikut ganjaran atau gaji yang baru. Jadi, saya berkeyakinan bahawa kerajaan tidak mahu bahawa ada satu golongan orang pencen yang selepas bekerja dengan kerajaan menjadi satu golongan miskin ataupun satu golongan yang tidak mempunyai keupayaan untuk hidup. Tetapi percayalah apa yang dilakukan oleh kerajaan bahawa pencen-pencen yang diberi kepada pekerja-pekerja awam ini sudah dikaji dengan mendalam bahawa mereka boleh menyara hidup mereka.

Dato' Abdul Aziz tadi telah sebut berkenaan dengan Kumpulan Wang Pencen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pencen ini sebenarnya ditadbirkan oleh satu majlis yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Bank Negara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Maklumat terperinci mengenai hal ini terdapat dalam dalam Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen (Akta 454).

Saya berkeyakinan bahawa Kumpulan Wang Pencen yang ditadbirkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan menjalankan tugas-tugas mereka dengan sebaik mungkin untuk mentadbirkan wang-wang pencen ini untuk memastikan bahawa wang-wang pencen ini dilaburkan dengan sebaik mungkin dan seperti yang kita sedia maklum, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz pun sedia maklum kadangkala apa pelaburan-pelaburan walaupun kita mempunyai dengan izin, *adviser* yang terbaik dan terpintar di dunia ini, apabila pelaburan merudum atau jatuh, ia juga akan jatuh.

Jadi, ini kita terpaksa berhati-hati dan saya berkeyakinan bahawa ahli-ahli kumpulan wang pencen ini sentiasa berhati-hati untuk memastikan bahawa wang pencen ini dijaga dengan sebaik mungkin untuk masa depan ahli-ahli perkhidmatan awam dan juga diri mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', ada yang minta laluan. Dijemput Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menerangkan, sepanjang yang saya tahu pencen ini sebenarnya dibayar daripada hasil, bukan dari punca dana. Dana ini ialah yang baru bagi pegawai-pegawai yang baru masuk bekerja dengan kerajaan sekarang ini. Jadi setiap tahun pencen itu ialah daripada consolidated fund, bukannya dari dana. Itu untuk makluman sahaja, tetapi sama ada saya betul atau tidak, saya sudah berhenti 20 tahun dari kerajaan, tetapi saya fikir itu adalah betul.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri. Apa yang Tan Sri sebut tadi adalah benar dan saya hanya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang membuat pertanyaan tadi bahawa beliau takut, bahawa kumpulan wang pencen yang kita telah simpan di dalam satu dana supaya perkara ini dapat dijaga dengan baik.

Jadi, saya hanya memaklumkan kepada Dato' Abdul Aziz bahawa perkara ini sentiasa dijaga dengan baik kerana yang menguruskan wang pencen ini juga adalah pegawai-pegawai kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah sebut dan saya sebut lagi sekali kalau pegawai perempuan meninggal dunia, dudanya memang dapat pencen terbitan selagi beliau tidak kahwin semula. Kalau ada empat isteri, duda dapat empat pencen, kalau dia berkahwin semula walaupun dengan satu isteri, kahwin semula, maksudnya Tuan Yang di-Pertua, semua pencen yang keempat-empat itu tadi akan hilang.

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit tentang jawapan yang sebentar tadi, kalau seorang lelaki berkahwin dengan empat orang isteri yang bekerja dengan kerajaan, apabila isteri keempat-empatnya meninggal dunia, maka pencennya jatuh kepada si suami. Tetapi kalau si suami kahwin semula, maka terbatallah pencen tersebut. Apakah maksudnya suami itu boleh berkahwin, kata dia kahwin dua, seorang mati, seorang meninggal dunia, dia

kahwin seorang lagi jadi dua, apakah pencen itu terbatal, yang seterusnya atau hanya pencen seorang itu sahaja yang terbatal.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah yang amat prihatin tentang kahwin dua, kahwin tiga. *[Ketawa]*

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi apabila beliau kahwin sahaja, walaupun katalah beliau ada empat isteri, seorang mati, tiga itu hidup, bila kahwin dengan seorang, pencen habis. Penerimaan pencen semua itu akan terbatal, itu maksudnya, maknanya dia tidak boleh berkahwin walaupun dia ada dua isteri, hendak kahwin masuk yang ketiga itu kerana isteri yang ketiga itu telah meninggal dan isteri yang dua itu pun pegawai kerajaan, dia tidak akan menerima pencen kerana ini adalah asas yang dikira oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, petang ini nampak menarik sedikit, cerita cinta buta, duda, tetapi terlupa anak-anak, jangan kahwin empat, anak-anaknya kalau lima sudah 20 orang.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tetapi kalau dia 20 anak pun tak apa, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hendak 70 juta rakyat. Bolehlah kita ...

Timbalan Yang di-Pertua: Takut pegawai-pegawai yang muda ini pasang empat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tetapi kalau dia hendak kahwin pun Tuan Yang di-Pertua, dia mesti tahu tanggungjawab dia, Tuan Yang di-Pertua, jangan jadi macam rakyat Kelantan, dia memang suka berkahwin, tetapi kerajaan-kerajaan PAS kata Islam, tetapi setiap yang berlaku, apa yang mereka lakukan selepas kahwin, dia cerai, anak dia biarkan, isteri dia biarkan dan kebanyakan - oleh kerana saya daripada Wilayah Persekutuan dengan izin, dan tadi Bil berkenaan undang-undang duti hiburan - kebanyakan yang bekerja di karaoke-karaoke adalah wanita-wanita daripada Kelantan yang telah ditinggalkan oleh suami yang mempunyai anak seorang atau dua. Minta maaf saya terkeluar daripada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam ini boleh ambil buat isteri. *[Ketawa]*

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad berkenaan dengan Angkatan Tentera, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani yang amat peka terhadap masalah-masalah yang terdapat di dalam Angkatan Tentera.

Kementerian Pertahanan dan Majlis Angkatan Tentera, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sedang merancang peningkatan umur wajib persaraan bagi Angkatan Tentera, selaras dengan keputusan perlanjutan umur persaraan sektor awam. Faedah-faedah persaraan untuk pesara Angkatan Tentera sentiasa dikaji oleh kerajaan demi kebajikan pesara-pesara itu. Kalau keadaan mengizinkan, peningkatan persaraan ini juga akan dipertimbangkan oleh Kementerian Pertahanan.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencen bekas Angkatan Tentera pun sudah tujuh kali ditingkatkan sejak tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, bagi persoalan daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani berkenaan dengan adakah benar pembayaran pencen terbitan kepada duda diteruskan selepas mereka berkahwin, tadi saya telah jawab dengan pertanyaan-pertanyaan yang lain. Dan berkenaan dengan susutan pencen kepada 70%, itu adalah bagi pencen terbitan balu atau duda sahaja, bukan pencen yang dibayar kepada pesara. Ini bekas anggota awam, kadar 70% ini pun sentiasa meningkat melalui penyelarasan pencen yang dilakukan oleh kerajaan.

Berkenaan dengan peningkatan umur yang telah disebut, ada yang tidak boleh bayar biayai sakit, tua dan sebagainya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rawatan untuk yang menerima pencen adalah dengan secara percuma dan penerima pencen, balu, duda atau anak-anaknya adalah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya jawab apa yang disoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan jika ada perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya jawab, saya berkeyakinan bahawa agensi-agensi kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan yang semuanya ada di sini telah mengambil catatan, dan jika difikirkan jawapan ini patut dihantar secara bertulis, mereka akan melakukan perkara ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Dato'.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001 dibaca kali kedua sekarang. Rang undang-undang yang meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) untuk membolehkan perlanjutan umur persaraan wajib pegawai-pegawai perkhidmatan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat ini. Rang undang-undang yang saya mencadangkan sekarang ini pula ialah untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) bagi tujuan yang sama bagi pekerja-pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

Pindaan undang-undang ini membolehkan semua pekerja tetap yang dilantik pada atau selepas 1 Oktober 2001 berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pekerja tetap yang sedang berkhidmat (termasuk pekerja-pekerja yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun atau bersara pada umur 55 tahun seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan sebab-sebab di sebalik keputusan kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota-anggota sektor awam kepada 56 tahun semasa pembentangan rang undang-undang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2001 di Dewan yang mulia ini sebelum ini. Kini adalah memadai sekiranya diulangi harapan kerajaan dan rakyat agar anggota-anggota sektor awam yang dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun tidak menghampakan hasrat di sebalik keputusan melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka. Mereka hendaklah menganggapkan peluang menambahkan tempoh pekerjaan ini bukan semata-mata bagi peluang menambah tempoh makan gaji tetapi sesungguhnya sebagai peluang keemasan untuk menambahkan jasa kepada negara dan bangsa sebagai penjawat awam yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh kerana undang-undang ini berkait dengan yang sebelum tadi, dengan ini kita pergi dengan agenda yang seterusnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan Majlis Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

4.49 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang telah diperkenalkan pada tahun 1976 telah melalui pindaan pada tahun 1995 yang dikenali dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933). Akta 172 memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk bertanggungjawab terhadap dasar berkenaan dengan pemeliharaan, pentadbiran dan penggunaan tanah dan bangunan di dalam negeri.

Di samping itu, pihak berkuasa perancangan tempatan diberi tugas untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semula tanah dan bangunan dalam kawasanya. Sementara itu, Akta A933 telah memperkemaskan lagi Akta 172 dengan memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa perancangan tempatan dengan menyediakan peruntukan bagi pemeliharaan dan

penanaman pokok, pemeliharaan keadaan asal topografi tanah dan penyediaan laporan cadangan pemajuan.

Semenjak akta tersebut diperkenalkan, negara terus melalui proses pembangunan yang pesat dan secara langsung telah memberi tekanan kepada pembangunan fizikal dan ekonomi negara.

Berikutan dengan itu juga beberapa isu pelaksanaan, perundangan dan penguatkuasaan, di samping mempertingkatkan kelancaran dan keberkesanan hal ehwal perancangan bandar dan desa di semua peringkat perlu diatasi melalui pindaan kepada perundangan sedia ada. Dalam hubungan ini, cadangan pindaan Akta 172 ini adalah bagi memperkukuh peranan perancangan bandar dan desa dalam pembangunan negara melalui perseimbangan dan perkongsian tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri atas prinsip bahawa kepentingan awam hendaklah mengatasi kepentingan individu dalam penggunaan dan pemajuan tanah. Pembangunan perlu berasaskan kepada prinsip-prinsip perancangan bandar yang kukuh dan pembangunan mapan untuk kebaikan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah seperti berikut. Akta ini bertujuan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu Akta 172.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Dicapangkan supaya pihak berkuasa negeri dengan persetujuan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan, akta yang dicadangkan ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau mana-mana kawasan itu di dalam negeri itu.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda ayat menjadi “undang-undang Akta 172” memandangkan jenis pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 6 bertujuan untuk memotong “takrif tertentu” dan memasukkan “takrif baru tertentu” ekoran pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 2A dan 2B ke dalam Akta 172. Seksyen baru 2A, mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis Perancang Fizikal Negara dan fungsi yang akan dilaksanakan oleh majlis itu. Seksyen baru 2B menyatakan fungsi yang akan dilaksanakan oleh Ketua Pengarah, Perancang Bandar dan Desa.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta 172 untuk mengadakan peruntukan bagi tambahan tiga anggota Jawatankuasa Perancang Negeri yang dilantik daripada kalangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi tambahan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) Akta 172 bagi memperuntukkan bahawa Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan dengan mana-mana kawasan di dalam sesuatu negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIA dan IIB ke dalam Akta 172. Bahagian baru IIA mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi sesuatu wilayah yang terdiri daripada satu kawasan yang terletak di dalam dua negeri atau lebih. Bahagian baru IIB menghendaki Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa menyediakan suatu draf rancangan fizikal negara dan mengemukakan bagi kelulusan Majlis Perancang Fizikal Negara.

Fasal 12, 13, 14 dan 15 masing-masing bertujuan untuk meminda Seksyen 7, 8, 9 dan 10 Akta 172 bagi memperuntukkan bahawa draf rancangan struktur yang sekarang ini disediakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan secara berasingan bagi kawasan mereka masing-masing hendaklah kini disediakan bagi seluruh negeri itu oleh Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri.

Sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang dikehendaki oleh peruntukan Akta 172 yang sedia ada, draf rancangan struktur hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditentukan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara selain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan mestilah juga mengandungi langkah-langkah untuk memperelok persekitaran hidup dari segi fizikal, perhubungan, mengurus lalu-

lintas, memperelok kesejahteraan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di samping langkah-langkah untuk memudahkan pemajuan yang mapan.

Pindaan kepada Seksyen 10 Akta 172 juga mencadangkan supaya dalam menimbangkan sama ada untuk meluluskan atau menolak sesuatu draf rancangan struktur, Jawatankuasa Perancang Negeri mestilah berunding dengan Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mendapatkan arahan dan nasihatnya.

Pindaan itu juga mencadangkan supaya diberikan kepada Majlis kuasa pihak berkuasa negeri di bawah subseksyen 10(5) Akta 172 untuk membuat keputusan tentang sesuatu draf rancangan struktur jika Jawatankuasa Perancang Negeri tidak atau abai untuk meluluskan atau menolak rancangan itu dalam tempoh enam bulan daripada penyampaiannya kepada Jawatankuasa.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda Seksyen 11 Akta 172 untuk mengadakan peruntukan bagi kajian semula dan pengubahan sesuatu rancangan struktur manakala Fasal 17 mencadangkan kemasukan ke dalam Akta 172 Seksyen baru 11A dan 11B yang mengandungi tatacara bagi kajian semula dan pengubahan itu.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda Seksyen 12 Akta 172 untuk menghendaki sesuatu pihak berkuasa perancang tempatan menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi kawasanya sendiri dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas suatu rancangan struktur bagi negeri itu telah mula berkuat kuasa.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A yang memperuntukkan bahawa sebelum pihak berkuasa perancangan tempatan memulakan penyediaan rancangan tempatannya serentak diberikan di dalam kawasanya tentang draf rancangan yang hendak disediakan.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda Seksyen 15 Akta 172 untuk menghendaki pihak berkuasa perancang tempatan mengemukakan satu draf rancangan tempatan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk kelulusannya. Adalah dicadangkan juga supaya draf rancangan tempatan hendaklah hanya mula berkuat kuasa apabila persetujuan diberikan oleh pihak berkuasa negeri.

Di bawah peruntukan Seksyen 15 yang sedia ada, sesuatu rancangan tempatan mula berkuat kuasa apabila diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Di bawah Fasal 20, dicadangkan juga supaya jika terdapat perbezaan dalam peruntukan sesuatu rancangan tempatan dengan rancangan struktur bagi negeri itu, pihak berkuasa negeri boleh mengisytiharkan bahawa rancangan tempatan mengatasi rancangan struktur itu jika pihak berkuasa negeri berpuas hati bahawa perbezaan itu disebabkan rancangan struktur itu telah ketinggalan zaman.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16A dan 16B dalam Akta 172. Seksyen baru 16A memberi Jawatankuasa Perancang Negeri, kuasa untuk mengarahkan Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri menyediakan, mengubah dan memansuhkan atau menggantikan sesuatu rancangan tempatan jika pihak perancang tempatan telah gagal untuk berbuat demikian. Seksyen baru 16B mengadakan peruntukan bagi menetapkan satu kawasan khas di dalam negeri yang baginya suatu rancangan khas yang mempunyai kuasa suatu rancangan tempatan boleh disediakan.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 20A yang menghendaki tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri mengenai apa-apa aktiviti kemajuan yang dicadangkan dalam negara masing-masing.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda Seksyen 21 Akta 172 untuk memperkenalkan konsep tanah berjiran. Pemunya tanah itu mestilah dimaklumkan tentang hak mereka untuk membantah permohonan bagi kebenaran merancang. Peruntukan yang sedia ada hanya memperuntukkan hak itu kepada pemunya tanah yang bersempadan.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 21A Akta 172 supaya pihak berkuasa negeri boleh menghendaki bahawa bagi kategori pemajuan tertentu suatu analisis tentang implikasi sosial bagi pemajuan itu mesti dimasukkan dalam laporan cadangan pemajuan.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 172 supaya jenis permohonan yang tertentu bagi mendapatkan kebenaran merancang yang melibatkan pemajuan yang utama hendaklah dikehendaki supaya dirujuk oleh Jawatankuasa

Perancang Negeri kepada Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mendapatkan nasihatnya.

Fasal 26, 27, 28, 30, 32, 33 dan 34 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 26, 27, 28, 29, 30, 35A, 35E dan 35H Akta 172 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen itu. Penalti itu kini termasuk tempoh pemenjaraan.

Fasal 31 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 31A bagi memperuntukkan bahawa rancangan pemajuan hendaklah mengatasi undang-undang kecil bangunan jika ketidakselarasan timbul antaranya.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 36 Akta 172 untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri melantik orang yang sesuai dengan kelayakan dan pengalaman yang sesuai sebagai tambahan kepada kelayakan dan pengalaman yang sekarang dinyatakan dalam perenggan 36(2)(a) untuk menjadi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda subseksyen 38(1) Akta 172 bagi memperuntukkan bahawa rancangan kawasan khas yang diperuntukkan di bawah seksyen baru 16A hendaklah menjadi rancangan yang sewajarnya berkenaan dengan kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan kemajuan.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda Seksyen 58 Akta 172 untuk memberi Majlis Perancang Fizikal Negara kuasa untuk membuat kaedah-kaedah. Fasal itu juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika mana-mana kaedah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak selaras dengan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Perancang Fizikal Negara maka kaedah-kaedah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Fasal 38 mengandungi peruntukan pengecualian bagi permohonan yang masih belum selesai bagi kebenaran merancang atau rayuan terhadap keengganan pihak berkuasa perancang tempatan untuk memberikan kebenaran merancang atau terhadap apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan apabila memberi kebenaran merancang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum tetap ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput Yang Berhormat.

5.09 ptg.

Tuan R. Sinniah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk membuat pindaan kepada Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 2001.

Draf rancangan tempatan dan rancangan struktur yang disediakan oleh kerajaan tempatan tidak menyatakan dengan terperinci mengenai taburan etnik tanpa sebarang penyertaan mengenai saiz etnik masing-masing dalam setiap blok rancangan adalah menyoalkan setengah pihak untuk memberi cadangan atau bantahan. Maka saya ingin mencadangkan agar draf rancangan tempatan dimuatkan dengan data komponen etnik mengikut blok perancangan dan juga dalam bentuk data unjuran untuk memudahkan penilaian semua pihak seperti yang telah dinyatakan dalam Draf Rancangan Tempatan Banting - Teluk Datuk.

Data ini adalah penting supaya cadangan dan bantahan dapat diberi oleh kaum-kaum tertentu tentang perancangannya yang dibuat. Pada masa yang sama, perancangan turut menyatakan mengenai pembinaan tempat ibadat. Kami sarankan agar pembinaan tempat ibadat ini dispesifikasikan dalam perancangan agar kepentingan keagamaan penganut agama tertentu di suatu kawasan turut diutamakan dalam perancangan bandar. Draf Rancangan Tempatan yang dikeluarkan oleh kerajaan tempatan mengabaikan tempat-tempat ibadat kaum Hindu yang telah lama dibina sama ada di tanah kerajaan atau di kawasan persendirian yang belum didaftarkan lagi. Kami

berharap sebuah tempat ibadat dibenarkan untuk setiap penganut agama tertentu sekiranya terdapat 500 orang penganut agama tersebut di sesuatu kawasan.

Pada masa yang sama tanah perkuburan kaum tertentu turut diabaikan dalam perancangan bandar. Saya ingin menyarankan agar tanah perkuburan disediakan untuk setiap kaum yang ditinggalkan di dalam suatu kawasan dalam Draf Perancangan Bandar yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, bantahan yang diberikan oleh penduduk-penduduk tempatan diterima oleh pihak berkuasa tempatan tetapi mereka tidak menyertakan bantahan tersebut dalam laporan mereka. Di sini jelas bahawa permintaan penduduk tempatan diabaikan. Baru-baru ini semua kakitangan serta jabatan kerajaan termasuklah pihak berkuasa tempatan telah diarahkan supaya menerima segala cadangan serta masalah yang disampaikan oleh masyarakat am dan mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah mereka.

Selain itu, tempoh yang diberi untuk mengkaji Draf Rancangan Tempatan iaitu 6 bulan adalah tidak mencukupi. Maka kerajaan tempatan harus melanjutkan tempoh ini supaya Draf Rancangan Tempatan dapat dikaji dengan lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan perumahan yang berhampiran bukit-bukit yang ditebus untuk pembangunan mengalami banyak masalah akibat pembangunan tersebut. Masalah utama yang mereka alami ialah banjir kilat yang berlumpur kerana sistem perparitan yang wujud tidak mencukupi untuk menampung lumpur yang dibawa oleh aras air hujan yang melimpah. Maka kerajaan tempatan atau kementerian haruslah mengambil langkah yang berpatutan untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan tempatan juga harus mengambil alih penyelenggaraan *landscaping* sesuatu kawasan kerana kebanyakan landscaping dibiarkan begitu sahaja oleh pemaju selepas setahun mereka menerima sijil kelayakan pendudukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kementerian atau kerajaan tempatan juga harus mengambil alih pembinaan bangunan-bangunan rizab seperti balai bomba, balai raya, gerai dan sebagainya sekiranya pemaju kawasan tersebut tidak dapat menyiapkan projek pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu pelan projek adalah sungguh panjang. Satu cadangan harus melalui proses kelulusan 12 jabatan kerajaan. Proses ini memakan masa hampir 2 tahun sedangkan dalam Pekeliling Kerajaan telah dinyatakan bahawa setiap jabatan harus memberi ulasan dalam masa dua minggu. Akibat kelewatan ini, kebanyakan pemaju terpaksa menarik diri kerana ketika projek tersebut diluluskan kos projek akan meningkat secara mendadak dan mereka tidak mampu meneruskan projek tersebut. Kementerian serta jabatan-jabatan berkaitan harus mengambil inisiatif untuk memperlepaskan proses ini supaya tidak ada tanggapan bahawa jabatan kerajaan kurang cekap dan tidak gigih.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan harus melantik pegawai yang berkelayakan untuk meluluskan pelan projek kerana kebanyakan kawasan projek yang disediakan oleh arkitek atau jurutera dan penilai yang profesional dinilai oleh pegawai biasa yang tidak mempunyai kelayakan. Perkara ini harus diberi tumpuan utama. Selain itu mereka yang menyediakan pelan rancangan pembangunan harus bertanggungjawab di atas sebarang masalah yang timbul. Selain itu kerajaan tempatan juga harus mengikut kaedah yang digunakan oleh negara luar dalam perancangan bandar umpamanya sistem yang digunakan di London, Sweden dan Singapura di mana terdapat sistem ekspres untuk mendapatkan kelulusan di mana pemaju harus menanggung kos kerja lebih masa staf jabatan-jabatan kerajaan. Selain itu kerajaan tempatan harus menyediakan kursus untuk arkitek serta jurutera yang terlibat dalam pembangunan supaya mereka lebih arif tentang pengurusan kawasan tersebut maka sistem pembangunan yang bersesuaian boleh dijalankan.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 2001. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Abdillah Abdul Rahim.

5.17 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas rang

undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya untuk dibincang dan dilaksanakan memandangkan pembangunan yang berlaku di dalam negara kita yang begitu pesat. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini berhasrat untuk menyeragamkan undang-undang dan dasar sesuatu undang-undang untuk semua negeri dalam Malaysia kecuali Sarawak dan Sabah.

Saya mengalu-alukan rang undang-undang ini kerana ianya akan membolehkan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia diatur dan dirancang tidak secara bersendirian tetapi secara bersepadu supaya ianya akan dapat memberi kemudahan yang lebih baik dan elok kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat pembangunan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia, kita melihat pembangunan itu banyak tertumpu kepada kawasan di Lembah Klang, kawasan di sekitar Negeri Selangor dan sedikit mungkin di persekitaran Negeri Sembilan dan juga Melaka manakala pembangunan di negeri-negeri yang lain tidaklah sehebat seperti apa yang sedang berlaku di negeri-negeri ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta Perancangan Bandar dan Desa ini kelak, maka saya percaya perancangan bandar dan desa dalam semua negeri di Semenanjung Malaysia akan dapat diatur secara bersepadu supaya pembangunan dalam setiap negeri itu adalah selaras dan seragam dengan kawasan-kawasan yang telah membangun seperti Selangor dan Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kawasan-kawasan yang berada dalam jagaan dua buah negeri dan dalam keadaan seperti ini maka jawatankuasa Perancang Wilayah yang akan ditubuhkan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mengawal selia perancangan ini adalah tepat supaya perancangan dalam kawasan di mana ianya meliputi dua negeri itu akan dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini saya tertarik kepada peruntukan di mana ianya mengambil berat tentang sosioekonomi, rancangan fizikal dan juga pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita telah alami dan lihat tentang bangunan-bangunan tinggi dan juga kawasan perumahan di kawasan Lembah Klang dan juga Selangor, kebanyakan daripada pembangunan ini selalunya menimbulkan masalah sampingan. Sebagai contoh, masalah banjir kilat dan juga tanah runtuh. Saya percaya semua masalah yang timbul yang ada kaitan dengan alam semula jadi seperti hakisan tanah dan banjir harus dilihat dari segi pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar.

Maka dengan adanya peruntukan untuk meninjau dan merancang pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar yang akan dilaksanakan oleh majlis ini, maka saya berharap perancangan bandar dan desa kita di masa-masa yang akan datang akan mengambil kira tentang kedudukan sesuatu tempat untuk membangun itu dengan mengambil perhatian yang penuh ke atas alam sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bandar dan desa harus juga mengambil pertimbangan ke atas ekonomi dan sosial rakyat kerana tiap-tiap pembangunan itu harus dibuat dengan tujuan untuk memberi kemudahan dan juga kemajuan dari segi pekerjaan dan kemudahan-kemudahan lain seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Maka, saya percaya dengan adanya perancangan yang bersepadu seperti ini tidak ada kemudahan dalam dua negeri yang berdekatan akan dibuat secara berasingan kerana saya percaya jikalau satu kawasan itu berada dalam dua negeri, kemudahan yang terdapat dalam kawasan ini dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk dalam kedua-dua negeri tersebut dan dengan itu, maka tidak perlu bagi kita mengadakan dua pembangunan yang sama dalam satu kawasan di bawah naungan dua negeri sedangkan mereka adalah berdekatan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dan juga penubuhan jawatankuasa Perancang Wilayah yang akan diamanahkan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara untuk menyelaraskan kegiatan perancangan negara dan juga negeri-negeri, tetapi saya berharap dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, kelulusan bagi tiap-tiap kerja perancangan dalam negeri tidak akan memakan masa yang begitu lama. Saya bimbang sekiranya draf perancangan dari sebuah negeri itu sebelum diluluskan, perlu dihantar kepada jawatankuasa ini dan kemudiannya, setelah diluluskan

baru dapat dilaksanakan oleh tiap-tiap negeri itu. Dengan cara begini saya bimbang kelulusan yang diberi itu akan memakan masa yang lama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sambil kita mengalu-alukan segala cadangan yang ada dalam rang undang-undang ini, kita juga mengharapkan ianya tidak akan menimbulkan satu *red tape* di mana kuasa itu akan tertumpu kepada Jawatankuasa Perancang Wilayah yang telah diamanahkan dan dengan itu ianya akan melambatkan perancangan yang dijadualkan oleh tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga di sini berhubung dengan tugas-tugas Jawatankuasa Perancang Wilayah di mana ianya dikatakan adalah untuk menasihati dan membantu Jawatankuasa Perancang Negeri. Dalam soal ini, saya ingin bertanya sama ada menasihati itu merangkumi meluluskan tiap-tiap draf rancangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Sekiranya ianya juga meliputi kegiatan meluluskan, maka Jawatankuasa Perancang Negeri tidak akan mempunyai kuasanya sendiri kerana ianya terpaksa merujuk kepada Jawatankuasa Perancang Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan yang ada dalam rang undang-undang ini di mana kita berharap tiap-tiap perancangan bandar dan desa dalam tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia ini diselaraskan dan undang-undang yang ada pun diseragamkan supaya ianya akan dapat mengindahkan pembangunan yang ada supaya tidak ada pembangunan dalam sesebuah negeri itu berlainan bentuknya dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh kalau kita berjalan melintasi sesetengah jalan raya yang berada dalam sesebuah negeri di Malaysia ini, terdapat juga jalan raya yang tidak mempunyai rupa yang seragam dengan jalan raya yang ada di tempat-tempat dalam kawasan Selangor dan juga Wilayah Persekutuan dan ada kalanya *round about* dengan izin, di satu kawasan itu lebih besar daripada *round about* yang ada di kawasan yang lain dan ada kalanya lanskap di sesuatu kawasan itu tidak dijaga dengan baik sehingga ianya membuat *eyesore*, dengan izin, kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin hendak menyentuh negeri-negeri mana yang saya maksudkan ini, tetapi saya percaya perkara ini berlaku dalam beberapa buah

negeri yang berada di Semenanjung Malaysia dan yang jelas sekali ialah pembangunan daripada segi bentuk jalan raya dan bangunan-bangunan yang ada tidak lah semaju dan canggih seperti di kawasan Selangor, sedikit dalam kawasan Melaka dan Negeri Sembilan. Saya berharap keadaan pembangunan yang sama juga akan dapat wujud di tiap-tiap negeri yang lain. Tuan Yang di-Pertua.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah, boleh kita sambung.....

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Saya akhirkkan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan saya, saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1995. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abdillah. Nampaknya masa tidak mengizinkan penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri, kita buat pada hari Isnin nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini hingga ke hari Isnin, 13 Ogos, 2001, jam 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

6 Ogos 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

" Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

" Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

" Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)

" Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

" Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

" Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

" Tuan Ho Lim Teck (Melaka)

" Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

" Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)

" Puan Jaya Partiban (Dilantik)

" Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

" Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)

" Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)

" Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

" Tuan Kee Ah Kau (Selangor)

" Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)

" Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)

" Datuk Long bin Jidin (Dilantik)

" Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)

" Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

" Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)

" Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)

" Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)

" Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

" Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)

" Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)

- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAH ASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

DN.9.8.2001

118

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGKAL KETIGA**

MESYUARAT KEDUA

Jilid III	Bil. 21	Khamis	9 Ogos 2001
------------------	----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 (Halaman 27)
- Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001 (Halaman 35)
- Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001 (Halaman 62)
- Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001 (Halaman 99)
- Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 (Halaman 101)